


Jilid II
Bil. 16



Hari Selasa
3hb April, 1984

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 2293]

USUL:

Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat (1981-1985)
[Ruangan 2337]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P.,
D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri,
DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR
NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M.,
A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN
SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJJAH AISHAH
BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.M. TENGKU DATO'
AHMAD RITHAUDDIEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P.,
P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH,
D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N.
(Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG,
D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T.,
P.P.T. (Kuala Terengganu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK
IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ,
D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S.,
J.B.S. (Santubong).

- Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Penerangan, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri merangkap Duta Besar Malaysia ke Indonesia, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).
- „ Menteri Kesihatan, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K., A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORA BINTI SYED MOHAMED, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, PUAN HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHAMED KHALIL YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU (Keningau).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikie).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).

- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, A.M.N., S.M.P. (Kuantan).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).

Yang Berhormat TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).

- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATO SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).

Yang Berhormat TUAN MARK KODING (Kinabalu).

- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB (Hilir Perak).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).

- Yang Berhormat DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K.
(Kimanis).
- ,
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K.
(Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M. (Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SÁLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K.,
S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M.A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N.
(Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P.B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Selasa, 3hb April, 1984

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

**RUMAH RUNTUH DI
TAMAN CHERAS INDAH**

1. **Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada Kementerian mengambil satu pandangan yang serius mengenai kejadian sebaris 9 buah rumah 2 tingkat terletak bersebelahan dengan bekas lombong di Taman Cheras Indah yang runtuh dan terbenam, jika demikian, apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian terhadap pemaju yang berkenaan dan mengapakah kelulusan diberikan kepada projek perumahan yang terletak di atas tanah bekas lombong tanpa terlebih dahulu dipastikan kemantapan tanah. Apakah langkah yang akan diambil untuk mencegah supaya kejadian-kejadian seumpama ini tidak akan berulang lagi.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Puan Napsiah binti Omar): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian ini memang memandang serius terhadap kejadian beberapa buah rumah 2 tingkat yang runtuh dan tenggelam di Taman Cheras Indah tempoh hari.

Berhubung dengan kejadian tersebut, Kementerian telah memanggil pemaju berkenaan bersama-sama dengan jurutera dan arkitek perundingnya untuk memberikan satu laporan yang lengkap mengenai langkah-langkah yang telah dan akan diambil bagi mengatasi masalah yang berkaitan.

Satu laporan berhubung dengan kerja-kerja pertapakan juga dikemukakan kepada Kementerian dan saya pun telah mendapat laporan tersebut dan berpuas hati dengan langkah-langkah yang diambil oleh pihak pemaju. Apa yang diutamakan oleh Kementerian ialah memastikan bahawa pembeli-pembeli yang terlibat tidak teraniaya dan mengalami kerugian di samping menjaga kepentingan dan hak mereka dari segi undang-undang.

Mengenai kelulusan sesuatu projek di bekas tanah lombong, sebenarnya perkara ini adalah di luar bidang kuasa Kementerian. Sebenarnya pihak yang bertanggungjawab meluluskan ialah pihak Kerajaan-kerajaan Negeri dan juru perunding pemaju bertanggungjawab juga di atas penyeliaan projek dan memastikan supaya kerja-kerja pembinaan dapat dijalankan mengikut peraturan-peraturan pihak Berkuasa Tempatan berkenaan.

Bagi memastikan bahawa kejadian itu tidak akan berulang lagi di masa hadapan, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian mungkin akan memastikan bahawa satu laporan kajian tanah atau kerja-kerja pertapakan yang lengkap bagi projek-projek perumahan di bekas kawasan tanah lombong adalah

diperlukan sebelum sesuatu lesen pemaju perumahan dikeluarkan.

Tuan Chan Kok Kit: Tuan Speaker, soalan tambahan. Adakah kejadian tersebut melibatkan rasuah dan adakah Kerajaan mengarah projek perumahan tidak akan diletak di tanah bekas lombong?

Puan Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak nampak bagaimana adanya kejadian apa-apa rasuah di dalam perkara ini. Sekiranya Ahli Yang Berhoramt dari Sungai Besi ada maklumat, saya berterima kasih sekiranya disampaikan maklumat itu kepada Kementerian.

Berkenaan dengan perkara yang kedua tadi, rasa saya Kerajaan tidaklah mengatakan tidak boleh diadakan tapak-tapak ataupun projek perumahan di bekas-bekas lombong tetapi apa yang perlu ialah kajian yang terperinci dibuat terlebih dahulu untuk memastikan supaya harta benda dan nyawa selamat.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih bahawa Kerajaan akan mengambil dan telah pun mengambil satu pandangan yang serius terhadap kejadian yang telah berlaku. Di sini suka saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sama ada semasa Kementerian menerima laporan daripada pemaju yang berkenaan dengan kajian yang dijalankan oleh Kementerian ke atas laporan itu, adakah pihak Kementerian menentukan kecuaiian atau kelalaiian pada pihak pemaju oleh kerana kejadian itu telah berlaku?

Puan Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, dari laporan yang diberi tadi oleh pihak pemaju rasa saya pihak pemaju tidak akan hendak menunjukkan kelalaiannya tetapi untuk menjadi adil dalam perkara ini, Kementerian akan juga menjemput badan-badan yang berkecuali yang tidak

ada kena-mengena dengan syarikat ini untuk juga memberi pandangan mereka dan sungguhpun pemaju ini telah pun melantik pakar-pakar perunding untuk membuat kajian, kami juga akan memberi laporan-laporan ini dan meminta kerjasama daripada badan-badan seperti Institute of Engineers Malaysia untuk memberi pandangan mereka juga terhadap perkara ini.

KERJASAMA DENGAN KERAJAAN BRUNEI

2. Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah bidang-bidang kerjasama yang kita beri kepada Negeri Brunei sejak ianya menjadi ahli ASEAN.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Malaysia sentiasa berusaha memupuk dan meningkatkan hubungan serta kerjasama yang erat dengan Kerajaan Brunei Darussalam baik sebelum mahupun selepas ia dengan rasminya menganggotai Pertubuhan ASEAN pada 7hb. Januari yang lalu. Perkara ini mulai giat diamalkan sejak 3 tahun kebelakangan ini dan akan diteruskan pada masa-masa hadapan.

Saya sukacita memaklumkan bahawa salah satu bidang kerjasama yang penting yang telah kita berikan kepada Kerajaan Brunei Darussalam ialah dalam bidang latihan kepada para diplomatnya.

Dalam hal ini pegawai-pegawai dari Brunei Darussalam pernah menyertai rombongan kita sebagai pemerhati ke Persidangan Menteri-menteri Luar Islam, Persidangan Ketua-ketua Kerajaan Komanwel dan Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu. Selama ini Kerajaan Brunei Darussalam juga telah dan dijangka akan terus menggunakan Wisma Putra dan

INTAN sebagai tempat bagi pegawai-pegawainya mendapat latihan dan pengalaman dalam bidang hubungan antarabangsa.

Kita juga ada memberi kerjasama dalam bidang pelajaran kepada Kerajaan Brunei Darussalam selaras dengan jaminan yang dibuat oleh Kerajaan Malaysia di Persidangan Ketua-ketua Kerajaan Komanwel dalam tahun 1981 di mana Malaysia telah menyatakan kesediaannya untuk melatih pelajar-pelajar dari negara-negara yang sedang membangun dan baru merdeka dalam bidang-bidang yang termampu oleh kita. Sehubungan dengan ini kita telah menawarkan beberapa tempat kepada pelajar-pelajar dari negara Brunei Darussalam bagi mengikuti kursus-kursus tertentu di pusat-pusat pengajian tinggi di Malaysia.

Sebagai rakan dalam ASEAN Malaysia turut sama menghulurkan kerjasama di bidang tentera dan juga polis kepada Kerajaan Brunei Darussalam dalam bentuk latihan dan juga pinjaman (secondment) pegawai-pegawai Angkatan Tentera kita kepada Angkatan Bersenjata Diraja Brunei. Polis Di Raja Malaysia memang sedar dan akan terus memberi latihan kepada pegawai-pegawai Polis Diraja Brunei. Kedua-dua Pasukan Polis juga sering bertukar-tukar maklumat dan buah fikiran dalam perkara-perkara yang dapat memberi faedah kepada kedua buah negara kita.

Akhir kata, sukacita saya menegaskan di sini bahawa Malaysia sebagai amalan yang lalu akan terus menghulurkan kerjasama kepada Kerajaan Brunei Darussalam dalam apa jua bidang selaras dengan usaha kita untuk meningkatkan lagi tali silaturahmi antara kedua-dua buah negara.

Tuan Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar

Negeri telah pun menyatakan bidang-bidang yang diberi oleh negara kita untuk memberi bantuan kepada negeri Brunei Darussalam.

Saya ingin tahu sama ada pihak negara kita Malaysia sedang berusaha supaya negara Brunei ini diterima menjadi anggota OIC.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya nyatakan Brunei sudahpun menjadi anggota OIC hasil usaha Malaysia dalam Sidang Casablanca yang baru lalu.

Tuan Hassan bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah pihak Kerajaan Malaysia bercadang untuk meningkatkan lagi kerjasama yang baik antara Kerajaan Malaysia dengan Brunei iaitu dengan mengembalikan ataupun menghadiahkan kembali Rumah Malaysia sekarang ini yang asalnya bernama Anak Awang Alak Bertatar kepada pihak Kerajaan Brunei.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, soalan itu tidak timbul sebab Rumah itu sudahpun dijual kepada orang perseorangan yang lain sebelum ianya dibeli oleh Kerajaan Sabah dan kemudian dari itu, oleh Kerajaan Persekutuan.

PROJEK KERETA MALAYSIA

3. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah kejayaan HICOM dalam mengeluarkan Kereta Malaysia, dan negara manakah dijangka akan menempah atau telah pun memesan kereta keluaran negara kita nanti. Setakat ini berapa banyakkah pelaburan yang dihabiskan untuk pelaksanaan projek kereta Malaysia ini.

Perdana Menteri (Dato Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, pada umumnya segala kerja sedang berjalan dengan lancar mengikut jadual dan adalah dijangka pihak HICOM akan dapat mengeluarkan Kereta Malaysia yang pertama pada bulan Julai, 1985. Pada masa ini pembinaan kilang sedang dilaksanakan dan telah mencapai kemajuan kira-kira 21%.

Pengeluaran Kereta Malaysia pada peringkat awal ini adalah untuk memenuhi pasaran dalam negeri. Jumlah pelaburan yang dianggarkan untuk Projek Kereta Malaysia ini ialah sebanyak \$631 juta. Setakat ini sebanyak \$134 juta telah dibelanjakan untuk pelaksanaan projek ini.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberi penjelasan tentang apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk menentukan kualiti Kereta Malaysia ini adalah setanding dengan kualiti antarabangsa.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat telah maklum, 30% daripada saham dalam perusahaan ini dipegang oleh Syarikat Mitsubishi dan Mitsubishi Motors Corporation. Mereka adalah pembuat kereta yang terkenal dan nama mereka terlibat dalam Kereta Malaysia ini. Jika kereta ini mutunya rendah maka yang tercemar ialah nama baik mereka. Oleh kerana itu mereka sedang berusaha sedaya upaya mereka untuk menentukan bahawa kualiti kereta yang dibuat di Malaysia ini adalah sama ataupun lebih baik dari kualiti kereta yang dibuat oleh syarikat mereka di Jepun.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bila agaknya kita dapat tahu nama Kereta Malaysia ini.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana Ahli Yang Berhormat tahu baru-baru ini kita mengadakan satu pertandingan untuk menentukan nama kereta ini dan pihak HICOM telah menerima lebih daripada 30,000 nama dan sekarang ini mereka sedang membuat penentuan yang mana satu nama yang akan digunakan dan mereka yang namanya diguna akan mendapat hadiah termasuklah sebuah kereta moden ini. Saya harap Ahli Yang Berhormat dapat memasuki juga dalam pertandingan ini.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagaimana jawapan Yang Amat Berhormat tadi bahawa Kereta ini akan hanya memenuhi pasaran dalam negeri sahaja. Jadi, apakah projek ini akan menguntungkan apabila pasaran dalam negeri tidak begitu luas tambahan pula dengan adanya motokar-motokar lain yang dipasang dalam Malaysia ini dengan begitu banyak sekali. Dalam pada itu apakah Kementerian bercadang ataupun pihak Kerajaan bercadang untuk menubuhkan agensi di luar negeri misalnya di negara-negara jiran peringkat pertama bagi memenuhi pasaran pada masa akan datang supaya projek ini lebih menguntungkan.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, dalam rancangan membuat Kereta Malaysia ini kita telah mengambil kira pasaran yang ada dalam negeri dan saiz kilang yang akan diadakan dan kita berpendapat bahawa saiz ini adalah berpatutan dengan pasaran yang ada. Oleh kerana itu kita percaya bahawa kita dapat menjual kereta kita yang akan kita keluarkan. Namun demikian, kita memang mempunyai rancangan untuk memasarkan kereta ini di luar negeri terutama di negara-negara jiran tetapi mereka juga mempunyai rancangan mereka sendiri. Oleh kerana itu kita perlu mengada satu

jenis kerjasama dengan mereka supaya mereka sanggup memasarkan kereta mereka dan kita juga sanggup akan memasarkan kereta buatan mereka.

Dalam soal ini saya telah bercakap dengan Presiden Suharto di masa dianya membuat lawatan ke Malaysia dan juga baru-baru ini dalam lawatan Timbalan Perdana Menteri Thailand iaitu Bhichai Rattakul, saya telah bercakap berkenaan dengan kemungkinan kita mengadakan satu jenis kerjasama antara kita dengan mereka supaya kita dapat memasarkan kereta yang buatannya berasaskan kepada barang-barang komponen daripada Malaysia dan juga daripada Thailand.

Tuan Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mungkin satu hari nanti persaingan kereta lain akan berlaku di negara kita ini terutama sekali kereta-kereta yang datang daripada barat. Jadi, saya ingin tahu daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sama ada beliau bercadang untuk memberi perlindungan kepada Kereta Malaysia ini.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, kita berharap akan dapat mengeluarkan kereta yang jenis dan harganya adalah competitive dan oleh kerana itu kereta Malaysia akan menjadi suatu kegemaran penduduk-penduduk Malaysia. Namun demikian kita tentulah akan mengkaji sebarang cara pertolongan yang boleh dibuat oleh pihak Kerajaan untuk menentukan supaya kereta Malaysia ini dijual dengan laris dalam negara kita.

DISIPLIN DALAM PASUKAN POLIS DI RAJA MALAYSIA

4. Tuan Mohamad Razlan bin Haji Abdul Hamid minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar, bahawa masih terdapat di kalangan Anggota-anggota Pasukan Polis kita yang kurang berdisiplin. Jika sedar, apakah langkah-langkah beliau

bagi mengatasinya, agar Pasukan Polis kita menjadi pasukan yang benar-benar berdisiplin dan berdedikasi serta menjadikan pasukan yang mengharumkan nama negara.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang di-Pertua, Pasukan Polis Diraja Malaysia adalah sebuah organisasi Kerajaan yang besar dan mempunyai anggota yang ramai berjumlah 71,344 orang. Sebagai sebuah organisasi yang menjalankan penguatkuasaan Undang-undang ianya sudahpun mempunyai tata disiplin yang ketat. Namun demikian ada terdapat sebilangan kecil anggota-anggotanya yang kurang berdisiplin seperti juga organisasi-organisasi besar yang lain.

Bagi menjaga kepentingan awam dan juga nama baik organisasi itu, Polis Diraja Malaysia sentiasa mengambil berat atas perkara yang berkaitan dengan disiplin dan mengambil tindakan tegas ke atas mana-mana anggotanya yang melanggar tata disiplin yang ditetapkan. Cawangan Tatatertib telah ditubuhkan sejak lhb. Januari, 1976 untuk mengawasi dan bertindak ke atas anggota-anggota yang tidak berdisiplin.

Polis Diraja Malaysia juga sentiasa mengadakan ceramah-ceramah yang bercorak pembinaan akhlak mulia dan membuat lawatan-lawatan ke Balai-balai Polis dalam usaha memberi kesedaran, memperbaiki taraf disiplin dan supaya anggota-anggotanya di semua peringkat menghayatinya. Di samping itu segala laporan dan aduan mengenai tatatertib anggota-anggota Polis dititikberatkan dan disiasat dengan rapi untuk membersihkan Polis Diraja Malaysia dari sebarang gejala yang boleh meruntuhkan nilai-nilai disiplin Pasukan.

Dengan langkah-langkah tersebut di atas Kerajaan yakin Polis Diraja Malaysia akan menjadi satu Pasukan

yang benar-benar berdisiplin dan berdedikasi yang akan mengharumkan nama negara di rantau ini.

Tuan Mohamad Razlan bin Haji Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri Dalam Negeri berapa ramaikah anggota-anggota Pasukan Polis sama ada anggota-anggota biasa dan juga pegawai-pegawainya yang telah diambil tindakan disiplin atau tatatertib sehingga tahun 1983 yang baharu lalu?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, elok saya memberi angkanya dengan cara peratusan, daripada saya memberi angka yang bukan peratusan.

Dari kumpulan pegawai yang diwartakan hanya 1.1% sahaja dikenakan tindakan tata tertib daripada jumlah 1,481 orang.

Di peringkat Inspector, yang mana pada tahun 1983 jumlahnya adalah 3,969 orang, peratusan yang terlibat dengan tindakan tata tertib adalah 2.8%.

Berhubung dengan anggota pangkat rendah pula, mereka yang terlibat dengan tindakan ini adalah 6.0% sahaja.

PEMBINAAN PELABUHAN DI LUMUT

5. Tuan Ng Cheng Kuai minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar wujudnya sebuah pelabuhan di Perak adalah perlu untuk menyejajarkan proses perindustrian di negeri itu;
- (b) kos anggaran untuk pembinaan pelabuhan Lumut mengikut bentuk yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri Perak; dan

(c) bilakah pelabuhan tersebut akan siap pembinaannya.

Menteri Pengangkutan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua:

(a) Seperti yang mana Ahli Yang Berhormat maklum, pembinaan sesebuah pelabuhan memerlukan perbelanjaan yang banyak. Dengan itu, pihak Kerajaan perlu mengkaji perkara ini secara teliti dengan mengambil kira rancangan pembangunan negara pada keseluruhannya dan juga pelabuhan-pelabuhan yang sedia ada. Dalam hubungan ini satu kajian jangka panjang pembangunan pelabuhan-pelabuhan akan diadakan bagi mengkaji secara mendalam kedudukan pelabuhan-pelabuhan yang ada sekarang. Selepas kajian ini kita akan menentukan keperluan pembangunan pelabuhan-pelabuhan lain pada masa hadapan.

(b) Memandangkan masih belum ada keputusan berhubung dengan pembinaan pelabuhan di Lumut, maka soal anggaran kos tidak timbul setakat ini.

(c) Soal bilakah pembinaan pelabuhan itu akan disiap juga tidak timbul sekarang.

PROJEK MEMBELA MADU LEBAH

6. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan minta Menteri Pertanian menyatakan, memandangkan bahawa projek-projek membela lebah sedang dijalankan di beberapa buah negara maju, adakah projek-projek seperti ini bagi menghasilkan madu akan dijalankan di dalam negeri ini oleh Kerajaan.

Timbalan Menteri Pertanian (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini Kerajaan belum lagi

menjalankan apa-apa projek menghasilkan madu lebah. Apa yang sedang dibuat ialah penyelidikan dan pembangunan dalam pemeliharaan lebah madu di Malaysia dengan kerjasama IDRC atau International Development and Research Centre, Canada untuk selama 4 tahun.

Tuan Khadri bin Sabran: (*Bangun*).

Tuan Yang di-Pertua: Berkenaan dengan lebah?

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang di-Pertua, ya, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ada menyatakan Kerajaan sedang membuat penyelidikan mengenai pemeliharaan lebah bagi mendapatkan madunya. Jadi, dalam proses penyelidikan itu, adakah Kerajaan dapat memastikan lebah jenis mana yang hendak dipelihara sama ada lebah lalat atau lebah bunga. Lebah lalat ini lebah yang dianggap sebagai kotor, lebah bunga yang bersih tetapi memeliharanya agak bahaya sedikit. Jadi, minta pastikan lebah mana satu. (*Ketawa*)

Yang keduanya, Tuan Yang di-Pertua, dewasa ini permintaan orang ramai terhadap madu lebah kian bertambah, ekoran daripada selera masyarakat sekarang yang suka makan makjun dan makan jamu. Jadi soalannya, adakah Kerajaan akan menetapkan harga lebah asli di pasaran kerana harga bahan madu lebah asli ini tidak tentu, ada kalanya terlalu tinggi dan tidak pernah pula yang kita dapati harganya rendah. Apakah cara-cara untuk memastikan bahawa madu lebah yang ada di pasaran dewasa ini sama ada madu lebah itu asli ataupun tiruan?

Soalan yang ketiganya, Tuan Yang di-Pertua, di dalam pengkajian seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, apakah bentuk bantuan yang boleh diberi oleh

Kementerian ataupun Kerajaan kepada mereka yang ingin untuk memelihara lebah bagi mendapatkan madu?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soalan pertama, apakah jenis lebah yang perlu digalakkan, saya hendak tegaskan di sini, bahawa kajian dan penyelidikan masih dijalankan dan setakat ini belum ada hasil yang tertentu. Jadi saya tidak dapat mengatakan di sini apakah jenis tetapi pada dasarnya tentulah jenis yang baik yang boleh membawa faedah kepada manusia.

Yang kedua soalan harga madu lebah asli, belum ada cadangan untuk menetapkan harga tetapi cadangan Ahli Yang Berhormat itu boleh diberi perhatian sekiranya keadaan memerlukan.

Yang ketiga apakah bentuk bantuan yang Kementerian dapat memberi kepada orang yang berminat, saya tadi telah mengatakan bahawa setakat ini walaupun peringkat awal kajian dan penyelidikan sangat menggalakkan tetapi belum sempurna, jadi setakat ini belum ada rancangan.

GERAI DI HOSPITAL, KUALA LUMPUR— PENGANTIAN

7. Tuan Mohd. Idris bin Mohd. Basri minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah pihak Hospital Besar, Kuala Lumpur akan mendirikan gerai-gerai yang baru untuk disewakan kepada penjaja-penjaja pada kadar yang murah bagi menggantikan gerai-gerai buruk yang dibina dengan tidak teratur dan kurang bersih yang terletak di hadapan Hospital Bersalin dan berhampiran dengan Kelab Sukan, Hospital Besar, Kuala Lumpur.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, pihak Hospital Besar, Kuala

Lumpur tidak akan mendirikan gerai-gerai di kawasannya sekarang.

Walau bagaimanapun Hospital Besar, Kuala Lumpur telah bersetuju untuk memberi sebuah tapak kepada pihak Dewan Bandaraya untuk mendirikan kompleks gerai makan berhampiran dengan Stadium T.P.C.A. sebagai tempat ganti gerai-gerai yang buruk di hadapan Hospital Bersalin pada masa ini.

Apabila projek tersebut disiapkan semua gerai yang berada berhampiran Hospital Bersalin itu akan dipindahkan ke kompleks tersebut. Semua urusan yang bersabit dengan perlesenan, kadar sewa dan penyenggaraan kawasan tersebut akan diuruskan oleh pihak Dewan Bandaraya.

BANTUAN MANGSA-MANGSA BANJIR

8. Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman minta Menteri Penerangan menyatakan sebab-sebab berlakunya banjir besar-besaran merebak dan berlarutan baru-baru ini. Adakah sistem amaran Banjir dan usaha-usaha penyelamatan dan memberikan bantuan kepada mangsa-mangsa banjir memuaskan.

Menteri Penerangan (Dato' Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam): Tuan Yang di-Pertua, dua faktor utama yang telah menyebabkan berlakunya banjir baru-baru ini ialah faktor cuaca dan hidrologi.

Negara terutamanya negeri-negeri di Pantai Timur Semenanjung Malaysia telah mengalami musim tengkujuh yang buruk dari bulan November, 1983 hingga Februari, 1984. Hujan lebat telah turun dan berlarutan sehingga bulan Februari yang lalu. Keadaan ini berlaku kerana kehadiran lekukan udara tekanan rendah, dengan izin, equatorial low pressure trough dan

luruan sejuk (cold surges) dari negeri China dan Siberia yang berterusan sehingga bulan Februari, berbeza dengan tahun-tahun lalu di mana kehadiran keadaan ini hanya sepanjang bulan November dan Disember sahaja.

Dari sudut hidrologi pula, keadaan saluran sungai yang cetek tidak lurus, bahan-bahan buangan dan tumbuh-tumbuhan telah mengakibatkan air yang berlebihan semasa musim hujan tidak berupaya sampai ke laut dengan pantas.

Selain daripada itu, kekurangan tempat takungan air seperti empangan telah menyebabkan air yang berlebihan melimpah ke kawasan-kawasan rendah. Keadaan ini bertambah buruk kerana keadaan tanah yang rata dan rendah di mana bukan sahaja air sukar untuk mengalir ke laut tetapi sebaliknya air laut melimpah ke daratan apabila berlaku air pasang.

Berkenaan dengan sistem amaran banjir serta usaha-usaha menyelamatkan dan memberi bantuan kepada mangsa-mangsa yang terlibat, saya berpuas hati dengan jentera-jentera yang sedia ada dan langkah-langkah yang telah diambil.

Tuan Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan keadaan banjir yang telah berlanjutan dan kemampuan Kementerian yang berkenaan untuk memberi bantuan seperti memulihkan semula pokok-pokok pertanian yang telah rosak dan juga jalan-jalan raya yang rosak, jalan-jalan kampung yang rosak, dan memandangkan tentulah Kementerian tidak berkemampuan untuk menguasai keadaan ini, adakah Kerajaan bercadang untuk mengisytiharkan satu keadaan bencana alam supaya dapat bantuan itu diberikan.

Dato' Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Tuan Yang di-Pertua, Jawatankuasa Bencana Alam Negara

sedang menyasiat dan “stock taking” akibat-akibat banjir yang berlarutan dan akan membuat keputusan nanti.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Seow Hun Khim.

(Soalan No. 9 Y.B. Seow Hun Khim tidak hadir).

JABATAN KEHAKIMAN DAN UNDANG-UNDANG— PENGASINGAN

10. Tuan Karpal Singh minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan bersedia mengasingkan Jabatan Kehakiman dan Undang-undang memandangkan kepada pandangan orang ramai iaitu Peguam Negara itu tiada boleh mengetuai dua-dua jabatan itu dan adakah Kerajaan bersedia membuat syarat-syarat untuk meletak Peguam Negara sebagai Ketua Perkhidmatan Undang-undang sahaja.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak ada apa-apa rancangan untuk mengasingkan Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan seperti mana yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelutong melalui pertanyaannya itu.

Perkara 132 (1) Perlembagaan memperuntukkan satu Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan bersatu bagi negara kita. Semua Pegawai Kehakiman dan Perundangan adalah anggota perkhidmatan bersatu ini yang terletak di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan.

Penggabungan Cawangan Kehakiman dan Perundangan ini dalam Perkhidmatan Awam menjadi satu perkhidmatan bersama dibuat bagi maksud kemudahan pentadbiran sahaja. Pegawai-pegawai dari cawangan

Kehakiman dalam Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan sentiasanya boleh ditukarkan ke Cawangan Perundangan dan sebaliknya bagi maksud kenaikan pangkat dan mendapat pengalaman ikhtisas yang lebih luas. Sistem pentadbiran berkenaan dengan Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan ini telah diamalkan sejak sebelum merdeka lagi dan terus berjalan dengan berkesannya sehinggalah sekarang.

Pentadbiran Perkhidmatan ini tidak boleh dan tidak ada kena mengena langsung dengan kebebasan pihak berkuasa Kehakiman. Apa sebenarnya yang diertikan dengan kebebasan pihak berkuasa Kehakiman ialah orang yang menghakimi sesuatu kes itu hendaklah membuat penghakimannya dengan bebas tanpa berat sebelah, takut atau memihak. Tidak terdapat sebarang bukti untuk menunjukkan kepercayaan orang ramai terhadap pentadbiran keadilan telah terjejas dengan mudharatnya kerana penggunaan sistem yang diamalkan sekarang.

Peguam Negara yang menjadi pegawai yang tertinggi sekali dalam Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan adalah bertanggungjawab terhadap pegawai-pegawai dalam perkhidmatan ini. Sungguhpun demikian, beliau tidak mempunyai kuasa mutlak mengenai perkhidmatan itu.

Kuasa-kuasa itu adalah terletak pada Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan.

Keputusan Mahkamah Tinggi yang dibuat atas rayuan dalam kes-kes Melap bin Su Iwn. Pendakwaraya dan Cheah Yoke Tung Iwn. Pendakwaraya di Seremban pada 8hb. Mac yang lalu sudah cukup membuktikan hakikat bahawa percantuman Cawangan Kehakiman dan Perundangan bagi Perkhidmatan Awam di dalam satu

perkhidmatan bersama tidak dengan apa jua cara mengurangkan sifat kebebasan pihak berkuasa kehakiman.

Dalam hubungan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menafikan tohmah yang dibuat dalam Dewan ini pada 20hb. Mac oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelutong bahawa Peguam Negara telah mencampur tangan dalam perjalanan pengadilan kes Pendakwa raya lwn. Cheah Yoke Tung di Mahkamah Majistret, Seremban.

Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan telah membuat satu siaran akhbar (Press release) pada 21hb. Mac, 1984 dalam mana beliau menyatakan bahawa sebutan pihak ketiga oleh Majistret Encik Zaini dalam keputusannya yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelutong dalam Dewan ini bukanlah orang lain tetapi adalah Ketua Pendaftar sendiri.

Beliau telah pergi berjumpa dengan Majistret itu bukan atas permintaan Peguam negara seperti mana disarankan dengan salahnya oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelutong dan Majistret itu tetapi selepas berunding dengan Hakim Besar pada masa itu Yang Arif Tan Sri Mohd. Salleh bin Abbas.

Ketua Pendaftar juga telah menyatakan seperti berikut:

“Pentadbiran Mahkamah yang sangat-sangat berkurangan kakitangan mengambil berat tentang implikasinya terhadap pentadbiran dengan keputusan Majistret mengemukakan yang dirinya tidak layak mendengar kes-kes jenayah. Jika Majistret itu tidak boleh mendengar kes-kes jenayah, maka bolehlah kami dengan memandangkan kepada kekurangan kakitangan menugaskan beliau untuk membuat kerja-kerja lain seperti mendengar guaman sivil sahaja ataupun menjadi Penolong Kanan Pendaftar ataupun menjalankan kerja-kerja pendakwaan

sebagai Timbalan Pendakwa raya. Dalam apa juga hal jika Majistret itu terpaksa menjalankan mana-mana daripada kerja itu suatu pertukaran akan terlibat di Seremban.

Suka saya mengulang kata di sini bahawa saya tidak pernah pada bila-bila masa juga memberitahu Majistret tersebut yang Peguam Negara telah marah dengannya kerana keputusannya itu atau kerana apa-apa jua sebab yang lain. Dan juga tidak pula saya membayangkan kepadanya yang Peguam Negara mengancam mengenakan sebarang bentuk hukuman terhadapnya.

Saya kesal perkara ini yang dianggap tutup telah diheret balik ke Parlimen dan difikirkan patut dibesar-besarkan perkara itu yang akan hanya menimbulkan perasaan tak senang hati dan tak puas hati dalam perkhidmatan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak nampak perlunya dan tidak bersetuju memisahkan Perkhidmatan kehakiman dan Perundangan supaya menjadi dua perkhidmatan. Sekiranya sistem yang terdapat sekarang diubah ini akan merugikan dan menjejaskan peluang mendapat pengalaman yang luas dan kenaikan pangkat anggota-anggota Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan. Sistem yang telah diamalkan selama ini didapati memuaskan dan patutlah diteruskan.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagi menentukan keadilan di dalam negara kita ini, adakah pihak Kementerian atau Peguam Negara atau pihak Kehakiman ini mempunyai satu panggil 1st class peguam, 2nd class peguam dan juga loyar buruk peguam dan juga peguam yang melibatkan diri dalam politik. Kalau tidak ada, apakah

pihak Kementerian akan mengadakan senarai seperti ini supaya tiap-tiap pesalah yang hendak mempertahankan diri boleh mendapat peguam yang baik yang diakui oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tak benarkan soalan itu. Soalan itu tak bersangkut.

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar dalam alasan-alasan hukuman yang ada diberi oleh majistret yang terlibat dalam kes ini, Encik Zaini, dalam alasan hukuman, beliau ada bercakap Peguam Negara ada buat ancaman, ugutan atas beliau dalam perkara ini. Dan selepas itu Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan menafikan tuduhan itu yang ada dalam alasan hukuman. Jikalau itu betul, jikalau Ketua Pendaftar ada cakap betul, ini jadi apa yang majistret ini ada cakap, ada tulis dalam alasan-alasan hukuman tidak benar. Jikalau begitu ini jadi satu tanda buruk yang tutup dalam hal ini, satu tindakan sesuai untuk diambil, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam hal ini bercadang untuk adakan satu enquiry siapa cakap benar, Tuan Majistret atau Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan dalam perkara ini. Saya baca, Tuan Speaker, dengan izin, apa yang ada ditulis dalam alasan hukuman ini.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah cukup. itu soalan tambahan sudah cukup.

Tuan Karpal Singh: Apa yang ada kata dalam alasan hukuman lebih lanjut. Jikalau saya boleh, ini ada dalam satu hukuman satu hakim, satu majistret.

Tuan Yang di-Pertua: Saya pinta tidak boleh dibacakan dalam masa soal jawab. Tadi sudah pertanyaan telah pun sudah cukup.

Tuan Karpal Singh: Baik, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mengakui bahawa dalam keputusan kes yang tersebut yang dimaksud oleh Ahli Yang Berhormat itu Majistret Mahkamah Seremban ada membuat akaun bahawa beliau berasa mungkin ada tekanan dari pihak Peguam Negara. Tetapi sepertimana saya jelaskan tadi mengikut peraturan yang kita amalkan ataupun sistem yang kita amalkan di negara kita, saya tidak nampak bagaimana Peguam Negara boleh menurunkan pengaruhnya kepada seorang pegawai yang berkhidmat di bawah perkhidmatan kehakiman sebagai seorang majistret.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, walaupun kedua-dua perkhidmatan dicantum sebagai satu perkhidmatan yang dikenali sebagai perkhidmatan kehakiman dan perundangan, tetapi yang sebenarnya Hakim Besar negara kita menjadi ketua kepada Perkhidmatan kehakiman dan Peguam Negara menjadi ketua kepada Perkhidmatan Perundangan. Oleh yang demikian, jika ada pertukaran pegawai, seorang majistret yang bertugas di bawah Perkhidmatan Kehakiman, Peguam Negara tidak boleh bercampur tangan. Begitu juga jika seorang pegawai perundangan yang bertugas sebagai Timbalan Pendakwa Raya rupanya ditukar, Hakim Besar tidak bercampur tangan. Melainkan jika seorang pegawai itu bertukar across, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, daripada menjadi seorang Majistret kepada Timbalan Pendakwa Raya, kedua-dua ketua perkhidmatan tadi iaitu Hakim Besar dan juga Peguam Negara mesti mempersetujui atas pertukaran tersebut. Dengan alasan ini saya percaya bahawa tidak terdapat bukti-bukti yang munasabah yang menunjukkan bahawa Peguam negara selaku pegawai yang tertinggi dalam perkhidmatan boleh menunjukkan pengaruhnya kepada seorang majistret.

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, untuk penjelasan.....

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada dalam penjelasan. Saya ingat dalam soal jawab tidak ada penjelasan.

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, soalan tidak dijawab. Soalan itu ialah adakah cadangan diadakan satu enquiry. Dalam ini untuk minta siapa cakap bohong, Majistret atau Ketua Pendaftar, tidak jawab.

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat duduk. Saya tahu dia tidak jawab, saya tahu. Tetapi dalam soal jawab perkara ini kalau sekiranya Menteri tidak mahu menjawab pun boleh di bawah Peraturan Mesyuarat (*Tepuk*).

PROJEK IADP

11. **Tuan Othman bin Abdul** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) apakah sebab-sebab projek IADP bagi Negeri Kedah tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna hingga menyebabkan peruntukan yang diperolehi dalam tahun 1982 sebanyak \$14 juta tidak dapat dibelanjakan kerana sehingga penghujung tahun berkenaan hanya sejumlah \$5 juta sahaja dapat dibelanjakan; dan
- (b) apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh badan ini hingga menyebabkan kerja-kerja tidak dapat berjalan dan apakah langkah-langkah Kerajaan bagi memperkemaskan badan IADP ini.

Timbalan Menteri Pertanian (Dr Goh Cheng Teik): Jawapan kepada:

- (a) Walaupun peruntukan yang telah diluluskan untuk projek IADP Lembah Kedah pada tahun 1982

berjumlah \$14 juta tetapi sebahagian besar peruntukan itu tidak dapat dibelanjakan kerana pada masa itu komponen-komponen projek belum dapat dipastikan secara muktamad. Ini adalah kerana pinjaman dari Bank Dunia hanya dirundingkan pada bulan Oktober, 1982. Perjanjian pinjaman itu ditandatangani pada 7hb. Februari, 1983 dan berkuatkuasa pada 13hb. April, 1983. Memandangkan bahawa segala imbuhan balik akan hanya boleh diperolehi mulai dari tarikh penguatkuasaan perjanjian pinjaman itu, maka Kementerian memutuskan untuk tidak menggunakan peruntukan sepenuhnya untuk mengelak dari timbulnya masalah mendapatkan imbuhan kelak.

- (b) Masalah-masalah yang dihadapi pada peringkat awalan termasuklah perkara-perkara seperti pengisian jawatan, penentuan komponen-komponen, dan juga pengambilan balik tanah. Kesemua perkara-perkara yang disebutkan ini adalah merupakan perkara yang lazimnya mengambil masa untuk dikemaskan. Bagi menyelaraskan perancangan dan pelaksanaan projek-projek di peringkat bawahan Pejabat Pengarah Projek telah ditubuhkan. Di samping itu Jawatankuasa Pemandu di peringkat pusat yang dianggotai bersama oleh wakil-wakil Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri akan sentiasa menentukan masalah-masalah yang dihadapi dapat diselesaikan dengan berkesan supaya pelaksanaan projek tidak terjejas.

Tuan Haji Seroji bin Haji Haron: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Segi pelaksanaan tadi kita telah dengar, dan saya cuma hendak bertanya adakah pihak Kementerian Pertanian akan mengadakan Pejabat IADP setiap

daerah yang terlibat dengan sempurna kerana pentadbiran ini perlu dan mustahak seperti di Baling, Sek, Bandar Baru dan Kuala Nerang, selain daripada pejabat yang telah ditubuhkan pusat IADP di Sungai Petani.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, cadangan Ahli Yang Berhormat itu akan diberi perhatian.

Dato Haji Mohd. Abu Bakar bin Rautin Ibrahim: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan bahawa IADP di Kedah sedang menjalankan tugas-tugas untuk menyediakan kemudahan-kemudahan asas pertanian seperti pamaritan dan perairan, juga untuk membina jalan-jalan pertanian dan rumah-rumah pam di kawasan yang ditugaskan kepada IADP dan saya difahamkan juga untuk tempoh tahun 1984, 1985, IADP memerlukan peruntukan hampir-hampir \$7 juta. Soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, adakah kemungkinan Kerajaan akan menyediakan peruntukan ini dan adakah pihak Kerajaan yakin bahawa IADP dapat melaksanakan rancangan-rancangan yang telah pun disusunkan seperti yang saya sebutkan tadi?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian dan Kerajaan Persekutuan telah mengkaji perkara ini dengan teliti dan oleh kerana keadaan kewangan negara tidak mengizinkan untuk tahun 1984, cuma \$14.5 juta diluluskan untuk IADP Lembah Kedah dan bagi tahun 1985 sebanyak \$45 juta.

JALANRAYA BATU 10-11 SEREMBAN-TAMPIN

12. Dr Chen Man Hin minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada terdapat rancangan-rancangan untuk membaiki sebahagian jalan yang bengkok-bengkok yang amat merbahaya di antara Batu 10-11 di

Jalanraya Seremban-Tampin kerana kemalangan-kemalangan kerap kali berlaku di situ.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Datuk Dr Nik Hussain bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya pada masa ini tidak ada peruntukan untuk memperelokkan jalan di antara Batu 10 ke Batu 11 Jalanraya Seremban-Tampin. Tetapi Kementerian saya bercadang memasuki rancangan memperbaiki jalan ini di bawah Rancangan Malaysia Yang Kelima.

ASKAR VIETNAM MENJALANKAN PERANG KIMIA

13. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah yang telah dibuat oleh negara-negara ASEAN berhubung dengan laporan-laporan yang mengatakan bahawa askar-askar Vietnam yang menduduki Kampuchea kini sedang menjalankan perang kimia atau "chemical warfare" yang dikutuk oleh semua orang yang mempercayai akan prinsip kemanusiaan.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Tuan Yang di-Pertua, soal penggunaan senjata-senjata kimia memanglah suatu perkara yang serius dan Kerajaan kita memang mengutuk segala penggunaan senjata-senjata sedemikian di dalam sebarang konflik. Penggunaan alat-alat senjata kimia (Chemical Weapons) adalah kejam dan melanggar hak-hak asasi manusia dan oleh kerana itu penggunaannya telah diharamkan oleh Protokol Geneva 1925 dan juga Konvensi 1972 di mana Malaysia turut menandatangani perjanjian-perjanjian tersebut pada tahun 1970 dan 1972.

Sejak penaklukan Kampuchea oleh Vietnam, beberapa kenyataan telah dibuat oleh Putera Sihanouk dan Encik Son Sann termasuk di dalam

Bangsa-bangsa Bersatu bahawa Vietnam telah menggunakan senjata-senjata kimia di Kampuchea. Oleh itu, negara-negara ASEAN telah juga bersama meminta supaya suatu penyiasatan dibuat mengenai tuduhan tersebut. Tetapi satu Kumpulan Pakar (Expert Group) yang telah ditubuhkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bagi menyiasat hal ini telah dihalang oleh Vietnam daripada memasuki Kampuchea bagi menjalankan tugas mereka. Namun demikian, satu penyiasatan mengenai perkara ini sedang dijalankan berbangkit daripada inisiatif beberapa pihak tertentu di Thailand.

Selain daripada itu negara-negara ASEAN telah juga memberi sokongan kepada pihak Kerajaan Sihanouk dalam mengemukakan perkara ini di Sessi 40 Suruhanjaya Hak Asasi Manusia di Geneva pada bulan Februari yang lepas.

Kerajaan kita akan terus-menerus menyuarakan tentangan kita terhadap sebarang penggunaan senjata-senjata kimia dan akan menyokong usaha supaya ianya diberhentikan.

PENEROKA FELDA

14. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan benarkah dakwaan setengah-setengah peneroka FELDA bahawa ada di antara peneroka-peneroka itu yang bertindak bertentangan dengan prinsip-prinsip Kerajaan, sehingga menimbulkan pecah belah di kalangan peneroka-peneroka itu; jika benar:

(a) apakah langkah-langkah positif lagi membina yang diambil oleh pihak Kementerian bagi mengatasi masalah sosial yang boleh menjejaskan kesejahteraan hidup masyarakat peneroka-peneroka itu;

(b) adakah Kerajaan bercadang untuk mengenakan syarat-syarat yang lebih ketat kepada peneroka-peneroka baru bagi menjamin kestabilan dan kesejahteraan masyarakat peneroka di masa hadapan; dan

(c) adakah Kerajaan bercadang untuk mengambil tindakan yang lebih berat kepada mereka yang melakukan perkara-perkara yang menjejaskan kesejahteraan umum dalam masyarakat FELDA di masa hadapan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Zainal Abidin bin Zin):

Tuan Yang di-Pertua, terdapat hanya segelintir sahaja peneroka yang terkadang-kadang bertindak bertentangan dengan prinsip-prinsip Kerajaan tetapi ianya tidaklah menimbulkan pecah belah di kalangan peneroka-peneroka FELDA kerana segala kegiatan mereka adalah diawasi dan terkawal. Beberapa langkah positif lagi membina telah diambil oleh Kementerian saya dan Pentadbiran FELDA dalam usaha mengatasi masalah-masalah ini terutama sekali masalah sosial yang boleh menjejaskan kesejahteraan hidup masyarakat peneroka ini. Langkah-langkah ini di antaranya ialah:

(a) (i) Menubuhkan sebuah Jawatankuasa Hal Ehwal Peneroka di peringkat Kementerian yang dipertanggungjawabkan untuk berusaha dan mencari jalan bagi mengatasi masalah yang dihadapi oleh peneroka; dan

(ii) Sebuah Jawatankuasa Hal Ehwal peneroka di peringkat Ibu Pejabat FELDA. Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk menerima, membincang, mengkaji dan mengatasi masalah-masalah yang dikemukakan oleh peneroka-peneroka ini. Satu unit iaitu Unit Hal

Ehwal Peneroka telah ditubuhkan pula di bawah Jabatan Khidmat Pembangunan Sosial, FELDA. Jabatan Khidmat Pembangunan Sosial di FELDA ini sememangnya dipertanggungjawabkan untuk menjaga kepentingan dan kebajikan peneroka menerusi aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Jawatankuasa Kemajuan Rancangan (JKKR) di peringkat Rancangan, Wilayah dan Kebangsaan yang mengemukakan penglibatan peneroka dalam bidang-bidang perniagaan. Peneroka digalakkan menjalankan projek-projek ekonomi sampingan khususnya melalui koperasi peneroka. Soal "latihan" dan "generasi kedua" juga diambil perhatian khusus oleh Jabatan Khidmat Pembangunan Sosial. Program Pembangunan Sosial dan Kemasyarakatan untuk generasi kedua meliputi:

- latihan dalam bidang vokasional;
- menyediakan bantuan pinjaman kepada belia-belia yang ingin menjalankan perniagaan;
- mengadakan kursus pertanian asas bagi anak peneroka;
- kegiatan ekonomi, sukan dan kebudayaan untuk belia dan beliawanis;
- ianya juga termasuk pendidikan dan pelajaran Agama.

Latihan juga diberi kepada peneroka dari masa ke semasa untuk mengwujudkan masyarakat peneroka yang progresif juga bagi menyakinkan lagi peneroka dalam menghadapi kehidupan mereka sehari-hari.

(iii) Menggalakkan kegiatan-kegiatan Jawatankuasa Kemajuan Rancangan (JKKR) di rancangan-rancangan FELDA bagi membolehkan penglibatan yang menyeluruh masyarakat peneroka dalam aktiviti-aktiviti yang dianjurkan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di semua rancangan FELDA yang berpeneroka sekarang ini terdapat JKKR yang merupakan Badan Perhubungan di antara Peneroka dengan Pentadbiran FELDA. Naib-naib Pengerusi JKKR ini adalah dipilih daripada kalangan peneroka sendiri. Oleh itu dengan adanya JKKR ini dapatlah diselesaikan sebarang masalah yang ditimbulkan oleh peneroka-peneroka sendiri. Jika ianya tidak dapat diselesaikan, Tuan Yang Dipertua, di peringkat rancangan, ianya akan dibawa ke peringkat Wilayah dan seterusnya kepada Jawatankuasa Perunding Peneroka (JKPP) di peringkat Ibu Pejabat FELDA.

(b) Buat masa ini Kerajaan terutamanya Kementerian saya tidak berhasrat untuk mengenakan syarat-syarat yang lebih ketat dari apa yang ada sekarang kepada peneroka-peneroka kita. Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri adalah juga memainkan peranan yang amat penting dalam soal pemilihan peneroka-peneroka ini kerana setiap calon yang dipilih itu adalah dipersetujui terlebih dahulu oleh Kerajaan Negeri dari masa ke semasa mengikut sesuatu rancangan FELDA di tempat yang berkenaan. Adalah menjadi hasrat Kementerian saya, untuk mewujudkan masyarakat peneroka yang insaf, bertanggungjawab dan produktif.

(c) Kerajaan sememangnya tidak akan teragak-agak lagi untuk mengambil tindakan yang tegas kepada mereka yang terlibat dalam perkara-perkara yang boleh menjejaskan kesejahteraan umum dalam masyarakat FELDA. Dalam usaha mewujudkan masyarakat peneroka yang insaf, bertanggungjawab dan produktif, Kementerian saya akan mengambil langkah menyingkirkan mereka yang terlibat dalam kesalahan-kesalahan jenayah; sebagai contohnya dalam masalah "dadah" peneroka yang terlibat akan disingkirkan daripada rancangan FELDA. Bagi peneroka-peneroka yang terlibat dalam kesalahan-kesalahan lain, mereka ini akan diserahkan kepada pihak yang berwajib untuk diambil tindakan seterusnya.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi bersetuju bahawa terdapat perbalahan dan sebagainya yang berlaku di kalangan peserta-peserta rancangan FELDA. Adakah benar keadaan itu berlaku adalah disebabkan oleh sebahagian daripadanya kerana peranan daripada parti politik ataupun parti Pembangkang yang cuba menghasut peneroka-peneroka FELDA ini supaya tidak puas hati dengan rancangan FELDA itu sendiri—rancangan Kerajaan itu sendiri. Dan jika benar apakah langkah Kementerian ini untuk mengatasi perkara tersebut supaya tidak berluasa di atas masalah tersebut.

Tuan Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, segelintir peneroka yang telah disebut tadi tidak pula mengisytiharkan mereka sebagai golongan parti Pembangkang yang terdapat di dalam negara kita ini tetapi usaha-usaha yang mereka jalankan bagi mempurak-purandakan di kawasan-kawasan yang berkenaan adalah tindakan yang tidak wajar dan saya yakin

parti Pembangkang juga tidak bersetuju dengan tindakan memecahbelahkan ini. Oleh sebab itu kalau mereka ini adalah tergolong daripada parti Pembangkang hendaklah insaf bahawa perkara ini tidak baik dalam masyarakat di negara kita.

UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA

15. Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad minta Menteri Pelajaran menyatakan perkembangan terakhir tentang pengiktirafan dunia Islam terhadap Universiti Antarabangsa. Nyatakan sama ada benar atau tidak bahawa ada beberapa golongan ahli ilmunan Islam telah membuat tuduhan bahawa sistem pengajian di Universiti itu kononnya tidak mengikut tradisi pengajian Islam.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Mohamed Khalil Yaakob): Tuan Yang di-Pertua, Universiti Islam Antarabangsa telah ditubuhkan untuk menerokai pelaksanaan konsep dan dasar pendidikan Islam dan bukan untuk menghasilkan pakar-pakar dalam berbagai bidang pengajian Islam seperti yang telah lama menjadi tradisi pengajaran Islam di merata dunia. Universiti Islam Antarabangsa sedang melaksanakan sistem pendidikan sepadu seperti yang telah terdapat pada zaman kebesaran tamadun Islam yang bermula dari ajaran AlQuran dan Hadis yang tidak memisahkan antara keperluan rohani dan jasmani dalam pencapaian ilmu. Yang demikian, ini adalah satu konsep kesesuaian dengan zaman sains dan teknologi ini.

Saya tidak sedar ada tuduhan bahawa sistem pengajian di Universiti itu kononnya tidak mengikut tradisi pengajian Islam. Konsep ini telah pun diterima oleh Organisation of Islamic Conference dan dengan itu oleh semua negara-negara Islam yang menjadi anggota Organisation of Islamic Conference.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah selama tertubuhnya Universiti Islam ini pihak Kementerian telah menerima memorandum yang berbentuk teguran-teguran dari cerdik pandai Islam tentang perjalanan Universiti Islam?

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, memang kita mendapat maklum balas, pandangan-pandangan dari pihak dari masa ke semasa dan ini semua kita mengambil perhatian.

PROJEK INFRASTRUKTUR TELEKOMUNIKASI— PELAKSANAAN

16. Dr Koh Tsu Koon minta menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan beberapa kontrak telah ditawarkan kepada sektor swasta untuk pemasangan kawat-kawat telefon yang baru. Apakah syarikat-syarikat yang terlibat dan apakah jumlah tawaran bagi tiap-tiap satu. Manakah kawasan-kawasan yang terlibat dan bilakah tarikh-tarikh penyelesaian. Bukankah lebih maju (advanced) dan berjimat (economical) pada jangka panjang sekiranya kita mulakan sekarang pemasangan sistem pemancaran secara fiber optik kalau dibandingkan dengan melanjutkan penggunaan kawat yang akan menjadi semakin kuno (outdated) pada masa depan.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok): Tuan Yang di-Pertua, di dalam usaha untuk mempercepatkan pelaksanaan projek-projek infrastruktur telekomunikasi bagi memenuhi permintaan yang semakin bertambah, maka Kerajaan telah memilih 4 kontraktor-kontraktor kabel tempatan yang mempunyai keupayaan dan berpengalaman untuk

menjalankan kerja-kerja perancangan, pemasangan dan penyambungan kabel telefon di seluruh negara. Syarikat-syarikat yang telah dipilih itu ialah Syarikat BINA FON Industry Sdn Berhad, ELECTRASCON Sdn Berhad, Sri Communication Sdn Berhad dan UNIFON Sdn Berhad. Kontrak-kontrak yang telah ditandatangani dengan syarikat-syarikat itu adalah untuk tempoh 5 tahun dan anggaran jumlah satu-satu kontrak itu adalah kira-kira \$636 juta sebagaimana yang telah diumumkan semasa upacara menandatangani kontrak-kontrak tersebut pada 1hb Oktober, 1983 yang lepas.

Mengenai dengan kabel fiber optik pihak Jabatan Telekom telah menyasiat dan mengawasi perkembangannya sebagai salah satu sistem pemancaran yang baru. Daripada siasatan yang dibuat, Jabatan Telekom Malaysia mendapati bahawa kabel fiber optik tidak dapat menggantikan dan mengambil tempat kabel tembaga (copper) sebagai kabel yang dapat digunakan bagi perkhidmatan di antara pelanggan dan ibu sawat dalam beberapa jangka masa yang akan datang. Sehingga kini tidak ada pentadbiran atau syarikat telefon di dalam mana-mana negara pun yang telah memperkenalkan fiber optik sebagai alat gantian bagi kabel-kabel pelanggan tradisional walaupun beberapa negara telah ada skim perintis yang sedang dijalankan dengan menggunakan fiber optik beberapa tahun kebelakangan ini.

Adalah jelas perkembangan teknologi fiber optik bagi kegunaan dalam rangkaian untuk pelanggan belum lagi ke taraf yang lengkap dan terlalu awal bagi penggunaannya di Malaysia pada masa ini. Walau bagaimanapun, perkembangan fiber optik bagi litar sawang di antara ibu sawat telefon adalah lebih "cost competitive" dan telah digunakan oleh setengah-setengah negara pada masa ini.

Bagi pengetahuan Ahli Yang Berhormat, pihak Jabatan Telekom pada masa ini juga sedang menilai tender bagi beberapa sistem fiber optik yang akan digunakan untuk litar sawang di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 9 dan 17 hingga 26 adalah diberi di bawah ini)

PERLETAKAN JAWATAN JURUTERA/JURUTEKNIK

9. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada beliau sedar kebanyakan jurutera dan juruteknik yang berpengalaman telah meninggalkan Kementerianya untuk menyertai bidang swasta dan apakah sebab-sebab utama mereka berbuat demikian dan apakah langkah-langkah berkesan yang akan diambil untuk memberhentikan tenaga mahir ini diserapi oleh pihak swasta yang mungkin akan menjejaskan rancangan pembangunan Kementerianya.

Menteri Tenaga Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok): Kementerian saya memang sedar bahawa di masa yang akhir-akhir ini adanya perletakan jawatan oleh jurutera dan juga juruteknik-juruteknik di Jabatan Telekom Malaysia (JTM). Kebanyakan daripada mereka-mereka ini meninggalkan JTM untuk memasuki syarikat-syarikat swasta.

Adalah sukar bagi pihak Kementerian saya untuk menentukan sebab-sebab yang spesifik kakitangan-kakitangan tersebut meninggalkan JTM tetapi adalah difahamkan bahawa kebanyakan dari mereka yang memasuki syarikat-syarikat swasta adalah disebabkan tawaran gaji yang lebih tinggi daripada syarikat-syarikat berkenaan. Selain

daripada itu terdapat juga kakitangan-kakitangan seperti Pembantu-pembantu Teknik yang meletakkan jawatan untuk melanjutkan pelajaran mereka di dalam dan di luar negeri. Adalah sukar bagi pihak Kerajaan untuk menyekat penghijrahan kakitangan-kakitangan JTM kepada syarikat-syarikat swasta oleh kerana perkara seperti itu terpulanglah kepada mereka sendiri. Ini adalah satu fenomena yang terpaksa dihadapi oleh pihak Kerajaan memandangkan bahawa pada masa ini terdapat perkembangan yang pesat di bidang industri telekomunikasi di Malaysia. Penubuhan syarikat-syarikat swasta ini adalah berpunca daripada projek-projek pembangunan yang besar yang sedang dijalankan oleh JTM pada masa ini.

Dalam hal ini saya sukalah menyatakan di sini bahawa jumlah perletakan jawatan di JTM tidaklah begitu besar jumlahnya dan kebanyakan daripada kakitangan yang keluar daripada JTM bukanlah terdiri daripada tenaga yang mahir. Daripada siasatan yang dibuat didapati bahawa sejumlah besar kakitangan-kakitangan yang meninggalkan JTM adalah terdiri daripada mereka-mereka yang berkhidmat tidak lebih daripada 5 tahun. Bagi mengatasi masalah yang dihadapi ini pihak JTM menjalankan kursus di Pusat Latihan Telekom bagi melatih kakitangan-kakitangan yang berpengalaman untuk mengisi jawatan-jawatan seperti jawatan Pembantu Teknik yang telah dikosongkan. Selain daripada itu seperti biasa JTM juga akan terus mengambil kakitangan-kakitangan baru untuk berkhidmat dengannya dari masa ke semasa.

SEKOLAH-SEKOLAH— MENCANTIKKAN BANGUNAN

17. Tuan Hassan Alban bin Sandukong minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah benar Kementerian Pelajaran tidak lagi mengeluarkan peruntukan

untuk membersihkan dan mencantikkan sekolah-sekolah di Sabah.

Menteri Pelajaran (Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud): Untuk membersihkan dan mencantikkan bangunan sekolah-sekolah adalah menjadi tugas pentadbiran sekolah yang lazimnya dijalankan oleh tukang kebun, buruh am atau dilaksanakan dengan cara bergotong-royong dengan melibatkan murid-murid, guru-guru dan juga ibu bapa. Kementerian Pelajaran telah memperuntukan jawatan-jawatan tukang kebun dan buruh am bagi sekolah-sekolah berdasarkan saiz dan keluasan kawasan dan bukannya memberikan peruntukan khas bagi tujuan tersebut.

Bagi kerosakan bangunan dan mengecat sekolah pula Kementerian Pelajaran telah menyediakan peruntukan penyelenggaraan bangunan dan kerja-kerja ini diuruskan oleh pihak Jabatan Kerjaya.

PENAGIH DADAH

18. Tuan Ling Sie Ming minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah penagih dadah yang dianggarkan berada di negara ini, jumlah yang mendaftarkan diri untuk menjalani rawatan pemulihan, dan jumlah yang sedang dipulih di pusat-pusat pemulihan dadah.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Sehingga akhir tahun 1983 sejumlah 92,935 penagih dadah telah dikesan. Bilangan yang sebenarnya tidaklah diketahui.

Dalam tahun 1983 sejumlah 4,225 orang penagih dadah telah didaftar untuk menjalani rawatan dan pemulihan. Dari bilangan ini seramai 1,193 orang telah mendaftar secara sukarela dan bakinya seramai 3,032 didaftar setelah ditangkap oleh pihak Polis.

Pada 7hb. Mac, 1984 seramai 1,002 orang penagih dadah sedang menjalani pemulihan di pusat-pusat pemulihan dadah.

UNIVERSITI KEENAM— PEMBINAAN

19. Tuan Quah Wee Liam minta Menteri Pelajaran memberi keterangan pada peringkat manakah pembinaan Universiti Keenam telah berjalan hingga sekarang.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perancangan pembinaan fizikal projek Universiti Utara Malaysia dibahagikan kepada perancangan projek kampus sementara di Tanjung Pauh dan projek perancangan kampus tetap di Sintok, Jitra. Pelaksanaan pembinaan kampus sementara sedang berjalan rancak, dijangka siap pada penghujung bulan April ini mengikut perjanjian kontrak. Pembinaan projek ini mengandungi blok bangunan Pentadbiran, bangunan Fakulti, Dewan Kuliah, Perpustakaan dan sebuah Surau.

PERDANA MENTERI AUSTRALIA KE MALAYSIA—PERBINCANGAN

20. Tuan V. Govindaraj minta Perdana Menteri menyatakan apakah hasil perbincangan Y.A.B. Perdana Menteri dengan Perdana Menteri Australia Tuan Bob Hawke, berdasarkan kepada perkara-perkara berkenaan dengan kedudukan ekonomi dunia, mengenai Kampuchea serta berkenaan dengan cadangan Canberra untuk menarik balik (Royal Australia Air Force Fighter Squadron) dari Butterworth.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Semasa lawatan Perdana Menteri Australia ke Malaysia pada 14hb. hingga 15hb. Februari, 1984, perkara-perkara mengenai ekonomi dan

politik antarabangsa serta serantau dan isu-isu yang meliputi hubungan dua-hala di antara Malaysia dan Australia telah dibincangkan di dalam konteks bertukar-tukar pendapat.

Seperti yang kita sedia maklum, Australia telah pun menjadi ahli "Persatuan Negara-negara Pengeluar Bijih Timah". Penyertaan Australia di dalam Persatuan ini merupakan perkembangan yang baik terhadap kerjasama yang lebih erat dari Australia di peringkat antarabangsa amnya dan dengan negara-negara yang terlibat khususnya. Malaysia mengalu-alukan kemasukan Australia ke dalam Persatuan ini.

Semasa lawatan beliau ke negara ini, Perdana Menteri Encik Hawke juga telah memberi jaminannya untuk mempertingkatkan lagi hubungan dua-hala di antara negaranya dengan Malaysia melalui langkah-langkah yang lebih berkesan. Di bidang perdagangan, misalnya, Australia telah menyatakan kesediaannya menimbang semula struktur tarif bagi barang-barang dagangan dari Malaysia sebagai memperluaskan kemasukan barang-barang tersebut ke Australia. Dalam bidang pelajaran pula Australia akan pertimbangkan dan bersimpati di atas permintaan kita untuk mendapatkan peluang-peluang yang lebih banyak bagi pelajar-pelajar dari Malaysia melanjutkan pelajaran mereka di negara itu.

Mengenai soal Kampuchea pula, Perdana Menteri Australia telah melafazkan sokongan kepada objektif ASEAN terhadap usaha menyelesaikan masalah Kampuchea. Malaysia yakin lawatan Perdana Menteri Australia tersebut telah memberi peluang kepada beliau mendalami dari dekat kedudukan Malaysia dan negara-negara ASEAN di dalam isu ini.

Berhubung dengan soal kedudukan pengkalan Tentera Udara Diraja Australia (RAAF) di Butterworth, Perdana Menteri Hawke telah pun menyatakan Kerajaanannya ingin mengetahui pemikiran Malaysia dan pendapat pihak-pihak yang berkenaan yang lain terlebih dahulu sebelum Kerajaanannya membuat keputusan muktamad. Perdana Menteri Hawke telah juga menyatakan bahawa sebarang keputusan yang diambil mengenai pengkalan tersebut akan dibuat setelah pertimbangan yang mendalam diberikan kepada pemikiran Malaysia dan pendapat pihak-pihak yang berkenaan.

Oleh yang demikian, sebarang keputusan muktamad mengenai pengkalan RAAF di Butterworth adalah terserah kepada Kerajaan Australia.

SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN CINA— PEMBINAAN

21. Tuan Peter Chin Gan Oon minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) butir-butir mengenai bilangan SRJK (C) yang dibina tahun lalu, iaitu 1983 di seluruh Malaysia dan berapa banyak sekolah-sekolah ini ditubuhkan di kawasan Majlis Perbandaran Ipoh; dan
- (b) sama ada beliau sedar bahawa ada permintaan bagi penubuhan lebih banyak SRJK (C) di kawasan bandar khususnya di estet-estet perumahan yang baru dibina; jika ya, apa langkah-langkah telah pun diambil untuk memenuhi permintaan ini, jika tidak adakah Kementerian menjalankan satu kajian bahawa ada permintaan khasnya dengan bertambahnya bilangan kanak-kanak yang pergi bersekolah untuk pertama kali setiap tahun.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perancangan dan pembinaan sekolah-sekolah dibuat berdasarkan satu tempoh rancangan Lima Tahun dan bukannya untuk satu-satu tahun yang tertentu. Ini adalah kerana pelaksanaan sesebuah projek yang melibatkan berbagai proses misalnya pengambilan tanah, perancangan terperinci hingga ke peringkat tawaran dan seterusnya pembinaan, biasanya mengambil masa purata selama dua hingga tiga tahun.
- (b) Memandangkan kepada penduduk yang terdiri dari berbilang kaum di kawasan bandar khususnya di estet-estet perumahan yang baru dibina, Kementerian Pelajaran berpendapat pembinaan sekolah rendah kebangsaan adalah lebih sesuai kerana sekolah-sekolah ini akan memberi faedah kepada semua kaum, selaras dengan Dasar Pelajaran Kebangsaan.

PELARIAN FILIPINO

22. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan telah mendaftarkan semua pelarian-pelarian Filipino yang terdapat di Sabah; jika ya, nyatakan sehingga sekarang, jumlah yang dianggarkan belum lagi didaftarkan; jika tidak, mengapa.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Kerajaan tidak mendaftarkan semua pelarian Filipino yang sekarang diberikan kemudahan singgah sementara di Sabah. Sebaliknya Kerajaan sedang membuat bancian ke atas semua pelarian Filipino di Sabah dengan tujuan untuk mengetahui dengan tepatnya jumlah, taburan, kegiatan dan keadaan sosial mereka semasa berada di sabah.

INDUSTRI BUAH-BUAHAN

23. Dr Chen Man Hin minta Menteri Pertanian menyatakan kemajuan yang telah dicapai oleh Institut-institut penyelidikan untuk memperbaiki pengeluaran serta meninggikan kualiti buah-buahan seperti durian, mangga, pisang, rambutan dan oren untuk kegunaan tempatan dan juga untuk eksport, dan nyatakan langkah-langkah yang diambil untuk menggalakkan penanaman buah-buahan dalam kebun-kebun kecil dan di belakang (backyards) rumah-rumah.

Menteri Pertanian (Dato' Abdul Manan bin Othman): Beberapa kemajuan tertentu telah pun dicapai oleh Kementerian Pertanian dalam memperbaiki industri buah-buahan khususnya pengeluaran dan mutu buah-buahan. Misalnya beberapa klon/jenis terpilih bagi buah-buahan durian, rambutan, mangga, nangka, jambu dan pisang sudahpun dihasilkan untuk tananam oleh para petani. Teknologi amalan kultura seperti cara-cara penanaman, pembajaan, pencegahan penyakit, penyimpanan, pembungkusan dan pengetinan jenis-jenis buah tertentu juga telah dihasilkan. Institut penyelidikan sedang mempergiatkan lagi usaha-usaha penyelidikannya ke arah mewujudkan penanaman buah-buahan yang bermutu secara komersial yang mana dapat menjamin pengeluaran buah-buahan bukan sahaja untuk pasaran tempatan malahan untuk eksport. Usaha penyelidikan pembaik-biakan, pengendalian, penyimpanan, pembungkusan dan pengetinan jenis buah-buahan terus dijalankan untuk mencapai matlamat tersebut. Untuk menggalakkan penanaman buah-buahan dalam kebun-kebun kecil dan di belakang rumah-rumah Kementerian mengambil langkah-langkah untuk mengadakan bahan tanaman terpilih secukupnya, menjalankan skim baik pulih dusun-dusun yang lama, memperbaiki sistem pasaran dan menggalakkan penanaman benih-benih

terpilih di kawasan atau zon-zon yang sesuai misalnya dari segi keadaan cuaca dan kesuburan tanah.

MESYUARAT UMNO KELANG—TEMBAKAN

24. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada pihak Polis adakah mengambil sebarang tindakan terhadap seorang pemimpin UMNO yang telah melepaskan tembakan di satu mesyuarat UMNO di Kelang baru-baru ini. Jika tidak, apakah sebab-sebab tindakan tidak diambil.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Adalah menjadi tugas dan tanggungjawab polis menyasiat segala laporan tentang kejadian jenayah di negara ini. Justeru itu pihak polis telah menjalankan penyiasatan yang rapi ke atas kejadian melepas tembakan ke udara dalam satu mesyuarat cawangan parti itu di Kelang baru-baru ini.

Penyiasatan tersebut telah pun selesai dan tindakan sewajarnya telah diambil berasaskan hasil penyiasatan yang rapi.

TARIAN SINGA—PERTUNJUKAN

25. Dato' Michael Chen Wing Sum minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada adakah benar bahawa Kerajaan hanya membenarkan persatuan-persatuan Tarian Singa yang didaftarkan di bawah Akta Masyarakat untuk pertunjukan dan mengumpul "Ang Pow" pada masa Tahun Baru Cina di masa depan seperti yang dinyatakan oleh pihak Polis di Kuala Lumpur baru-baru ini dan persatuan-persatuan yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat tidak akan dibenarkan.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Permohonan untuk mengadakan Pertunjukan Tarian Singa dan mengutip

"Ang Pow" atau derma di musim Tahun Baru Cina hanya dibenarkan kepada persatuan-persatuan yang tulin dan mempunyai tujuan yang murni. Di samping itu kelulusan juga diberikan kepada persatuan-persatuan sekiranya pertunjukan tersebut merupakan salah satu dari aktiviti persatuan itu sendiri. Walau bagaimanapun lesen untuk memungut derma perlulah diperolehi dahulu.

TARIAN SINGA

26. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada beliau sedar tarian singa, sebagai salah satu aktiviti kebudayaan rakyat keturunan Cina, adalah melambangkan keamanan, keharmonian dan kesejahteraan yang ujud di negeri kita dan ia tidak menggambarkan ciri-ciri perkauman atau memusuhkan mana-mana satu pihak dan mengapakah tarian singa ditolak dan tidak diterima sebagai salah satu unsur kebudayaan nasional.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Anwar bin Haji Ibrahim): Soal sedar atau tidak sedar tidaklah timbul. Jika pun Kerajaan sedar bahawa tarian singa itu mengandungi unsur-unsur yang baik, akan tetapi ini tidaklah bermakna ia sudah boleh dijadikan unsur Kebudayaan Kebangsaan kerana nilai baik itu sendiri adalah relatif. Ia baik bagi orang-orang Cina tetapi belum tentu sesuai untuk diberi taraf kebangsaan. Ia masih tetap sebagai manifestasi kesenian satu kaum di kalangan kaum Cina, walaupun terkeluar daripada tradisi setempat malah serantau. Masalah Kebudayaan Kebangsaan adalah satu soal yang luas dan menyeluruh. Persoalan tarian itu adalah suatu aspek yang paling kecil dalam kesenian dan menjadi terlalu kecil dalam konteks keseluruhan kebudayaan itu. Oleh itu ia tidak harus di gembar-gemburkan lagi. Tambahan pula perkara tarian singa itu sudah

terlalu kerap diperbincangkan di Dewan ini. Banyak prosesnya yang akan berlaku dalam penerimaan mana-mana unsur yang sesuai dan wajar daripada mana-mana kebudayaan juga tidak kira kebudayaan kaum di Malaysia malahan unsur-unsur budaya luar.

USUL

KAJIAN SEPARUH PENGGAL RANCANGAN MALAYSIA KEEMPAT (1981-1985)

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah,

Bahawa Dewan ini—

menyedari kemajuan yang telah dicapai dalam usaha melaksanakan tiga tahun pertama Rancangan Malaysia Keempat;

bersetuju dengan usaha-usaha Kerajaan melaksanakan Dasar Ekonomi Baru untuk mencapai tujuan utama iaitu perpaduan negara serta mengekalkan keamanan dan keselamatan;

meluluskan dan *menyetujui* Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat, yang telah dirangka untuk meliputi dasar-dasar dan program-program bertujuan untuk meninggalkan lagi pertumbuhan ekonomi dan melaksanakan langkah-langkah untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat seperti yang dibentangkan dalam Kertas Perintah Bil. 13 Tahun 1984.

Bahawa dalam meluluskan Kajian Separuh Penggal ini, Dewan ini *menyeru* semua rakyat Malaysia dari segenap lapisan untuk berusaha dengan lebih gigih sesuai dengan hasrat Rukunegara dan bersatu padu

untuk mewujudkan negara yang adil, progressif dan kukuh. (2hb April, 1984).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh sebab kesuntukan masa dan ramai lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak berucap, saya berharaplah Ahli-ahli Yang Berhormat memendekkan ucapan masing-masing untuk membolehkan lain-lain Ahli juga berucap.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah pun berucap selama 50 minit. Bolehkah digulung dalam masa 15 minit?

3.35 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka): Saya akan cuba. Tuan Yang di-Pertua, enrolmen pelajar-pelajar bukan Bumiputera yang telah jatuh dari 46.3% dalam tahun 1970 kepada 27% dalam tahun 1983, dalam ertikata mutlak, suatu pertambahan dari 5,258 kepada 14,879 yang hanya merupakan suatu pertambahan sebanyak 280%.

Dengan mencampurkan enrolmen pelajar-pelajar swasta di institusi-institusi tempatan dan luar negeri, Kajian Separuh Penggal ini menyatakan bahawa jumlah enrolmen bagi tahun 1983 untuk pendidikan tinggi adalah 43.3% bagi pelajar-pelajar Bumiputera dan 46.7% bagi pelajar-pelajar bukan Bumiputera. Ini tidaklah boleh diterima, kerana semua rakyat Malaysia mempunyai hak untuk mengharapkan bahawa semua institusi Kerajaan dipandu oleh prinsip keseimbangan kaum, selain daripada hakikat bahawa daripada 58,000 pelajar-pelajar yang mengikuti pelbagai kursus di luar negeri seramai 12,800 merupakan pelajar-pelajar yang ditaja oleh Kerajaan.

Parti DAP menyeru Kerajaan mengatasi ketidakseimbangan yang keterlaluan dalam enrolmen pelajar-pelajar bagi kursus-kursus sijil, diploma

dan ijazah dan dalam institusi-institusi tinggi tempatan dengan serta-merta.

Suatu lagi contoh ketara akan proses penyusunan DEB yang selektif ini adalah ketinggalan ketidakseimbangan rancangan-rancangan FELDA daripada semua Rancangan Lima Tahun dan Laporan Separuh Penggal yang sebagai alat utama untuk pembangunan tanah luar bandar, patut menunjukkan contoh dalam penyusunan semula masyarakat Malaysia untuk membasmi identifikasi kaum dengan pekerjaan atau tempat. Malangnya, ia telah berbuat sebaliknya.

Daripada tahun 1970 hingga tahun 1980, peratusan peneroka-peneroka FELDA Melayu telah naik dari 94.3% kepada 96.2% atau dari 17,729 peneroka-peneroka kepada 61,663 peneroka-peneroka; bilangan peneroka Cina telah jatuh dari 3% kepada 1.8% atau dari 558 peneroka kepada 1,127; sementara peneroka-peneroka India dan lain-lain telah jatuh dari 2.4% kepada 1.2% atau dari 446 peneroka kepada 1,273.

Rancangan Malaysia Ketiga telah membuat suatu percubaan yang berani untuk mengatasi apa yang dikatakan sebagai "a dangerous misconception" bahawa matlamat nasional terhadap pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat hanyalah bertujuan memberi faedah kepada orang-orang Melayu dan Bumiputera-bumiputera lain. Maka rancangan tersebut telah mengumumkan bahawa memandangkan orang-orang Melayu dan Bumiputera lain telah menunjukkan kemajuan dalam sektor pertanian moden, rakyat Malaysia yang lain patut didorong memainkan peranan yang lebih besar di sektor pertanian moden supaya identifikasi orang-orang Melayu dan Bumiputera-bumiputera lain dengan kerja pertanian dihapuskan. Ia mengesahkan bahawa matlamat asas adalah pengwujudan suatu suasana sosio-ekonomi di mana suatu negara bersatu padu akan dapat dibentuk

daripada interaksi harian rakyat Malaysia dari semua kaum di semua sektor ekonomi merentasi kawasan, geografi di negara ini.

Sentimen-sentimen murni ini malangnya tidak diikuti pula oleh amalan-amalan sewajarnya dan Kerajaan hendaklah menyalahkan dirinya sekiranya DEB dianggap atau dilihat dari segi kepentingan ethnologi, seperti terbukti oleh seruan-seruan yang dibuat oleh beberapa orang pemimpin UMNO untuk melanjutkan tempoh DEB yang hanya berdasarkan semata-mata kepada kepentingan dan pertimbangan ethnologi dan reaksi terhadap seruan tersebut.

Sebenarnya, ini adalah "double misconception" kerana bukan orang-orang Melayu pada keseluruhannya yang bermanfaat daripada DEB, tetapi hanya sebilangan kecil orang-orang Melayu dengan pertalian-pertalian baik mereka yang menggunakan dasar tersebut untuk menjadi jutawan serta-merta, walaupun dasar tersebut didirikan atas perbezaan pendapat dan kekayaan dalam masyarakat Melayu sendiri.

Inilah sebabnya mengapa DEB merupakan satu "triple failure" dalam pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat, tetapi paling penting sekali, dalam mewujudkan perpaduan nasional, yang telah merupakan objektif utamanya. Sebenarnya, DEB adalah punca utama yang menyebabkan peningkatan polarisasi di kalangan pelbagai golongan ethnik di negara ini, selain daripada menyebabkan polarisasi kelas yang lebih melalui ketidakseimbangan pengagihan pendapatan yang kian bertambah.

Satu generasi rakyat Malaysia telah membesar di bawah DEB yang berdasarkan pembahagian rakyat Malaysia kepada bumiputera dan bukan bumiputera. Sama ada dalam bidang

pendidikan, gunatenaga, perdagangan, perindustrian dan profesion setiap rakyat Malaysia dipaksa menyedari perbezaan di antara seorang bumiputera dengan seorang bukan bumiputera.

Oleh sebab DEB adalah bertujuan untuk mencapai perpaduan nasional dalam tempoh rancangan jangkaan 20 tahunnya, seseorang pasti akan memikirkan bahawa dalam tahun 1990, perbezaan rakyat Malaysia ke dalam bumiputera dan bukan bumiputera yang berunsur "divisive" itu akan henti dan setiap rakyat akan dilayan serta dianggap sebagai seorang "Malaysian". Akan tetapi, hasil DEB akan memberikan alasan-alasan politik yang mendesak mengapa dasar "membumiputerakan" itu tidak akan digugurkan, tetapi sebaliknya akan dikekalkan. Ini adalah kerana kemiskinan berterusan sebahagian besar isirumah-isirumah Melayu luar bandar akan diberikan suatu penjelasan berbau perkauman dan digunakan sebagai justifikasi untuk meneruskan dasar-dasar kuota dan peratusan perkauman DEB. Rakyat bukan Melayu pula yang mengharapkan ketibaan tahun 1990 bagi penyamaan peluang-peluang, akan berasa amat kecewa bila dasar DEB diteruskan dengan matlamat-matlamat serta objektif-objektif perkauman baru.

Oleh kerana matlamat utama DEB adalah pencapaian perpaduan negara di kalangan berbagai rakyat Malaysia, kejayaan atau kegagalannya hendaklah diukur dengan menggunakan kriteria ini semata-mata. Itulah sebabnya mengapa saya telah mengatakan bahawa inilah masanya untuk bukan sahaja mengadakan pemikiran baru mengenai pembangunan dan strategi-strateginya, tetapi lebih-lebih penting lagi, pemikiran baru hendaklah diadakan untuk meletakkan asas yang kukuh serta sihat bagi pembinaan negara.

Kajian Separuh Penggal apabila menghuraikan arah-arab baru dalam strategi dan dasar pembangunan serta

pelaksanaannya telah menaikkan berbagai cadangan 2M seperti penswastaan, Persyarikatan Malaysia, pandang ke timur dan sebagainya ke taraf dasar rasmi Kerajaan. Kejayaan atau sebaliknya dasar-dasar baru ini akan dihakamkan dari sudut sama ada ia akan menghasilkan sebuah ekonomi Malaysia yang lebih berdikari dan kurang bergantung serta menggalakkan pertumbuhan ekonomi dengan pengagihan yang saksama, atau sama ada ia menuju ke arah bentuk-bentuk baru akan pergantungan ekonomi Malaysia dan menjadi alat bagi penaklukan kelas petani dan pekerja oleh kapitalis-kapitalis dan "privateers" baru DEB yang sedang menukar perhubungan mereka, daripada Ali-Baba kepada Ali-John dan kini pula Ali-Matsuchita.

Fasa III Projek Dayabumi yang menelan belanja sebanyak \$313 juta di mana satu tender yang dikemukakan oleh seorang rakyat Malaysia yang harganya adalah \$84 juta lebih rendah daripada tender yang dikemukakan oleh pemborong-pemborong Jepun telah ditolak dan tender bagi fasa tersebut telah diberi kepada pemborong-pemborong Jepun bukan sahaja merupakan simbol Dasar Pandang ke Timur, ia juga adalah simbol penawanan (conquest) ekonomi dan kewangan oleh Jepun di Malaysia—satu kejayaan yang terlewat dalam bidang ekonomi dan kewangan walhal Jepun telah gagal di medan pertempuran dalam usahanya untuk menubuhkan dengan kekuatan tenteranya "the Greater East-Asia Co-Prosperity Sphere" empat puluh tiga tahun dahulu.

Fasa III Projek Dayabumi sebenarnya akan menjadi sebuah projek gajah putih yang mahal sekiranya ia adalah sebuah projek sektor swasta kerana sudah tentu ia tidak akan menjadi viable terutama sekali memandangkan wujudnya kemelesetan ekonomi dan kelebihan ruang pejabat di Kuala Lumpur. Hakikatnya ialah Dayabumi kini sedang bergantung

kepada agensi-agensi awam untuk menyewa ruang-ruang pejabatnya khasnya PETRONAS yang akan menyewa hampir tiga suka daripada 35 tingkat menara Dayabumi.

Akan tetapi persoalan yang rakyat Malaysia ingin bertanya ialah sama ada wang awam harus dibelanjakan dengan secara begitu boros dan sama ada pengalaman projek Dayabumi dalam ertikata tambahan kos sebanyak \$84 juta itu boleh dipertahankan dengan pemindahan teknologi kepada rakyat Malaysia. Mentaliti Dayabumi Kerajaan ini mencerminkan salah satu daripada pemikiran baru DEB mengenai pembangunan di mana konsep "small is beautiful" digugurkan untuk konsep "big is sublime".

Inilah sebabnya mengapa pemikiran-pemikiran baru DEB mengenai pembangunan seperti dibayangkan oleh Kajian Separuh Penggal perlu diperiksa dan dikaji dengan rapi kerana kita tidak mahu "jump from the frying pan into the fire".

Walaupun Kerajaan telah menyebut tentang betapa perlunya diadakan strategi-strategi dan dasar-dasar pembangunan yang baru, namun ia tidak mengkomitkan dirinya kepada suatu strategi jangka panjang untuk menjadikan Malaysia kurang bergantung ke atas ekonomi-ekonomi asing serta menjadikan Malaysia lebih berdikari kerana ini akan melibatkan perubahan-perubahan struktural dalam pembangunan ekonomi Malaysia yang akan mengurangkan pergantungan Malaysia ke atas modal asing, perdagangan luar dan teknologi asing serta mewujudkan satu cara hidup yang baru yang tidaklah begitu berdasarkan kepada keinginan pengguna (consumer-goods orientated) dan berasaskan kapitalistik.

Kita hendaklah dengan serta-merta mengelakkan dasar-dasar yang akan

menyebabkan Malaysia bergantung lebih kepada negara-negara dan ekonomi-ekonomi asing dalam masa depan seperti terbukti dengan meningkatnya secara dasyat hutang asing negara sejak tiga tahun lalu untuk mengatasi masalah-masalah deficit belanjawan dan deficit akaun semasa yang besar itu.

Menurut laporan terbaru Bank Dunia mengenai hutang antarabangsa, pengservisan hutang asing Kerajaan Malaysia termasuk faedah dan pembayaran balik pokok akan meningkat kepada \$3.35 billion dalam tahun 1986 dan \$3.69 billion dalam tahun 1988 sedangkan jumlah pengservisan hutang asing untuk tempoh sepuluh tahun yang lalu iaitu dari tahun 1971 hingga 1980 adalah kurang daripada \$5 billion.

Jumlah servis hutang asing negara akan menjadi lebih tinggi sekiranya kita mengambilkira pinjaman-pinjaman asing yang dibuat oleh agensi-agensi awam dan sektor swasta yang berjumlah kira-kira \$31 billion setakat tahun lalu.

(Dr Abdul Hamid bin Pawanteh
mempengerusikan Mesyuarat)

Kita juga hendaklah berikhtiar mencari jalan untuk mengurangkan dominasi asing dalam pemilikan dan penguasaan sektor-sektor perindustrian, kewangan dan perdagangan yang penting dalam ekonomi kita seperti terbukti.....

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:
Yang Berhormat, di bawah Peraturan Mesyuarat 35 (8) saya beri Yang Berhormat 5 minit lagi.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, kita juga hendaklah berikhtiar mencari jalan untuk mengurangkan dominasi asing dalam pemilikan dan penguasaan sektor-sektor perindustrian, kewangan dan perdagangan yang penting dalam

ekonomi kita seperti terbukti dengan penghantaran balik secara bebas keuntungan-keuntungan (*free repatriation of profits*) oleh syarikat-syarikat asing. Satu kajian telah menghitung bahawa pengaliran keluar modal bersih adalah berjumlah \$7,772 juta dari tahun 1967 hingga 1981, tetapi juga keuntungan-keuntungan yang tersembunyi dengan cara pemindahan harga (*transfer pricing*), bayaran royalti dan cara-cara perakaunan lain yang digunakan oleh syarikat-syarikat gergasi antarabangsa (*transnational companies*).

Akhirnya, kita hendaklah mengakui bahawa kita telah gagal untuk mengerah sumber-sumber dan bakat-bakat yang dimiliki oleh rakyat Malaysia sendiri khasnya potensi manusia disebabkan dasar-dasar politik yang "short-sighted" yang menjadi punca utama yang menyebabkan pengaliran para profesional kita ke lain-lain negeri, dan dasar-dasar tersebut juga akan menggagalkan sebarang usaha untuk memupuk nilai-nilai asas dan progresif seperti kerja rajin, berdikari, dan berusaha untuk keunggulan. Kerajaan hendaklah mewujudkan suasana dan syarat politik, ekonomi, sosial dan kebudayaan di mana nilai-nilai asas dan progresif itu boleh berkembang subur agar semua rakyat Malaysia tanpa mengira kaum boleh bersama-sama menjadikan Malaysia sebuah negara yang gemilang bagi setiap orang di negara ini.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:
Yang Berhormat dari Baling.

3.50 *ptg.*

Tuan Haji Seroji bin Haji Haron (Baling): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih atas kesudian Tuan Yang di-Pertua membenarkan saya untuk

turut serta membahaskan di atas masalah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat 1981-1985 yang telah dibentangkan dan dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Dewan yang mulia ini.

Dengan ingatan ikhlas dan jujur setelah meneliti dan mengkaji hujung jatuh di semua segi dan sudut di tiap-tiap aspek sama ada untuk kemajuan orang ramai dan pendatang-pendatang daripada luar yang dijadual masuk dan persendirian yang telah bernasib baik supaya hidup bersama dan membahagi-bahagikan nikmat-nikmat yang telah mereka nikmati kian lama.

Kepada golongan yang sederhana supaya dapat menikmati kemajuan dan pembangunan hidup keluarga khusus kepada rakyat jelata yang kurang bernasib baik yang tinggal di kawasan pendalaman, di tepi-tepi sungai dan di pantai, di pinggir-pinggir hutan dan bukit yang mana dalam keadaan kemiskinan dengan serba-serbi kekurangan, bukan sahaja memakan barang-barang makanan yang tidak bermutu dan memakai pakaian yang tidak selesa bahkan tinggal di rumah yang tidak sempurna dan mereka menjalankan usaha yang tidak mendatangkan hasil yang selaras dengan peluh dan tenaga yang mereka curahkan, walhal perkhidmatan mereka begitu cemerlang terhadap negara yang kita cintai ini.

Tuan Yang di-Pertua, kajian dan penyelidikan khususnya kajian menambah dan menyelamatkan rakyat jelata dan pembangunan kependudukan terutama sekali negara kita yang sedang bergerak ke arah yang lebih maju dan terkenal di seluruh dunia pada hari ini. Malaysia adalah sebuah negara yang aman damai dan diberikan Allah mempunyai khazanah barang-barang utama yang istimewa dan untuk negara-negara lain yang mana semuanya ada

dari sekecil-kecilnya sehingga ke besar-besarnya. Hasil dari lautan, daratan, pantai, sungai dan bukit-bukau, gunung-ganang bahkan di dalam bumi Malaysia yang menghasilkan dan mengeluarkan ikan-ikan, binatang-binatang ternakan, binatang jinak dan liar, anika jenis burung-burung, tanam-tanaman, buah-buahan dan beberapa jenis batu, kayu-kayan, rotan, buluh, pokok-pokok bunga yang serba indah, bijih timah, logam, emas, minyak petrol selain daripada getah, kelapa, kelapa sawit dan nenas.

Hasil mahsul ini bukan sahaja dapat digunakan oleh keperluan tempatan bahkan permintaan pasaran yang begitu laris dan menggalakkan daripada luar.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia mempunyai istimewa yang tersendiri dengan mempunyai rakyat yang berbilang kaum dan keturunan, yang sedia ada di Malaysia ini yang mana hidup dengan aman dan damai dan penuh taat setia hasil dari kepimpinan yang baik lagi berkebolehan serta mendapat restu daripada Allah s.w.t. di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang kita kasihi dengan dibantu oleh para Menteri yang penuh bertanggungjawab khususnya rakyat jelata yang telah memilih parti yang mana mereka menaruh kepercayaan dan kepada Barisan Nasional sebagai parti pemerintah di Malaysia yang telah diberi mandat beberapa tahun sejak merdeka lagi, bukan sahaja dapat mententeramkan bahkan dapat meningkatkan pendapatan bagi mereka-mereka dan golongan yang kurang bernasib baik ke arah yang lebih baik dan dapat menjaga dan mengawal keselamatan dan nama baik negara kita yang kita kasihi.

Tetapi dalam hal ini bukan senang dan mudah untuk dilaksanakan oleh pemimpin bahkan diharap rakyat jelata hendaklah bersama-sama berusaha dan mengurus dengan lebih giat dan berdisiplin.

Tuan Yang di-Pertua, Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat ini perlu dan mustahak terutama sekali ke arah penekanan yang lebih bagi menyerapkan nilai-nilai Islam ke dalam pentadbiran Kerajaan dan amalan harian dan setiap masa dan waktu oleh rakyat jelata adalah penting dan perlu.

Pihak bukan Islam jangan rasa ketakutan dan ragu di atas pelaksanaan ke arah ini kerana Agama Islam adalah Agama untuk kebaikan dan keselamatan tiap-tiap umat sama ada dunia dan juga akhirat. Umpamanya bersih, cekap dan amanah adalah sebahagian dari ajaran Islam yang mana ia maha suci dan boleh diamal oleh semua manusia dan diharap diadakan peruntukan khas dalam bidang ini bagi mengadakan latihan khusus dan lain-lain keperluan bagi tujuan menyerap nilai-nilai Islam keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat ini peruntukan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar hendaklah diuntukkan dan diberi lebih supaya dapat menaikkan taraf jalan-jalan di luar bandar dan melancarkan semula skim RPK dengan lebih berkesan dan dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab dan cara-cara yang lebih baik lagi. Kerana skim ini dapat menolong dan memberi lebih kemudahan kepada rakyat yang dhaif dari segi tempat kediaman dan kemudahan-kemudahan kepada mereka. Begitu juga diharap Kementerian ini akan dapat meneruskan rancangan membina air masyarakat di tempat-tempat pendalaman dan kawasan-kawasan yang mendapat punca air kerana usaha ini dapat mempercepatkan mereka mendapat kemudahan air. Di samping melaksanakan terus projek mini-haidro bagi mendapat kemudahan api begitu juga dengan Rancangan Elektrik Luar Bandar diteruskan. Kerana api dan air adalah kemudahan asas yang sangat

diperlukan untuk membangun rakyat dan kemudahan tiap-tiap keluarga.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bidang pelajaran pula dengan adanya Kajian Separuh Penggal semua bilik-bilik darjah, asrama, kemudahan-kemudahan padang permainan bagi sekolah-sekolah di luar bandar hendaklah dibina dengan apa corak sekalipun sama ada cara package deal, pasang siap dan cara biasa.

Dengan adanya usaha yang gigih dari Kementerian Pelajaran dalam meningkatkan pelajar-pelajar Bumiputera di peringkat persediaan dan kursus matrikulasi anjuran universiti tempatan yang mana telah bertambah dari 2,010 pelajar dalam tahun 1980 bertambah kepada 3,350 pelajar dalam tahun 1983. Dan langkah menambah lagi bilangan pelajar-pelajar yang mengambil bahagian dalam kursus sains, kejuruteraan dan perubatan di universiti berkenaan adalah sangat-sangat dialu-alukan dan diharapkan dapat ditambah lagi kegiatannya, mudah-mudahan negara akan mempunyai dan mengeluarkan pakar-pakar perubatan dan kedokteran, pegawai-pegawai perubatan yang mahir, para jurutera dan akitek perunding yang terkenal dan ahli sains yang mencukupi keperluan negara.

Bagi pihak pengkajian dan penyiasatan atas sekolah persediaan iaitu prasekolah, sama ada dijalankan oleh agensi-agensi Kerajaan dan juga swasta seperti KEMAS, RISDA, FELDA, Majlis Agama Islam dan pihak swasta yang mana laporan tersebut akan siap pada akhir tahun 1984 ini dan diharap Kerajaan akan dapat mengkaji dan melaksanakan dengan tegas laporan tersebut supaya kemudahan untuk pendidikan-pendidikan para sekolah serta penyeliaan, pengendalian dan menyelaras program yang berkaitan dengan pendidikan seperti kurikulum dan latihan perguruan terutama sekali

bagi pendidik-pendidik dan kemudahan-kemudahan peralatan prasekolah dari luar bandar.

Dalam bidang kegiatan belia diharap peruntukan akan dapat disediakan atau ditambah bagi membolehkan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mengadakan satu peruntukan khas untuk membeli atau memiliki tanah di kawasan-kawasan tertentu sekadar 3-4 ekar di tiap-tiap satu mukim atau 2 atau 3 padang bagi mukim yang luas untuk dijadikan padang permainan awam. Kegiatan bagi belia dan beliawanis di luar bandar begitu menggalakkan untuk menjaga kesihatan dan semangat kesukunan di antara mereka.

Saya percaya dengan adanya kemudahan-kemudahan ini tidak lagi belia-belia menggunakan padang-padang permainan, sekolah-sekolah, tanah-tanah wakaf, bendang-bendang kering dan tanah-tanah lapang yang tidak ada ketentuan sepertimana sekarang ini, bahkan dapat kita menyekat dan mengurangkan dari penghijrahan ke bandar-bandar oleh belia-belia. Di antara lain dapat kita menyediakan industri-industri kecil untuk memberi pekerjaan kepada mereka selain daripada mengusahakan dari segi pertanian mengikut konsep pertanian yang baru di samping memberi latihan dan kursus yang tertentu di bidang meningkatkan lagi moral dan ekonomi mereka di luar bandar terutama sekali di kawasan sempadan yang sentiasa diganggu gugat oleh anasir-anasir jahat seperti dadah dan lain-lain terhadap orang ramai khususnya para belia sekalian. Oleh itu diharap satu peruntukan khas kepada belia-belia di kawasan sempadan hendaklah diadakan.

Tuan Yang di-Pertua, kita bersyukur di atas peningkatan pengeluaran pertanian di sektor pekebun kecil telah bertambah dari 943,200 metrik tan

kepada 955,000 metrik tan disebabkan pokok tanaman semula dan tanaman baru yang mana bahan-bahan lain telah mula mengeluarkan hasil. Begitu juga penambahan 1.5 juta hektar kepada 1.6 juta hektar berikutan kepada penambahan skim tanah Kerajaan yang dilaksanakan secara teratur oleh FELDA dan FELCRA. Diharap kegiatan ini, Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah akan teruskan lagi yang mana telah memberi faedah dan peningkatan ekonomi pekebun-pekebun kecil yang terang dan jelas kepada 500,000 keluarga pekebun kecil di negara kita ini yang mereka terkenal dengan lemah, mundur dan miskin.

Sepertimana termaklum bilangan isi rumah dianggap miskin pada tahun 1983 seramai 717,600 manakala pada tahun 1980 sebanyak 635,900. Kadar kemiskinan di luar bandar meningkat daripada 37.4% dalam tahun 1980 kepada 41.6% dalam tahun 1983. Sebaliknya kemiskinan di bandar berkurangan daripada 12.6% kepada 11.1% dalam tempoh yang sama. Kumpulan miskin telah dikenalpasti ialah dari pekebun kecil getah, pekebun kecil kelapa sawit, pekebun kecil kelapa, penanam padi, nelayan, pekerja-pekerja estet dan petani-petani yang lain.....

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:
Yang Berhormat panjang lagikah?

Tuan Haji Seroji bin Haji Haron:
Sedikit lagi.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:
Bolehkah saya beri Yang Berhormat 5 minit lagi?

Tuan Haji Seroji bin Haji Haron:
Boleh. Pekebun-pekebun kecil kira-kira setengah daripada jumlah isi rumah yang miskin dalam tahun 1983, kadar miskin di kalangan mereka bertambah daripada 41.3% dalam tahun 1980 kepada 61.1% dalam tahun 1983. Disebabkan terutamanya oleh

kejatuhan harga getah bagi mereka yang mempunyai saiz tanah atau kebun yang kurang daripada 2.65 hektar, anggaran kemiskinan bertambah tinggi di samping harga barang-barang keperluan melambung tinggi. Usaha-usaha telah dibuat untuk mengatasinya di peringkat antarabangsa oleh Persatuan Negara-negara Pengeluar Getah dan Pertubuhan Getah Asli Antarabangsa untuk mengukuhkan dan menstabilkan harga getah.

Pihak RISDA terus menggalakkan tanaman semula di kalangan pekebun kecil bagi meningkatkan pendapatan mereka masa depan. Pekebun kecil yang memiliki seluas 2 hektar kebun, hasil pendapatan \$300 hingga \$450 sebulan selepas menanam semula berbanding dengan pendapatan sebanyak \$104 hingga \$108 sebulan sebelum penanaman semula dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai wakil daripada pihak penduduk-penduduk di kawasan Baling mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah di atas ikhlas beliau memberi perhatian khas terhadap penduduk-penduduk Baling yang terdiri daripada pekebun-pekebun kecil yang memiliki tanah kurang saiz iaitu yang tidak berekonomi. Cadangan beliau untuk menjadikan Baling sebagai daerah contoh di bawah Kementerianya adalah sangat dialu-alukan. Insya Allah, penduduk-penduduk Baling dalam keadaan aman dan tenteram tidak seperti masa-masa yang lampau lagi.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Dasar Pertanian Negara yang baru dilancarkan, yang mana akan mengusahakan semula tanah-tanah yang sedia ada, membolehkan semua tanah yang terbiar, yang beribu-ribu ekar di seluruh pelusuk di negara kita dan akan membuka tanah-tanah baru kepada usaha perseorangan, kumpulan

yang lebih tersusun dan dinamis lagi, terutama sekali di bawah Sekim Bersepadu anjuran pertanian, khususnya cadangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengadakan estet padi di bawah pengurusan yang kemas dan terkawal yang mana kemudahan akan disalurkan di semua bidang. Pak tani yang terlibat menjadi pemegang saham mengikut keluasan tanah yang mereka miliki.

Saya percaya perancangan ini akan mempercepatkan dan melipatgandakan hasil pak tani dalam jangka masa yang pendek dengan mengeluarkan hasil yang bertambah dan dapat memproses serta memasarkan hasil tersebut yang akan memberi hasil pulangan yang sangat lumayan. Insya Allah, dan negara akan menjadi bertambah makmur. Oleh itu, saya menyeru menerusi Dewan yang mulia ini supaya seluruh rakyat khusus petani-petani menyahut seruan yang baik ini dan laksanakan dengan penuh keyakinan dan jauhan diri dari mendengar dan mengambil hujah-hujah yang tidak bertanggungjawab yang akan melemahkan semangat kita khususnya para petani-petani sekalian.

Diharap Pusat-pusat Geraktani ataupun jentera-jentera pertanian di bawah LPP hendaklah dipertingkatkan dan dibina dengan mempunyai alat jentera yang cukup atau kemudahan lain dengan sempurna dan diharap projek tersebut yang dicadang dibina di Baling itu didirikan dengan segera. Di samping mengadakan sistem tali air yang bermutu dan mengadakan jalan-jalan pertanian yang akan memberi lebih kemudahan kepada keperluan pak tani-pak tani, mengusaha tanah mereka dan membawa masuk semua jentera-jentera dan pengangkutan bagi mengusaha dan membawa hasil masyul mereka. Saya percaya peruntukan ini hendaklah ditambah. Di samping itu diharap para pemimpin daripada pegawai-pegawai yang terlibat dengan usaha ini akan bekerja lebih giat, beramanah dan

bertanggungjawab lagi, khususnya di Kedah dalam projek IADP dan KEDA supaya diberi penuh perhatian dan peruntukan yang cukup.

Tuan Yang di-Pertua, daging tempatan bertambah hasil dari skim pawah iaitu setiap peserta diberi tidak lebih dari tiga ekor lembu atau kerbau dan seekor anak lembu atau kerbau pertama akan dikembalikan kepada Kerajaan, diharap usaha ini akan dapat dilipatgandakan.

Dalam bidang ternakan lembu susu pula telah berlipatganda mengeluarkan susu daripada 8 juta tahun 1980 kepada 18.9 juta tahun 1983, maka ini diharap pihak Kementerian Kewangan dan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian akan mengurangkan sedikit kemasukan susu dari luar negeri supaya penternak-penternak tempatan akan menambah kegiatan mereka dengan mendapat hasil yang lebih lumayan dan mengurangkan pengaliran wang ke luar negeri. Diharap pihak Kementerian khususnya Jabatan Haiwan dapat membina pusat-pusat mengumpul susu di kawasan yang terlibat, khususnya di kawasan saya di Pulau, Baling dengan segera bagi mengatasi kesulitan penternak-penternak. Kepada Jabatan Haiwan diharap mendapat kerjasama Kerajaan negeri-negeri bagi menguntukkan dan menambahkan kawasan padang ragut supaya projek ternakan akan berjaya dan mempunyai sistem ternakan yang teratur dan terkawal, tidak seperti sekarang ini binatang-binatang ternakan berkeliaran di sana sini.....

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:
Bolehkan Yang Berhormat gulung sekarang?

Tuan Haji Seroji bin Haji Haron:
.....di sini di atas jalan raya dan sebagainya, bukan sahaja merosakkan dan memusnahkan tanaman dan pokok bahkan berlaku kemalangan jalan raya

dan membangkitkan masalah kepada masyarakat umum.

Tuan Yang di-Pertua, buat mengakhirinya saya berharap kepada pihak perubatan dan Kerajaan menjamin tidak kurang doktor-doktor dan pakar-pakar untuk berkhidmat dengan Kerajaan dan hendaklah mengutamakan bagi kesihatan luar bandar. Di segi mengenai tenaga perubatan, wad pesakit, alat X-ray dan lain-lain. Bagi pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dapat memberikan tambahan peruntukan kepada negeri Kedah dalam Kajian Separuh Penggal ini dan menerusi Dewan ini diharap pihak Kementerian dapat menekan dan memberi syarat utama kepada daerah yang membangun seperti daerah Baling, Sik dan Kuala Nerang yang mana di Baling sehingga hari ini baru berapatus ratus rumah kos rendah dibina, bahkan permohonan dan permintaan sangat memerlukan beribu-ribu orang. Diharap pihak Kementerian akan dapat membina 1,000 unit lagi di daerah Baling.

Akhir sekali, kepada pihak Kementerian Dalam Negeri diucapkan terima kasih di atas perhatian dan kawalan yang rapi dengan rakyat memberi kerjasama yang sepenuhnya, kegiatan anti Kerajaan, penyeludupan dan dadah di Baling adalah berkurangan dan terkawal dan menerusi Dewan ini diharap dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat ini dapat pihak Kementerian Dalam Negeri membina Balai Polis kecil di pekan Parit Panjang, Mukim Pulai, Baling dengan segera memandang di atas perkembangan penduduk, dengan adanya pembukaan tanah baru dan jalan baru dibina di kawasan tersebut.

Sekian, saya menyokong penuh atas Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas.

4.08 ptg.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah (Padang Rengas): Bismillahir-rahmannir-rahim. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah dan kurniaNya serta taufik dan hidayahNya maka saya dapat turut sama mengambil bahagian dalam perbincangan mengenai Laporan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 23-3-1984 yang lalu dan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berucap.

Tuan Yang di-Pertua, langkah Kerajaan membentangkan Laporan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat ini, bukan sahaja suatu tindakan yang berani, jujur dan bertanggungjawab, malah sesuai dengan masa dan ketikanya memandangkan iklim ekonomi dunia tidak menentu dan pergolakan yang semakin bergelora di dalam percaturan sosio politik dan perhubungan di peringkat dunia antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya tujuan pendedahan menerusi Laporan ini adalah jelas untuk membolehkan Kerajaan menilai semula tahap pencapaian yang diperolehi dan kegagalan yang dialami oleh negara di samping cuba menerapkan nilai-nilai baru dalam mengatur strategi yang difikirkan lebih berkemampuan yang dapat memberikan pulangan hasil yang maksima ke arah pertumbuhan ekonomi negara dan seterusnya pembangunan negara yang hakiki. Mungkin Kerajaan juga mengharapkan maklum balas daripada orang ramai menerusi konsep Kerajaan terbuka yang diamalkan di negara ini. Oleh itu, saya mengambil kesempatan merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang

dikasih serta kepada semua Kementerian dan pegawai-pegawai serta kakitangan-kakitangan Kerajaan yang telah bersusah payah mengumpulkan segala maklumat dan data-data untuk dilaporkan di dalam Laporan Kajian Separuh Penggal kira-kira sebanyak lebih kurang 500 muka itu.

Tuan Yang di-Pertua, setelah 3 hari kita berbahas berkenaan dengan laporan Kajian Separuh Penggal ini, saya telah banyak mengikuti pandangan dan ucapan yang diberi oleh pihak Pembangkang. Sepanjang ucapan yang saya dengar dari barisan Pembangkang, khususnya DAP, saya dapati hujah-hujah yang dikemukakan itu tidak mencerminkan sebagai Pembangkang yang sihat, bertanggungjawab dan membina kerana pada keseluruhan ucapan mereka seolah-olah sejak merdeka ini tidak ada satu yang dapat dibanggakan oleh negara dan rakyat keseluruhannya. Mereka bercakap tentang kegagalan Kerajaan, tentang kecuaiannya Kerajaan, tentang ketidakadilan Kerajaan dalam semua bidang di samping memuji-muji negara-negara lain di dunia ini. Sikap mereka yang lantang dan angkuh itu seolah-olah merekalah yang bijak, yang berkemampuan dan arif dalam semua segi kehidupan di dunia ini.

Kita tidak bimbang dengan kecemasan mereka itu kerana dengan sikapnya cuba menafikan kemajuan yang dicapai oleh negara di bawah pimpinan Kerajaan Barisan Nasional jelas menunjukkan betapa ceteknya pengetahuan mereka di dalam memahami proses pembangunan negara mereka sendiri. Jika mereka mengharap sokongan rakyat terhadap parti mereka nyatalah mereka telah salah perhitungan kerana rakyat lebih arif daripada mereka. Hakikat ini terbukti setiap kali rakyat membuat penentuan, Barisan Nasional juga mendapat tempat dalam pemerintahan negara. Walaupun mereka menganggap

mereka bijak dan serba tahu, tetapi rakyat tidak pernah mengiktirafnya. Hakikat ini dapat dilihat sejak DAP berkecimpung dalam arena politik negara ini tidak pernah walau satu jam atau satu minit atau satu saat pun diberi mandat oleh rakyat untuk mentadbir negara. Ini bukanlah cakap yang takbur tetapi adalah satu reality sejarah politik di negara ini. Sikap mereka itu samalah seperti kata pepatah Melayu: Kokok berderai-derai, ekor bergelumang tahi atau cakap berdegar-degar, tahi lekat di gelegar.

Tuan yang di-Pertua, dengan tidak berniat takbur, sukalah saya menegaskan, sebaliknya seabodoh-bodoh parti Barisan Nasional, dahulunya Perikatan, ianya berjaya menawan hati rakyat di samping mempertahankan rekod kemenangan merebut pemerintah negara sejak 7 kali pilihanraya di negara ini. Ini adalah satu rekod yang berjaya oleh sebahagian kecil negara-negara yang mengamalkan pemerintahan demokrasi berparlimen di dunia ini. Seabodoh-bodoh Kerajaan Barisan Nasional, ia tetap berjaya mempertahankan kedaulatan negaranya, tegasnya sejak merdeka belum pernah ditakluk oleh mana-mana kuasa di dunia ini. Sejak merdeka, Kerajaan Barisan Nasional mampu memelihara perpaduan dan mewujudkan keamanan yang menjadi sumber ke arah pembangunan negara, sekalipun rakyatnya berbilang kaum, berbilang kepercayaan dan berlainan darah keturunan. Sejak merdeka, Kerajaan berjaya mengadakan bekalan makanan yang cukup untuk rakyat dan belum kedapatan rakyatnya mati kebuluran seperti yang berlaku di setengah-setengah negara yang merdeka di dunia ini. Sejak merdeka, ianya berjaya memainkan peranannya yang aktif dalam percataran politik antarabangsa sehingga dapat melahirkan berbagai-bagai resolusi yang disanjung oleh masyarakat dunia seperti penubuhan Persatuan Negara-negara Islam Sedunia, penubuhan Kerajaan

Demokratik Republik Kemboja dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan keluasan tanah yang sempit dimiliki oleh petani di luar bandar dan kos pembangunan yang meningkat serta kurangnya tenaga buruh yang berpotensi, juga daya pengeluaran yang rendah di kalangan masyarakat petani-petani kecil di luar bandar, maka saya menyokong dengan sepenuh-penuhnya satu pendekatan baru dalam sektor pertanian di luar bandar iaitu menerusi strategi program pertanian berkelompok dan pengumpulan kampung-kampung berhampiran bagi dijadikan bandar kecil untuk mengubah corak kehidupan masyarakat luar bandar secara koperatif di mana petani-petani akan diberi saham mengikut saiz atau keluasan tanah masing-masing di samping mendapat peluang-peluang pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya untuk mencapai kejayaan yang berkesan dalam program pertanian yang dimaksudkan itu selain daripada penyerapan teknologi moden dan modal yang berpatutan, kita memerlukan tenaga pengurusan yang cekap, dedikasi dan berkualiti. Mereka itu sebaik-baiknya hendaklah dipilih dari kalangan mereka sendiri, iaitu masyarakat petani tempatan kerana dengan pengetahuan dan pengalaman mereka mengenai kebudayaan dan adat resam masyarakat setempat membolehkan mereka melayakkan diri menjadi pemimpin petani yang berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, masalahnya bagaimana kita dapat melahirkan tenaga pengurusan yang dimaksudkan. Saya rasa untuk mencapai tujuan ini tidaklah begitu sukar kalau kita mahu, kata orang tua-tua: Hendak seribu daya, tak mahu seribu dalih.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya Kerajaan mengadakan satu program untuk

melahirkan tenaga-tenaga pengurus di kalangan masyarakat luar bandar dengan cara menubuh pusat-pusat latihan khas di tiap-tiap negeri di negara ini. Peserta-peserta di pusat latihan ini hendaklah terdiri daripada anak-anak petani di luar bandar tanpa mementingkan sangat pencapaian akademiknya. Apa yang penting ialah minat dan sikap untuk mencurahkan khidmat baktinya kepada pembangunan sektor pertanian di luar bandar dengan penuh jujur dan bertanggungjawab. Menerusi kursus-kursus kilat ini mereka hendaklah didedahkan dengan sistem pengurusan yang moden selaras dengan tanggungjawab sebagai Pengurus di ladang-ladang yang kecil, seperti penyediaan tapak-tapak projek, benih tanaman, pengeluaran dan pemasaran hasil pertanian dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dengan pendedahan baru itu dan dengan pengalaman mereka kelak serta dengan khidmat nasihat daripada berbagai-bagai agensi Kerajaan, kerja-kerja pengurusan tanah secara berkelompok itu akan dapat dijayakan dengan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh soal koperasi ini, saya juga mengalu-alukan hasrat Kerajaan untuk mempertingkatkan lagi pergerakan koperasi di kalangan masyarakat luar bandar kerana konsep koperasi yang bertunjangkan semangat kerjasama, bantu-membantu, tolong-menolong dan berjimat cermat itu adalah satu-satunya nilai hidup yang perlu dipupuk. Tabiat suka menabung dan melaburkan semula dalam apa juga projek yang berpotensi dan ekonomik adalah merupakan satu langkah yang positif ke arah mempertingkatkan mutu hidup di kalangan masyarakat yang miskin di luar bandar. Masalahnya adalah sama seperti untuk mendapatkan pengurus-pengurus tanah berkelompok yang saya sebutkan tadi. Walaupun hari ini orang-orang luar bandar sudah mula berminat dalam koperasi, tetapi hakikat yang sebenar

pergerakan mereka adalah terlalu lembap dan kaku. Sikap ahli-ahlinya juga banyak yang negatif.

Tuan Yang di-Pertua, kelembapan ini dapat dilihat dari segi keahlian, pertambahan saham, perancangan dan kegiatan dalam pergerakan ekonomi dan sebagainya sedangkan ahli-ahlinya menabung \$20 atau \$30 itu tidak berminat untuk menambahnya, hanya berangan-angan pula untuk meraih keuntungan. Oleh itu, tidak sedikitpun memberi apa-apa faedah jika kita melahirkan koperasi yang seumpama itu sekalipun jumlahnya kian bertambah pada tiap-tiap tahun.

Apa yang penting ialah memperingkatkan mutu kepimpinan pemimpin-pemimpin koperasi itu dan menambahkan kesedaran di kalangan ahli-ahli akan peri mustahaknya masyarakat yang kurang berada mencebur diri dalam pergerakan koperasi. Dengan yang demikian, kita dapat melahirkan koperasi-koperasi yang berkualiti dan koperasi yang seumpama inilah yang boleh membantu memerangi kemiskinan di kalangan masyarakat luar bandar.

Oleh itu, sekali lagi saya mencadangkan supaya pihak Kerajaan akan mengadakan satu rancangan khas untuk mendirikan pusat-pusat latihan untuk melatih pengurus-pengurus atau pemimpin-pemimpin koperasi secara intensif di negara ini. Menerusi berbagai-bagai pendedahan yang baru kita berharap mereka dapat membantu menggerakkan koperasi yang lebih bermakna di kawasan-kawasan mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap mengenai rancangan kilat ini saya teringat kepada satu ketika dahulu, iaitu di waktu Kerajaan telah membuat keputusan untuk memasukkan pelajaran Bahasa Melayu sebagai salah satu mata pelajaran di sekolah menengah, pada hal pada ketika itu

Kementerian Pelajaran tidak ada guru-guru Bahasa Melayu di sekolah menengah. Akhirnya satu rancangan kilat telah dilakukan oleh Kementerian Pelajaran dengan menubuhkan sebuah Maktab Perguruan Bahasa, suatu maktab yang belum pernah ada di negara ini. Oleh kerana perancangan ini saya katakan "rancangan kilat", maka maktab itu ditumpangkan buat sementara di sebuah bangunan di Bukit Senyum, Johor Bahru, kalau tidak salah ingatan saya iaitu pada tahun 1958, kemudian barulah dipindahkan ke bangunan yang kekal di Lembah Pantai, Kuala Lumpur pada akhir tahun 1959, kalau tidak salah ingatan saya. Peserta-peserta yang diambil berlatih di Maktab Perguruan Bahasa ini kebanyakannya ialah terdiri daripada guru-guru Melayu yang sudah tamat latihan perguruan. Mereka dipilih menerusi peperiksaan khas tanpa mengira umur dan kekananannya dalam perkhidmatan. Saya adalah salah seorang yang terlibat dengan rancangan kilat itu. Akhirnya Kementerian Pelajaran telah berjaya menempatkan guru-guru Bahasa Melayu di semua sekolah-sekolah menengah di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir tidaklah menjadi apa-apa halangan jika Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah serta Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar mengikut jejak langkah yang dibuat oleh Kementerian Pelajaran untuk mengatasi masalah tenaga pengajar Bahasa Melayu seperti yang saya sebutkan tadi. Masing-masing biarlah melatih pengurus-pengurus tanah yang berkualiti dan pemimpin-pemimpin koperasi yang berkaliber.

Tuan Yang di-Pertua, saya berkeyakinan penglibatan dan tindakan yang tegas daripada pihak Kerajaan sudah pasti cara-cara hidup tradisi masyarakat luar bandar yang merugikan itu boleh dimodenkan dengan jayanya seperti yang terdapat di lain-lain negara, seperti Jepun, Korea Selatan dan

Taiwan. Walau bagaimanapun tidak dinafikan unsur-unsur utama dalam proses pencapaian pembangunan yang maksima di kalangan masyarakat luar bandar ialah faktor kemanusiaan iaitu kesedaran, kemampuan, kebolehan yang lebih penting kemahuan kepada perubahan sesuai dengan tuntutan zaman di kalangan masyarakat luar bandar itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, hakikat ini perlu diberi perhatian yang serius agar nilai-nilai yang baik seperti rajin, tekun, berusaha, bersedia meninggikan mutu kepimpinan, jujur, amanah, berusaha mempertingkatkan daya pengeluaran, bertoleransi, berdikari dapat diterapkan dengan bersungguh-sungguh dalam tubuh masyarakat di negara ini kerana ianya merupakan sumber atau tunjang kejayaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya juga berharap hasrat Kerajaan untuk melibatkan masyarakat luar bandar dalam sektor perindustrian kecil yang berasaskan pertanian itu dapat dilaksanakan seberapa segera yang boleh agar penghijrahan anak-anak muda yang menjadi sumber pembangunan masyarakat luar bandar tidak terus-menerus berlaku. Menurut pendekatan yang baru ini kita berharap masyarakat luar bandar akan merupakan unit-unit pengeluaran yang cekap dan mantap serta menjadi masyarakat yang berpotensi, progresif dan berkebolehan. Sekiranya segala kesedaran yang disebutkan itu dapat diterjemahkan menjadi kenyataan sudah barang tentu insya-Allah usaha Kerajaan untuk membasmi kemiskinan di kalangan masyarakat luar bandar yang dikatakan berada dalam serba kekurangan itu lambat-laun akan diberi wajah baru selaras dengan semangat Dasar Ekonomi Baru yang menjadi teras perjuangan Kerajaan dan menjadi impian rakyat seluruhnya.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu isu yang masih meninggalkan kesan yang

mendalam di hati sanubari saya ialah mengenai masa depan anak-anak yang masih belajar di sekolah-sekolah yang kecil dan tumbuh berselerak di pelosok tanahair kita iaitu kesan peninggalan penjajahan dahulu. Kebanyakan daripada sekolah-sekolah ini bilangan murid-muridnya di antara 100 hingga 200 orang. Jarak di antara sebuah sekolah dengan sebuah sekolah yang lain kadang-kadang hanya beberapa rantai sahaja. Kadangkala dalam jarak 5 batu sahaja terdapat 6 atau 7 buah sekolah yang kecil-kecil dari segi saiznya. Jika dilihat secara sepintas lalu mungkin keadaan yang wujud sekarang ini amat baik kerana letaknya sekolah-sekolah itu seolah-olah berada di hadapan halaman rumah mereka tetapi jika dikaji secara mendalam banyak terdapat kesan-kesan yang negatif di antaranya, pertama pada umumnya tahap pencapaian pengetahuan akademik kanak-kanak yang belajar di sekolah-sekolah yang kecil itu jauh lebih rendah daripada kanak-kanak yang belajar di sekolah yang besar. Yang kedua, terdapat juga beberapa buah sekolah-sekolah yang kecil itu tidak mempunyai kemudahan fizikal seperti padang permainan dan sebagainya. Kesannya mutu sukan sekolah itu jauh lebih merosot daripada sekolah-sekolah yang besar dan lengkap dengan kemudahan-kemudahan asas seperti padang permainan dan sebagainya.

Yang ketiga, peluang untuk mendapat tempat di sekolah-sekolah berasrama penuh atau sekolah-sekolah rancangan khas adalah terlalu tipis kerana tahap pencapaian akademik yang terlalu rendah. Yang keempat, tidak ada dorongan untuk berlumba-lumba untuk mendapat tahap pencapaian tinggi kerana bilangan rakan sedarjah yang terlalu kecil. Yang kelima, kerana tidak ada padang permainan, kegiatan kerja di luar sekolah juga terhad, akibatnya pergerakan kanak-kanak itu lembab dan tidak cergas. Yang keenam, apabila

sampai di peringkat menengah kanak-kanak yang datang dari sekolah-sekolah yang kecil itu jauh lebih mundur dalam semua kegiatan sekolah jika dibanding dengan kanak-kanak yang datang dari sekolah-sekolah yang besar.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mendapatkan peluang pelajaran yang lebih adil dan sempurna, saya berpendapat masanya telah tiba bagi pihak Kerajaan mengkaji semula kedudukan sekolah-sekolah yang kecil saiznya itu serta kurang pula bilangan pelajar-pelajar supaya langkah-langkah percantuman boleh difikirkan tetapi sekolah-sekolah yang akan dicantumkan itu hendaklah dipastikan agar masalah pengangkutan terjamin dan dapat berjalan dengan lancar dan sempurna, boleh juga mendapat segala kemudahan seperti yang terdapat di sekolah-sekolah yang berada di kawasan-kawasan bandar.

Saya berpendapat sekiranya langkah-langkah yang positif tidak diambil, jurang kemajuan di bidang pelajaran di antara masyarakat bandar dengan masyarakat luar bandar akan terus menjadi semakin luas dan merugikan mereka yang ada di luar bandar. Pada hemat saya bentuk percantuman itu boleh difikirkan dengan dua kaedah. Kaedah yang pertama ialah percantuman penuh iaitu dipilih mana-mana sekolah yang berada dalam lingkungan lebih kurang 2 batu disatukan menjadi satu sahaja. Kaedah ini mungkin sukar dilakukan kerana terlalu banyak risiko kepada ibu bapa, murid-murid dan Kerajaan

Misalnya kepada ibu bapa yang ramai anaknya tentulah menjadi satu bebanan untuk membiayai belanja persekolahan anak-anak mereka terutama dari segi tambang bas atau kereta. Kepada murid-murid yang masih kecil iaitu dalam lingkungan umur 7 atau 9 tahun tentulah membimbangkan ibu bapa dari segi keselamatan dan sebagainya.

Kepada Kerajaan juga jika sekolah-sekolah itu ditutup begitu sahaja tentu merugikan sama ada dari bangunan, tanah dan sebagainya.

Kaedah yang kedua adalah lebih sederhana iaitu percantuman setengah sahaja. Kaedah ini lebih munasabah dan kurang pula risikonya. Kaedah percantuman separuh ini Kerajaan boleh memilih mana-mana sekolah yang terlalu hampir umpamanya ada tiga atau empat buah sekolah yang berada dalam lingkungan dua batu bolehlah dipilih salah sebuah daripadanya dan dijadikan sebagai sekolah pusat. Sekolah-sekolah yang lain boleh dibenarkan meneruskan khidmat seperti biasa tetapi dihadkan kepada tiga aliran sahaja iaitu darjah satu hingga darjah tiga.....

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:
Yang Berhormat, bolehkah Yang Berhormat habiskan dalam masa 8 minit lagi?

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:
Insya Allah setakat mana yang boleh Tuan Yang di-Pertua, manakala sampai darjah empat murid-murid itu hendaklah dimasukkan ke sekolah pusat. Berdasarkan kaedah ini murid-murid yang dahulunya berada di dalam keadaan serba kekurangan berpeluang pula untuk menikmati kemudahan pelajaran di sekolah pusat itu selama tiga tahun iaitu darjah empat sampai enam sebelum mereka memasuki sekolah-sekolah menengah yang berhampiran.

Kanak-kanak yang belajar darjah empat ini berada dalam lingkungan umur 10 tahun. Saya fikir tentulah tidak begitu sukar dan membimbangkan ibu bapa untuk mereka berulang-alik ke sekolah yang berada dalam lingkungan lebih kurang dua batu. Ibu bapa juga tidak terpaksa menanggung bebanan yang berat untuk membiayai perbelanjaan tambang bas anak-anak mereka

dan Kerajaan juga tidak menanggung apa-apa risiko yang berat.

Sekolah-sekolah pusat ini sebaik-baiknya hendaklah dilengkapi dengan segala kemudahan pelajaran dan pembelajaran yang lengkap dan sempurna seimbang dengan apa yang terdapat sekolah-sekolah di bandar. Saya berpendapat kaedah yang kedua ini merupakan salah satu pendekatan yang lebih munasabah jika Kerajaan benar-benar hendak memberikan peluang yang lebih bermakna kepada masyarakat luar bandar yang berada dalam keadaan serba kekurangan. Saya berharap pihak Kerajaan akan memandang serius saranan saya ini dengan agar dapat memberi peluang yang lebih adil kepada semua rakyat sama ada di bandar atau di luar bandar untuk menikmati kemudahan pelajaran yang sempurna.

Menyentuh mengenai konsep KBSR, walaupun KBSR ini berjalan dengan baik dan menampakkan kemajuan ke arah matlamat yang dikehendaki tetapi usaha ke arah mempertingkatkan prestasi yang lebih tinggi perlu dikaji dan dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh. Pada hemat saya adalah salah satu isu yang dapat membantu ke arah ini ialah dengan memperkecilkan jumlah bilangan murid-murid bagi sesebuah darjah. Hingga hari ini lebih kurang 80% jumlah murid-murid berada dalam lingkungan 50 orang. Angka ini terlalu besar untuk membolehkan guru-guru memberikan perkhidmatan bagi mencapai prestasi yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh pula berkenaan dengan Kementerian Kerjaraya. Terlebih dahulu saya ucap terima kasih atas perkhidmatan yang diberikan oleh Kementerian ini tetapi saya berharap berhubung dengan masalah pembinaan jalan baru dari Kuala Kangsar ke Gerik itu dapat disegerakan kerana setakat ini apa yang diketahui Kerajaan belum lagi membuat kepastian tentang aliran jalan

ini. Akibatnya beberapa projek-projek pembangunan di kawasan ini atau di sepanjang-panjang jalan ini tidak dapat dibangunkan.

Sebagai contoh sebuah klinik bidan yang hendak dibangunkan—walaupun sudah dapat kelulusan pada tahun 1976 sampai sekarang tidak dapat dijalankan kononnya kerana apa yang dikatakan steady corridor, dengan izin. Jadi saya berharap supaya Kementerian ini akan dapat mempercepatkan sekurangnya menentukan aliran jalan ini supaya pembangunan-pembangunan di kawasan ini tidak akan terbantut.

Yang kedua berkenaan sistem menilai harga-harga yang dibuat oleh Kementerian ini. Saya merasa aneh barangkali sistem ini tidak pernah dikaji sejak beberapa zaman dahulu kerana sungutannya tidak pernah putus-putus dari dahulu. Di dalam membuat penentuan sesuatu projek umpamanya perkara yang tidak memerlukan soal-soal teknikal yang besar misalnya baru-baru ini Sekolah Clifford hendak menebang enam batang pokok minta JKR membuat penilaian, dinilai \$18,000 lebih. Apabila Pejabat Pelajaran Kuala Kangsar ini mengadakan sistem menyebut harga pokok itu boleh ditebang dengan kadar harga \$1,800 sahaja. Saya mengucapkan syabas kepada Pejabat Pelajaran Kuala Kangsar atas budi bicara yang bijak. Dengan \$1,800 ini termasuk jaminan insurannya. Jadi saya harap sistem yang ada yang sudah lapuk patut dikaji semula kerana ini adalah bertentangan dengan kepentingan negara di mana kita sangat kekurangan wang.

Satu lagi contoh apabila kita hendak buat sebuah jambatan di kawasan saya, jambatan masuk Kampung Sementa. Tanya JKR \$180,000. Kita pun tidak dapat hendak buat apa-apa. Apabila saya berunding dengan pihak Pejabat Daerah mengadakan sistem menyebut harga, ada pihak-pihak yang sanggup boleh buat tak sampai \$60,000 dan

sekarang sudah siap. Kalau harapkan JKR sampai bila pun kita tidak dapat membangun dengan pesat. Jadi JKR merupakan salah satu batu penghalang dalam pembangunan kita. Saya minta maaf kerana banyak projek-projek yang kita hendak buat mahal-mahal sangat harganya. Jadi oleh sebab itu saya berharap Kabinet, bukan sahaja Kementerian Kerjaraya, harus mengkaji sistem yang ada di JKR ini kerana mereka ini tak boleh hendak dipersalahkan, mereka menjalankan kerja apa yang ditetapkan oleh Kabinet. Jadi yang salah Kabinet, Kabinet yang kena betulkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf kerana bercakap terlalu laju, sebenarnya banyak point hendak bercakap tetapi Tuan Yang di-Pertua hadkan masa.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Saya berarkan 3 minit untuk Yang Berhormat menggulung.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: 3 minit. Satu lagi berkenaan dengan Kementerian Pertanian. Saya suka menarik perhatian bahawa melihat kepada Laporan Kajian Separuh Penggal ini bahawa negara kita masih lagi memerlukan daging yang banyak. Apa yang dapat dihasilkan oleh perusahaan daging bagi keperluan negara di negara kita ini hanya lebih daripada 50% sahaja. Maknanya kita masih lagi import lebih daripada 40% daging daripada luar negeri. Pada hal negara kita dengan iklimnya yang baik, keadaan tanahnya yang subur adalah amat sesuai untuk mengadakan perusahaan lembu secara besar-besaran bagi menampung keperluan daging negara.

Oleh sebab itu saya berharaplah supaya projek membesarkan atau mempertingkatkan perusahaan ternak lembu di kawasan-kawasan luar bandar ini dapat diteruskan dengan lebih giat lagi.

Sekurang-kurangnya mana-mana kawasan yang sudah dikenalpasti untuk dimajukan, dan ladang-ladang ternakan ini seperti di kawasan saya di Kampung Temelong. Kampung Temelong ini ada 400 hingga 500 ekar tanah tetapi yang sudah dimajukan hanya 50 ekar sahaja dan 100 ekar lagi telah diminta untuk dimajukan kerana kawasan ini benar-benar mempunyai potensi dari segi ternakan lembu. Tetapi sehingga setakat ini tidak diluluskan, mungkin tidak dapat hendak disalahkan kepada Kementerian Pertanian kerana kita tidak ada wang, tetapi saya rasa patut kita harus memikirkan bahawa dengan kita bersikap melambat-lambatkan projek-projek ini sebenarnya negara telah rugi, rugi dari segi tukaran wang luar kerana lebih daripada 40% sama ada mahu atau tidak kita terpaksa import daging daripada luar negeri. Pada hal kerugian itu dari jangka panjangnya boleh ditampung dengan memajukan kawasan-kawasan ladang ternakan yang ada di seluruh negara kita ini.

Jadi saya rasa pihak Kementerian ini akan dapat meyakinkan kepada Kabinet untuk memberi kelulusan supaya kawasan-kawasan ternakan yang sudah dikenalpasti untuk ladang ternakan itu perlu dimajukan dengan segera sekurang-kurangnya kawasan ternakan ladang Kampung Temelong seluas 100 ekar itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah suka hendak ingin melanggar pengakuan saya sendiri untuk menamatkan ucapan saya. Dengan yang demikian saya menyokong usul Kajian Separuh Penggal RM4 yang dibentang oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Ahli Yang Berhormat dari Hilir Perak.

4.32 ptg.

Tuan Megat Junid bin Megat Ayob (Hilir Perak): Tuan Yang di-Pertua, dalam menyertai perbahasan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada tarikh 29hb Mac 1984 yang lepas, ingin saya mengucapkan tahniah kepada Wakil Kepong kerana dapat berucap hampir 1 jam 35 minit selepas sahaja Yang Amat Berhormat Perdana Menteri duduk.

Di dalam ucapan Wakil Kepong tersebut ada dua perkara penting yang ingin saya beri pandangan. Satu ialah ketakutan terhadap Dasar Ekonomi Baru dan yang kedua ialah kemiskinan.

Dalam hal ketakutan terhadap Dasar Ekonomi Baru, Wakil Kepong mencadangkan agar Dasar Ekonomi Baru ini dapat dibasmikan secara langsung menjelang tahun 1990 dan menganggap bahawa dasar ini adalah seperti garisan menegak perkauman. Tetapi sedarkah Wakil Kepong bahawa keharmonian kaum yang wujud dari tarikh 13hb Mei 1969 hingga ke hari ini adalah disebabkan Dasar Ekonomi Baru. Dasar Ekonomi Baru tidak sekali-kali merampas hak sesiapa, mengurangkan hak sesiapa, tetapi semata-mata berkongsi lebih banyak kaum untuk merasai "kueh" yang begitu besar. Tidak seperti sebelum 13hb Mei 1969 yang mana "kueh" itu dirasai oleh satu kaum sahaja.

Kalau dahulu "kueh" ekonomi dibaham oleh satu kaum tetapi dengan adanya Dasar Ekonomi, "kueh" ekonomi yang besar itu dirasai secara bersama dan ini wujudlah pertalian yang harmoni.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Wakil Kepong, quote:

"Kini masyarakat Melayu tidak berasa puas hati dan mempunyai harapan-harapan yang melambung

yang belum ditunaikan. Pada masa yang sama masyarakat bukan Melayu berasa tidak puas hati kerana unsur-unsur perkauman yang menyelubungi Dasar Ekonomi Baru."

Ingin saya memberi komen di sini bahawa bila wujud tidak puas hati di kalangan semua kaum, itu menunjukkan bahawa Kerajaan Barisan Nasional dan Dasar Ekonomi Baru telah mewujudkan satu pentadbiran yang adil dan saksama dan mewujudkan harmoni di kalangan kaum.

Kerajaan tidak ada niat untuk melaksanakan satu dasar yang mana mewujudkan perasaan puas hati di satu kaum sahaja dan perasaan tidak puas hati atau benci di kalangan kaum lain. Jika ini berlaku, inilah yang dikatakan pentadbiran yang tidak adil dan tidak saksama dan akhirnya akan pecah pergaduhan antara kaum yang puas hati dengan kaum yang tidak puas hati. Apabila semua kaum tidak puas hati ini mewujudkan kemajuan di dalam negara yang majmuk kerana selagi manusia itu manusia, perasaan tidak puas hati pasti wujud kerana manusia itu sendiri dijadikan semula jadi mempunyai perasaan demikian.

Wakil Kepong juga menekankan perkara kemiskinan. Panjang lebar perkara ini disentuh tetapi hanya kecaman terhadap dasar Kerajaan. Tidak sekali-kali memberikan butir-butir bagaimana kadar kemiskinan di kalangan rakyat dapat diturunkan. Kerja yang paling senang di dunia ini adalah mencari salah orang, mengecam dan menghina orang lain, alangkah baik ucapan 1 jam 35 minit itu digunakan untuk mencari jalan yang konkrit dan positif untuk mengatasi kemiskinan bukan untuk Kerajaan Barisan Nasional tetapi untuk rakyat miskin yang konon ingin sangat diperjuangkan oleh Wakil Kepong.

Dr Tan Seng Giaw: (Bangun).

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:
Yang Berhormat, saya tidak benarkan penjelasan, kita tidak cukup masa. Sila teruskan.

Tuan Megat Junid bin Megat Ayob:
Wakil Kepong berkata bahawa kemiskinan wujud 77.6% di kalangan kekebun kecil kelapa, 76.2% pesawah padi dan 72.8% di kalangan nelayan. Kita tahu golongan-golongan ini adalah 80% terdiri daripada orang-orang Melayu.

Wakil Kepong mengambil berat ke atas masalah mereka, ingin menolong mereka tetapi mencadangkan Dasar Ekonomi Baru dibasmikan terus secepat mungkin. Di manakah letaknya kejujuran Wakil Kepong tersebut? Di satu pihak hendak menolong orang Melayu berperahu menyeberangi sungai tetapi di sebelah pihak disuruh rampas pengayuh yang ada di tangan orang Melayu yang miskin itu.

Tuan Yang di-Pertua, tidak berapa lama dahulu Wakil Kepong dalam membahaskan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah pula cuba memperjuangkan kaum Orang-orang Asli. Nampaknya kaum Orang Asli juga menjadi target, dengan izin, Wakil Kepong untuk menambahkan ahli partinya. Dalam hal ini diharapkan Wakil Kepong sudi datang ke kawasan saya di Hilir Perak di mana hampir 1,000 Orang Asli tinggal. Rumah mereka tersusun indah di dalam kampung dengan dewan, surau dan kebun kelapa sawit dan sayur-sayuran yang menghijau. Hidup sebelah-menyebelah dengan kampung orang Melayu. Kebanyakan daripada kehidupan walau dari segi rumah, kelengkapan hidup adalah lebih baik daripada setengah-setengah orang-orang Melayu yang berhampiran. Jadi tuduhan bahawa Kerajaan membiarkan sahaja orang asli tanpa diberi pertolongan adalah tuduhan yang tidak berasas dan jahat.

Tuan Yang di-Pertua, ucapan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah satu kajian yang mempunyai, dengan izin, approach yang sungguh berlainan. Satu approach, dengan izin, yang memerlukan pengorbanan dan commitment yang bersungguh-sungguh dari semua pihak iaitu Kerajaan, ahli-ahli politik, pegawai-pegawai Kerajaan dan rakyat jelata. Approach ini akan gagal jika persyarikatan keseluruhan rakyat, ahli-ahli politik dan tenaga manusia Kerajaan tidak dapat dipersatukan.

Sebagai contoh ingin saya menekankan tentang rancangan melaksanakan estet padi yang mana ditekankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam ucapan kajian beliau tempoh hari. Estet padi di kawasan luar bandar hanya boleh wujud jika ada kerjasama yang erat di antara tuan tanah, pegawai-pegawai Kerajaan, pihak-pihak swasta dan ahli-ahli politik.

Pengalaman saya sendiri dalam hal ini tuan-tuan tanah tidak menjadi masalah. Pihak swasta bekerjasama tetapi ada pihak-pihak pegawai Kerajaan yang sungguh lembap menangkap hasrat murni Kerajaan dan ada pula yang belum apa-apa lagi mengecap bahawa projek yang seperti ini tidak menguntungkan serta merugikan pesawah. Sepatutnya mereka-mereka ini yang sepatutnya bertanggungjawab, tidak pula mencari jalan bagaimana hendak menyelamatkan beribu-ribu ekar tanah terbiar rakyat supaya tanah-tanah terbiar tersebut dapat menghasilkan pendapatan yang baik kepada rakyat.

Ada pula wujud apabila ada pihak-pihak swasta yang ingin melibatkan diri dalam mewujudkan estet padi itu ada pula agensi-agensi Kerajaan yang terlibat dalam bidang yang sama cuba memperkecil-kecilkan usaha pihak swasta tersebut sehingga wujud masalah

yang begitu rumit untuk mewujudkan estet padi tersebut.

Dengan itu diharapkan agensi-agensi Kerajaan yang terlibat dalam hal pertanian ini terutama sawah padi, harus memberi galakan, dorongan dan kerjasama dengan pihak-pihak swasta yang ingin berkecimpung di dalam menolong memulihkan tanah-tanah terbiar tersebut agar pulih semula dengan tanaman-tanaman yang menguntungkan.

Tuan Yang di-Pertua, Wakil dari Kota Melaka pula telah bersetuju dengan satu kajian pihak USM bahawa estet padi secara berkelompok itu merugikan petani dan telah memberi contoh projek Perairan Muda. Ingin saya membetulkan perkara ini bahawa projek Perairan Muda bukanlah projek estet padi secara berkelompok.

Projek estet padi secara berkelompok hanya dibuat di Kampung Asam Jawa, Pendang seluas 175 ekar yang dibuat oleh Kerajaan, 600 ekar di Balik Pulau yang dibuat oleh pihak swasta dan 300 ekar lagi dibuat di Seberang Prai yang dilaksanakan oleh KGM. Satu lagi estet yang mana dalam perancangan terakhir ialah di Bukit Chawi, Hilir Perak seluas 3,000 ekar yang diselenggarakan oleh pihak swasta.

Dalam kertas kerja yang dibuat adalah sungguh menguntungkan kaum petani, sambil ladang mereka diratakan yang dibuat begitu rupa yang mana menjadi estet padi yang luas terbentang, di samping itu kampung tersusun juga akan diwujudkan dengan perancangan prasarana yang tersusun seperti jalan, air, dewan, surau dan sebagainya.

Saya tidak menyalahkan pihak pembangkang untuk mengkritik serta melemparkan tuduhan kerana itulah tugas utama mereka, tetapi bagi Kerajaan Barisan Nasional adalah merancang dan melaksanakan segala

rancangan dan projek untuk rakyat. Biar rakyat menilaikan usaha Kerajaan kerana merekalah yang telah memilih Kerajaan Barisan Nasional dengan majoriti yang banyak. Amanah ini tetap Kerajaan sanjung tinggi dan akan berusaha dengan penuh kejujuran dan keikhlasan untuk memikul amanah rakyat itu.

Wakil Kota Melaka juga bercakap fasal Dayabumi sebentar tadi. Perlu difahami bahawa projek Dayabumi adalah projek pemancing kerajaan. Selepas sahaja projek Dayabumi ini dilaksanakan, pemborong-pemborong Jepun dan Korea berlumba-lumba datang ke Malaysia, konon boleh mencari keuntungan yang banyak, tetapi sebaliknya mereka terpaksa berlumba-lumba akhirnya projek-projek lain yang didapati oleh mereka terpaksa dibiayai dengan harga yang murah dan terpaksa dibuat dengan secepat-cepatnya. Cepat siap bermakna perbelanjaan banyak diselamatkan oleh pihak Kerajaan. Pemborong-pemborong tempatan juga berlumba-lumba, semuanya cuba membuktikan kebolehan masing-masing iaitu cepat siap, mutunya baik dan harganya murah.

Pemborong Barat juga datang berlumba-lumba memberikan bermacam-macam kemudahan untuk berlawan dengan kontraktor Jepun, Korea dan juga kontraktor-kontraktor tempatan yang dahulunya tidak pernah termimpi oleh kita.

Akhirnya, projek Dayabumi secara keseluruhannya adalah satu projek pancing yang berjaya menuju ke matlamatnya iaitu menolong Kerajaan membangunkan negara dengan kadar cepat, bermutu dan harganya berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk akhir kata, saya berharap semua pihak dapat menyahut seruan dan ketegasan Yang

Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan beliau tempoh hari:

“Saya ingin tegaskan di sini bahawa Kerajaan akan terus berusaha untuk menjayakan rancangan pemulihan keadaan di desa dan penduduk desa. Pegawai-pegawai akan diberi taklimat penuh, dilatih dan ditugaskan untuk menjayakan projek ini. Berani kerana benar dan Kerajaan berani melaksanakan skim ini kerana Kerajaan sedar akan kebenaran usahanya ke arah kebahagiaan masyarakat desa. Saya yakin skim ini adalah langkah yang penting dan utama yang akan membawa petani dan nelayan dari abad 19 ke abad 20 serta menyediakan mereka untuk menghadapi cabaran abad ke 21.”

Itulah satu daripada usaha baru Kerajaan ke arah pembasmian kemiskinan, khususnya di desa.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Terima kasih, Ahli Yang Berhormat dari Hilir Perak. Ahli Yang Berhormat dari Pekan.

4.46 ptg.

Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud (Pekan): Tuan Yang di-Pertua, berbanyak terima kasih diucapkan di atas kesempatan yang diberikan kepada saya untuk mengambil bahagian bagi membahaskan Usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri kita pada minggu lepas.

Saya ucapkan syabas kepada Kerajaan oleh kerana telah memberi tumpuan yang serius terhadap sektor luar bandar atau desa di mana terdapat sebilangan besar warganegara yang miskin dan memerlukan bantuan dan bimbingan untuk berdikari walaupun

baru 3 tahun Rancangan Malaysia Keempat dilancarkan, namun \$19.2 billion telah habis dibelanjakan tetapi banyak lagi projek dan program yang belum dapat dilaksanakan.

Saya menyokong penuh saranan Perdana Menteri kita bahawa pembangunan luar bandar akan dipergiatkan lagi, bahkan pengaliran dari perbelanjaan bandar akan dibawa ke luar bandar. Rancangan rangkaian bandar-bandar kecil yang akan diwujudkan akan memberi galakan kepada peniaga-peniaga kecil di luar bandar untuk meningkatkan maju dan dapat membesarkan lagi perniagaan mereka. Ia juga membolehkan orang-orang kampung tak payah lagi ke bandar-bandar besar untuk menguruskan urusan harian dengan hanya memadai dengan pergi ke bandar-bandar kecil yang berhampiran dengan kampung mereka. Ia juga dapat memperkecilkan dan menjimatkan belanja tambang pergi balik.

Satu perkara yang akan diperjuangkan berterusan sehingga segala-galanya selesai ialah kemudahan asas yang wajib diadakan setanding dengan negara membangun di dunia ini iaitu api, air dan jalan. Setiap kali Wakil-wakil Rakyat melawat kawasan pilihanraya, terutama di luar bandar masalah kemudahan asas ini tetap dibangkitkan sama ada perjumpaan UMNO, JKPP, JKRR atau apa juga perjumpaan sekalipun mengenai dengan hal setempat. Sebagai contoh sebatang jalan raya di kawasan saya di Kampung Mambang lebih kurang 10 batu hampir 15 tahun masih belum dapat dibetulkan dengan sempurna. Jalan ini menampung khidmat kepada lebih kurang 500 orang keluarga dan penduduk setempat. Jalan ini sukar untuk digunakan apabila sampai musim hujan.

Begitu juga keadaannya dengan bekalan elektrik yang masih lagi setakat 12 jam sehari. Ongkosnya kepada

orang-orang kampung lebih mahal kepada mereka dengan bekalan sedemikian. Eloklah LLN membekalkan kepada kampung-kampung yang ada mempunyai bekalan kepada 24 jam dan dengan berbuat demikian dapat menjimatkan perbelanjaan, cuma bayar mengikut unit yang dipakai sahaja, tidak dengan asas purata yang ada sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat di luar bandar menerima baik program yang diatur dan dirancang oleh RISDA sejak tiga tahun lalu di mana tanah-tanah getah yang sudah tua ditebas di bawah skim penggalak tanaman semula atau ringkasnya SEPENTAS. Ramai penduduk-penduduk kampung terutama sekali pekebun-pekebun kecil di kampung-kampung tradisional telah membenarkan kontraktor-kontraktor RISDA menanam pokok getah baru setelah dipujuk rayu oleh pegawai-pegawai berkenaan dengan janji-janji yang lemak manis. Sebagai masyarakat luar bandar yang tidak banyak keranah mereka sanggup dan menerima skim SEPENTAS tadi dengan bantuan kredit sebanyak \$100 sebulan bagi setiap keluarga.

Apa yang mendukacitakan pada mereka ialah skim ini dibekukan tiga bulan lalu. Skim ini baru sahaja diteruskan setelah dibekukan untuk beberapa ketika. Apakah yang perlu menyusahkan mereka yang hidup dalam keadaan miskin? Kita sedar bahawa pekebun-pekebun kecil ini mempunyai tanah, akan tetapi pendapatan mereka dari hasil tanah tidak boleh dikatakan mencukupi untuk saranan hidup seharian. Maka perlulah pihak Kerajaan terutama sekali RISDA berhati-hati dalam menjalankan skim SEPENTAS ini agaknya ia tidak menyusah dan membebankan rakyat luar bandar. Dari \$100 sebulan diturunkan pula ke \$60.00 bagi setiap keluarga. Adakah boleh satu keluarga di luar bandar hidup dengan hanya \$60.00 sebulan dalam zaman inflasi dan ekonomi meleset.

Pihak yang bertanggungjawab perlu merancang satu-satu skim atau program dengan teliti dan mendalam. Ini supaya mengelakkan dari program dan tergendala di separuh jalan. Bukan ini yang ditakutkan. Apa yang dibimbangkan kita mungkin tidak mendapat kepercayaan dari pekebun-pekebun kecil tadi dan akan menyertakan projek-projek yang akan dilancarkan di masa hadapan.

Saya suka mencadangkan kepada Kerajaan supaya diadakan tabung khas bagi skim SEPENTAS ini dan boleh menjamin skim ini berjalan dengan baik dan memberi puas hati kepada semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kita mengkaji Rancangan Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat ini, satu hakikat yang harus diterima dan menjadi warisan penjajahan dan masih belum mendapat perhatian Kerajaan ialah masalah post mortem yang dijalankan di hospital di daerah-daerah. Ia amat menyulitkan kepada orang-orang Islam yang tinggal di luar bandar atau di desa-desa. Apabila sesuatu kematian berlaku di jalan raya akibat pelanggaran oleh sesebuah kereta maka si mati akan dibawa ke hospital daerah untuk dibedah bagi mengetahui sebab kematiannya. Dan apabila kematian berlaku pada sebelah petang dan apabila mayat sampai ke hospital, hari pun sudah malam, maka ianya tidak akan diapa-apakan sehinggalah pukul 8.30 pagi esoknya untuk pembedahan oleh doktor yang bertugas. Apa yang berlaku ialah mayat lambat sampai ke rumah untuk dikebumikan dan sekiranya si waris tidak membenarkan pembedahan dibuat maka terpaksa berkejar mencari Wakil-wakil Rakyat untuk mempengaruhi pihak yang berkenaan supaya pembedahan dikecualikan dengan menandatangani borang-borang tertentu.

Dua hari lalu, mayat seorang perempuan tua yang mati lebih kurang 200 ela dari rumahnya terpaksa dibawa

ke Hospital Besar Kuantan setelah ianya mati dilanggar oleh sebuah motosikal di waktu malam. Post mortem tidak dapat dilakukan kerana mengikut undang-undang post mortem hanya boleh dibuat dari pukul 6 pagi hingga 6 petang sahaja. Apakah kita perlu mengekalkan peraturan yang lapok zaman penjajahan British ini terus dipakai lagi.

Saya menyeru Kementerian Kesihatan supaya menghapuskan peraturan ini bagi membolehkan pembedahan dibuat pada bila-bila masa sahaja sama ada malam atau siang asalkan pembedahan boleh dibuat dengan lampu elektrik yang terang. Dengan adanya peraturan baru ini maka mayat tidak perlu disimpan lama-lama di hospital dan menyenangkan pihak waris tidak payah lama menunggu.

Akhir kata saya sekali lagi menyokong usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Ahli Yang Berhormat dari Bandau.

4.55 ptg.

Tuan Newman Gaban (Bandau): Tuan Yang di-Pertua, mula-mula saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas ucapan beliau yang mana berlainan dengan rancangan-rancangan pembangunan sebelumnya yang mana disertakan juga dengan satu message yang menyuruh kita menukar sikap sambil lewa kita dan sebaliknya bekerja lebih gigih untuk kemajuan dan pembangunan. Message ini sesuai dengan "Dasar Pandang ke Timur" dan dengan sewajarnya ditekankan pada ketika ini, oleh kerana sebagai sebuah negara yang sedang membangun yang menghadapi saingan ekonomi dan sekatan perdagangan dari lain-lain negara di keliling kita.

Kita merasa bangga, walaupun terdapat kemerosotan ekonomi dalam

masa dua tahun pertama Rancangan Malaysia Keempat, kita telah mencapai ketumbuhan ekonomi dengan kadar 6.2% setahun. Bagaimanapun ini telah tercapai dengan perbelanjaan wang awam yang besar oleh Kerajaan sehinggakan sebanyak 94.9% dari jumlah peruntukan telah dibelanjakan dalam masa tiga tahun pertama Rancangan Malaysia Keempat. Perbelanjaan ini adalah 33.4% daripada jumlah perbelanjaan Negara. Ini adalah peranan yang besar di pihak Kerajaan dalam sesebuah negara yang mengamalkan dasar Perdagangan Bebas atau Free Enterprise yang disokong oleh ciri-ciri demokratik.

Perbelanjaan wang awam yang besar telah tidak dapat mengurangkan pengangguran yang bertambah sebanyak 5.7% dalam tahun 1980 kepada 6% dalam tahun 1983. Kajian Separuh Penggal menunjukkan pertambahan kadar kemiskinan sebanyak 29% di Semenanjung Malaysia dalam tahun 1980 kepada 30.3% dalam tahun 1983. Menurut Kajian Separuh Penggal terdapat kemajuan yang nyata dalam ciri-ciri kemiskinan di Sabah dan Sarawak dalam masa yang sama. Mereka mengambil kira dalam segi ini kepada beberapa faktor yang pada pendapat saya adalah elok dipersoalkan.

Walaupun harga getah telah turun, cuma sebahagian kecil sahaja dari penduduk di Sabah dan Sarawak iaitu sebanyak 10% yang terlibat dengan getah. Bagaimanapun inilah faktor utama yang saya hendak bincangkan. Oleh kerana sebahagian kecil sahaja petani-petani luar bandar yang terlibat dengan getah, kejatuhan harga getah bukanlah satu petunjuk kepada taraf kemiskinan di Sabah dan Sarawak. Kebanyakan petani di Sabah dan Sarawak adalah tidak terlibat dengan hasil pokok-pokok besar. Oleh itu seorang petani yang miskin yang mempunyai tanah yang ditanam dengan getah adalah satu kelebihan, sebagai

satu sumber tambahan kepada pendapatannya walaupun harga getah jatuh. Dengan perkataan lain, yang miskin di Sabah dan Sarawak mungkin akan lebih menderita bukan kerana kejatuhan harga getah tetapi oleh kerana kekurangan kebun getah yang boleh memberi mereka sumber tambahan kepada pendapatan mereka.

Kedua, Kajian Separuh Penggal ada menyatakan bahawa sebahagian daripada mereka yang miskin di Sabah dan Sarawak adalah penanam padi yang telah beruntung mendapat sokongan Kerajaan ke atas harganya yang tetap sebanyak \$38 hingga \$40 sepikul. Bagaimanapun sementara penanam padi di Sabah dan Sarawak telah mendapat faedah dari sokongan Kerajaan ke atas harga padi yang mana saya ucapkan tahniah kepada Kerajaan sebagai satu langkah positif Kerajaan untuk memelihara pasaran bagi pihak penanam padi. Kerajaan Pusat tidak memberi bantuan racun serangga dan baja kepada petani-petani di Sabah dan Sarawak. Peranan orang tengah dalam penjualan padi masih belum dihapuskan sama sekali. Kekurangan peruntukan dan juga pegawai dalam LPN di Sabah dan Sarawak telah menyebabkan wujudnya orang tengah. Dengan tidak ada kilang-kilang padi yang sesuai yang berkebolehan untuk berkhidmat kepada kawasan pertanian yang luas adalah satu faktor lagi yang akan menyekat perkembangan perusahaan padi. Faktor-faktor ini telah tidak mendorong pesawah-pesawah untuk meninggalkan tahap pengeluaran mereka.

Kajian Separuh Penggal menyatakan hasil pengeluaran atau productivity padi oleh petani-petani dari kedua-dua negeri menunjukkan sedikit pertambahan sebanyak 3% dalam tempoh 1981-1983. Petani-petani di Sabah dan Sarawak mungkin telah dapat menambahkan hasil mereka, seperti mana yang ditunjukkan oleh Kajian Separuh Penggal, tetapi harus diingatkan

bahawa productivity di Sabah dan Sarawak adalah jauh kurangnya dari di Malaysia Barat. Productivity yang lebih tinggi di Malaysia Barat telah tidak mengakibatkan kekurangan yang nyata dalam kemiskinan luar bandar bagi Malaysia Barat. Oleh itu adalah susah untuk meneliti sama ada kesan atas sedikit pertambahan dalam productivity padi terhadap kemiskinan keseluruhannya di Sabah dan Sarawak.

Lagi pun, ada beberapa bilangan petani di Sabah dan Sarawak yang menanam padi bukit dan oleh itu tidak dapat menerima bantuan Kerajaan Negeri dalam subsidi pembajakan. Bukan sahaja golongan petani ini tidak dapat menerima bantuan asas dan juga menderita oleh kerana hasil pengeluaran yang sangat rendah, cuma terdapat sedikit sahaja keterangan statistik atau dokumen berkaitan dengan ciri-ciri mereka. Mereka menanam padi hanya cukup untuk keperluan mereka sahaja dan ada pula yang menanam padi cara berpindah randah (shifting cultivation). Lagi pun, adalah pada pendapat pertimbangan saya bahawa jurang antara golongan yang lebih kaya dengan yang miskin telah membesar di Malaysia amnya dan di Sabah khususnya. Saya tidak mempunyai sebarang bukti perangkaan bagi pendapat ini. Saya letakkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini untuk menentukan sendiri sama ada jurang antara yang kaya dengan yang miskin telah benar-benar bertambah. Lojik saya adalah mudah. Kiranya kita menerima bahawa jurang antara yang kaya dengan yang miskin telah bertambah dalam masa kemerosotan 1981-1983, maka seterusnya kemiskinan yang relative mestilah telah juga bertambah. Oleh itu, memandangkan keadaan mereka seperti yang telah saya gambarkan, ada kemungkinan bahawa kadar kemiskinan di Sabah dan Sarawak telah tidak dapat dikurangkan kepada paras yang nyata semasa kemerosotan.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasa gembira Kerajaan telah memberi suatu garis panduan yang penting yang mana akan dilaksanakan dalam erti kata Dasar Ekonomi Baru. Satu implikasi yang nyata dalam garis panduan ini ialah bukan sahaja kita patut menggalakkan penyertaan pelabur-pelabur persendirian dan entrepreneurs tetapi sebanyak yang mungkin, Kerajaan hendaklah melihat dengan teliti kepada entrepreneur Bumiputera yang kecil supaya mereka diberi peluang untuk membuktikan kebolehan mereka.

Di masa yang lalu, terdapat banyak tuduhan bahawa dalam amalan, peniaga kecil Bumiputera mendapati sukar untuk mencari peluang dalam perniagaan. Cuba lihat sebagai misalnya pemberian tender yang berjaya. Pernah dikatakan, peniaga-peniaga kecil jarang-jarang atau tidak pernah langsung berjaya dalam mendapatkan tender kerana banyak rintangan yang menghalangnya. Walaupun setengah tender adalah diuntukkan kepada Bumiputera, tetapi hanya kontraktor yang kaya dan besar perniagaannya yang berjaya. Ini adalah kerana salah satu daripada perkara yang ditimbang oleh Lembaga Tender ialah kontraktor yang berjaya itu mestilah mempunyai pengalaman yang luas dan pernah menyiapkan sesuatu projek dengan jayanya di masa yang lalu. Pertimbangan juga diberikan ke atas keutuhan kewangan kontraktor itu. Tidakkah hairan mengapa, berdasarkan kepada pertimbangan ini, hanya kontraktor yang besar dan kaya akan berjaya mendapatkan tender dan dalam amalannya boleh dikatakan kontraktor yang sama atau kumpulan kontraktor yang sama akan mendapat tender lepas satu, satu projek. Keadaan ini, jika dibiarkan berlarutan adalah sangat bertentangan dengan dasar dan semangat Dasar Ekonomi Baru. Jika cara dan aliran penswastaan menguntungkan golongan yang lebih kaya, kita mungkin pada suatu hari menyaksikan suatu masyarakat

Malaysia yang tidak seimbang pemberian kekayaannya di mana kekayaan negara ini akan jatuh ke tangan suatu golongan elit kaum modal. Saya harap Kerajaan akan mengkaji semula sistem kaedah-kaedah dalam pemberian tender di negara ini dengan tujuan mengadakan satu sistem yang lebih membayangkan hasrat Dasar Ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, penswastaan dalam kontek Dasar Ekonomi Baru akan menghadapi satu cabaran.....

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Yang Berhormat, bolehkah Yang Berhormat habiskan ucapan dalam masa 6 minit lagi?

Tuan Newman Gaban: Ya. Saya cuba.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Terpaksa habiskan.

Tuan Newman Gaban. Ya, baik. Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan Kajian Separuh Penggal bahawa kemajuan penanam padi adalah satu bidang yang boleh mengurangkan kemiskinan dan diolah dengan betul akan menolong kita mencapai ke arah cukup makanan (self-sufficiency). Saya mengalu-alukan strategi baharu dalam Kajian Separuh penggal untuk memulakan pertanian berkelompok di kalangan petani. Seseorang akan bertanya sama ada konsep pertanian berkelompok menerusi koperasi petani boleh mengatasi masalah dan kelemahan yang kini dihadapi oleh petani. Bolehkah konsep pertanian berkelompok dalam bentuk koperasi peladang seperti yang dicadangkan dalam Kajian Semula Separuh Penggal itu dapat dijalankan dengan jayanya di Malaysia dan khususnya di Sabah?.

Untuk memulakan konsep ini sesuai dengan dasar penswastaan, masanya mungkin telah tiba bagi petani-petani

sendiri untuk mula mengatur diri mereka sendiri kerana dalam persatuan mereka akan teguh dan boleh menggunakan sumber asli dan sumber awam yang ada pada mereka untuk meninggikan ekonomi mereka sendiri. Dalam teori, tiada sebab mengapa satu kumpulan petani yang bertani atas asas koperasi dan menumpukan sumber mereka bersama tidak boleh berjaya. Dengan ringkas persoalan ini seseorang hendaklah bertanya: Adakah assumption yang berkaitan dengan strategi pertanian berkelompok seperti terkandung dalam Kajian Separuh Penggal itu boleh dipakai? Adakah sebarang strategi pilihan atau adakah terdapat keperluan atas pengubahsuaian assumption untuk disesuaikan dengan keadaan tempatan?

Ramalan dan harapan mengenai strategi boleh diringkaskan seperti berikut:

- (i) Penggunaan tanah dapat ditentukan.
- (ii) Kegiatan perniagaan berkaitan dengan barang-barang yang berasaskan pertanian akan dapat diperluaskan.
- (iii) Pengeluaran akan dapat ditingkatkan.

Keputusannya ialah bahawa penanam padi akan mendapat pendapatan yang bertambah dan menolong menyelesaikan masalah pengangguran. Pada pendapat saya dan menggunakan konteks Sabah kegunaan tanah akan diperbaiki oleh kerana kini tanah sawah yang terbiar kerana ketiadaan tuan tanah yang mengusahakannya, akan dapat diusahakan dan oleh kerana sawah padi yang sesuai akan dibuka oleh koperasi. Sejauh mana perluasan dapat dibuat akan juga bergantung kepada Kerajaan untuk mengadakan kemudahan.....

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Yang Berhormat ada tiga minit sahaja lagi untuk mengulung.

Tuan Newman Gaban: Tuan Yang di-Pertua, dengan kesimpulan mengenai padi tadi, saya percaya bahawa pertanian berkelompok melalui koperasi hendaklah dicuba dan ianya boleh berjaya dengan syarat kita bertolak ansur untuk mengubahsuaikan ramalan-ramalan mengikut keadaan tempatan dan mengatasi masalah besar yang terdapat di hadapan kita. Ini boleh digolongkan seperti berikut.

Model atau konsep pertanian berkelompok melalui koperasi akan berguna walaupun setengah ramalan mungkin salah. Misalnya pengeluaran bagi satu hektar mungkin tidak bertambah tetapi pendapatan petani mungkin bertambah oleh sebab pengambilan tanah-tanah baharu. Petani-petani kecil mungkin tidak mendapat tempat untuk mengerjakan sawah mereka, tetapi di setengah kawasan seperti Sabah ramai petani akan mengalukan skim ini kerana banyak daripada mereka akan mempunyai masa yang lebih ke atas lain-lain tanaman, seperti getah, kelapa, buah-buahan dan lain-lain. Apa yang diperlukan ialah pendekatan yang bertolak ansur dan petani adalah bergantung kepada diri mereka untuk menguruskan koperasi mereka dengan cara yang paling baik dan sesuai dengan keadaan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak mengucapkan tahniah kepada Kerajaan atas kejayaan setakat ini yang telah kita capai dalam menguatkan asas perindustrian. Terdapat pengakuan ke atas kepentinganimbangan perkembangan perindustrian antara berbagai-bagai hubungan ekonomi dan di antara kawasan. Kerajaan juga mengakui bahawa untuk menggalakkan usaha yang lebih melalui penswastaan, galakan ekonomi hendaklah dirumus. Dalam hubungan ini, galakan khas akan diadakan kepada peniaga-peniaga kecil. Elaun khas ini yang diberi kepada peniaga-peniaga kecil adalah penting, dalam konteks Dasar Ekonomi Baru

dan saya suka hendak memberikan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana pengakuan ini.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Yang Berhormat, masa sudah cukup. Sila duduk.

Tuan Newman Gaban: Terima kasih.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Ahli Yang Berhormat dari Saratok.

5.10 ptg.

Tuan Edmund Langgu Anak Saga (Saratok): Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan untuk berucap sedikit tentang dua tiga perkara sahaja dalam perbahasan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Yang Keempat ini.

Terlebih dahulu saya memberi pujian atas kebijaksanaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang telah mengambil sikap dengan bersusah payah untuk mengadakan berbagai-bagai cara untuk mengatasi masalah-masalah yang kita tidak dapat selesaikan di masa-masa yang lalu semenjak Malaysia ditubuhkan. Satu daripada masalah-masalah itu ialah pembasmian kemiskinan. Kemiskinan itulah yang menghairankan semua rakyat dalam negara ini sebab ini boleh dianggap sama kedahsyatannya dengan komunism.

Dalam ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang kita bahaskan sekarang, kita lihat beberapa strategi baru telah diadakan untuk mengatasi segala masalah yang kita tidak dapat atasi dalam masa yang lalu walaupun negara kita telah mencapai kemerdekaan hampir 30 tahun. Jikalau kita lihat dari segi perbezaan kehidupan rakyat di bandar dan di luar bandar, di pendakatan jalanraya dan di kawasan yang terpencil

sekali seperti di hulu sungai di Sarawak, di mana rakyat yang cuma dapat menggunakan perahu dan ada yang lebih teruk lagi, di mana rakyat cuma dapat menggunakan bahu mereka sendiri untuk memikul barang-barang keperluan seperti barang-barang makanan, baja, perkakas-perkakas perkebunan, perkakas-perkakas perumahan dan lain-lain. Di tempat-tempat yang terpencil seperti itu, ada juga di Semenanjung, tetapi yang terbanyak sekali ialah di Sabah dan Sarawak, termasuk kawasan pilihanraya Parlimen saya sendiri, Saratok dan kawasan pilihanraya Dewan Undangan Negeri saya, Krian. Di tempat-tempat seperti itulah kita akan melihat dengan terang, kegagalan perancangan-perancangan kita sehingga menimbulkan jurang perbezaan di antara kalangan rakyat yang kaya dengan yang miskin.

Di sini jika kita tinjau dengan teliti "the gap" di antara rakyat yang kaya dengan yang miskin, nampaklah semakin hari semakin bertambah besar. Di negeri Sarawak ada setengah-setengah rakyat yang mendiami kawasan seperti itu, kawasan yang terpencil seperti yang saya sebut tadi selalu merasai bukan sahaja mengalami kesukaran atas pengangkutan tetapi mereka sering merasai kekurangan beras untuk keperluan mereka sendiri kerana mereka tidak dapat menanam padi cukup untuk makanan mereka sendiri, mereka juga tidak ada cara lain mendapat wang untuk membeli beras dari pasaran yang berdekatan. Dengan demikian timbullah berbagai-bagai masalah seperti penghijrahan pemuda-pemudi kita ke bandar-bandar yang ada memberi peluang pekerjaan.

Di sini timbul lagi suatu masalah iaitu tempat tinggal, soal perumahan. Jikalau kita lihat di mana-mana bandar di Sarawak, kita kasihan melihat atau memerhatikan beribu-ribu pemuda-pemudi kita terpaksa tinggal di rumah-rumah setinggan yang sudah tentu

merendahkan imej negara kita, imej kedudukan politik kita, imej ekonomi kita dan imej semangat kita. Dari ini timbullah soal sosial seperti dadah, pelacuran, juvenile delinquency, dengan izin, dan kehilangan tenaga manusia. Ini bukan sahaja akan merugikan pemuda-pemudi kita dan keluarga mereka yang berkenaan sahaja tetapi akan merugikan negara keseluruhannya.

Dengan mengambil kira semua kejayaan dan kegagalan semua rancangan dan strategi yang Malaysia telah cuba dan buat, saya rasa "a very deep and serious study", dengan izin, mesti diadakan untuk mengadakan laporan dan rekomendasi yang tertentu atas apa yang perlu dibuat untuk rakyat yang tinggal di tempat yang terpencil, lebih-lebih lagi di Sarawak, negeri yang terbesar sekali yang mana taraf kehidupan mereka adalah terendah sekali jika dibandingkan dengan saudara-saudari mereka di tempat-tempat lain atau di negeri lain.

Dengan keadaan begitu, saya mengambil kesempatan di sini untuk merayu kepada Kerajaan Pusat supaya dapat mengadakan perhubungan lebih rapat lagi di antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri Sarawak dan juga mengadakan banyak lagi lawatan ke negeri ini oleh Menteri-menteri dan Ketua-ketua Jabatan tanpa mengira apa kesulitan kerana kesulitan itu adalah kesulitan kita semua seperti kata pepatah Melayu: "Hutan luas sama dijalani, lautan dalam sama direnangi". Itulah erti kemerdekaan kepada kita, bukan kesulitan yang berpunca dari suatu keturunan akan menyusahkan keturunan itu sahaja atau negeri yang didiami oleh mereka sahaja, tetapi kesulitan atau masalah suatu keturunan atau kaum di mana-mana tempat dalam Malaysia mesti dianggap seperti kesulitan atau masalah Malaysia kerana Malaysia suatu dari negara di dunia yang mempunyai rakyat dari berbagai kaum. Dari berbagai kaum itu kita ada berbagai adat resam dan tradisi yang

kita patut fahami untuk mencari jalan membuat segala strategi untuk meninggikan taraf kehidupan rakyat yang masih tinggal di bawah paras kemiskinan, lebih-lebih lagi kaum Dayak di negeri Sarawak. Jikalau kita tidak mengambil langkah untuk memperkecilkan jurang yang besar dan dalam di antara kalangan rakyat kaya dengan yang miskin di negara ini, kita di Malaysia akan menempuh keadaan yang teruk dari segi keselamatan kerana musuh kita yang masih bertungku lumus, bertumpah darah mencari jalan mengancam dan menjejaskan keselamatan negara kita dan proses demokrasi yang kita semua cintai boleh mencapai matlamat mereka melalui sokongan dari rakyat yang miskin atau yang hidup dengan tidak sempurna. Lebih dari itu jikalau kita tidak berjaga-jaga dengan sikap yang berkesan untuk mengatasi kemerosotan rural economy kita, penyakit sosial kita akan menjadi berkembang dan naik ke paras yang tidak dapat diatasi lagi.

Sebelum kita merasai keruntuhan general ekonomi kita di negara ini seperti yang terjadi di semua tempat di negara-negara jiran, Kerajaan patut jangan membiarkan kemiskinan di luar bandar (rural poverty) makin tahun makin berkembang. Jikalau kita tinjau dengan teliti semenjak kita mencapai kemerdekaan, strategi-strategi rancangan-rancangan untuk pembangunan luar bandar tidak jauh perbezaannya dan dengan demikian tidak banyak rancangan yang kita telah buat cukup berkesan dan memberi manfaat kepada rakyat yang miskin di luar bandar kerana ini taraf kehidupan rakyat di luar bandar lebih-lebih lagi kaum Dayak makin lama makin menurun.

Saya tahu kesulitan-kesulitan yang kita hadapi dalam melancarkan rancangan-rancangan di sesebuah negeri iaitu mendapat persetujuan antara Kerajaan Pusat dan Negeri, koordinasi

antara jabatan-jabatan, kesulitan wang, krisis politik, pertukaran Menteri-menteri Besar, Perdana Menteri dan kedudukan ekonomi negara. Dalam semua kesulitan seperti ini ada setengah-setengah kakitangan Kerajaan cuba mengambil kesempatan untuk melambat-lambatkan implemantasi setengah-setengah rancangan Kerajaan. Ada setengahnya kerana fikiran politik, ada pula kerana kemalasan. Ini saya rasa bila kita hendak mengamalkan "Look East Policy" atau Dasar Pandang ke Timur, Kerajaan Bersih dan Cepak yang kita sokong sekarang mesti bersikap dengan cekap atas segala langkah untuk mempercepatkan pembangunan kita tanpa mengira apa kesulitan seperti yang telah terjadi dalam beberapa tahun yang lepas.

(Tuan Shamsuri bin Md. Saleh *mempergunakan Mesyuarat*).

Dengan ini saya merayu Kerajaan Pusat supaya dapat mengembangkan rancangan seperti FELDA ke negeri Sarawak supaya kita dapat membuka tanah yang boleh digunakan untuk perkembangan ekonomi kita dan juga untuk memberi peluang pekerjaan kepada rakyat di negeri ini yang mana "jobless queue"nya terpanjang sekali.

Setelah mengira betapa besar perkembangan kemajuan luar bandar, dengan betapa beratnya tanggungjawab yang akan dipikul dalam masa yang akan datang, saya hendak mencadangkan supaya seorang Menteri di bawah Jabatan Perdana Menteri patut ditugaskan semata-mata untuk menjaga kemajuan luar bandar supaya beliau tidak ditimpa dengan tanggungjawab-tanggungjawab lain dan dapat bekerja dengan sepenuhnya, menjaga perkara yang tersebut dan selalu mengambil tindakan dengan penuh harapan tanpa tanggungan atau kesulitan wang dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, ucapan saya di sini juga tertumpu kepada tajuk berikut. Pertama, mengenai nasib Institusi

Teknologi MARA Cawangan Sarawak dan keperluannya, untuk mendapatkan satu kampus cawangan, yang sesuai dan sempurna. Kepada kami yang menetap di Sarawak, masa depan ITM, terutama rancangan perkembangannya adalah satu perkara utama, kerana ITM menawarkan pendedahan dan latihan tempatan yang wajar bagi orang-orang kita di sana.

Pada masa ini, ITM bertempat di tapak tumpangan di Batu Lintang, Kuching. Ianya telah berkeadaan begini selama 11 tahun dan sekarang terlalu sesak dan tidak dapat berkembang lagi. Seheinggakan di masa ini kelas-kelas terpaksa diadakan di luar kampus. Jelasnya, ITM Sarawak rata-rata dan sangat-sangat memerlukan tapak baru. Masalah pokok bagi ITM Sarawak ini ialah walaupun pada dasarnya dari segi gagasan dan prinsip satu cawangan kampus telah disetujui, tetapi tidak ada ketetapan yang muktamad mengenai bila atau masanya untuk mendirikan kampus ini. Pada tahun 1981, rancangan berkenaan kampus baru ini telah ditangguhkan entah untuk berapa lama. Sekarang telah ada ura-ura untuk membina satu kampus tetapi belum ada apa-apa yang konkrit lagi. Keadaan begini amatlah menyedihkan kerana penangguhan yang berterusan akan merugikan pelajar-pelajar dan juga bakal pelajar-pelajar bumiputera kita.

Sebagaimana yang kita sedia maklum, Sarawak mempunyai kiraan penduduk yang kecil. Ianya mempunyai bilangan penduduk yang masih muda, bermakna bahawa masanya adalah tepat bagi Kerajaan membimbing dan menggunakan institusi yang kukuh seperti ITM itu tanpa apa-apa tindakan untuk mengembangkan institusi yang berkelibar dan layak seperti ITM di negeri Sarawak, sekumpulan demi sekumpulan pelajar-pelajar lebih-lebih lagi pelajar-pelajar yang betul-betul berminat, untuk mengikuti kursus-kursus di ITM, tidak dapat menyambung pelajaran mereka, kerana

kekurangan tempat di kampus sementara ITM Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, keistimewaan aktiviti-aktiviti ITM adalah lebih-lebih lagi terkemuka apabila kita membuat kajian penduduk bumiputera Sarawak. Sepertimana yang termaklum, ianya terbahagi kepada Melayu, Iban, Kayan, Bidayuh dan lain-lain lagi. Kumpulan-kumpulan ini dan juga Kerajaan serta pihak swasta telah sedar akan popularnya ITM Cawangan Sarawak sebagai tempat latihan yang berkebolehan. Penilaian ini dengan sendirinya menunjukkan keperluan menambahkan lagi ruang dan kawasannya. Pendek kata, ITM adalah dianggap sebagai penyambung yang praktik kepada pelajaran, tempat yang paling munasabah untuk latihan dan pengajian tinggi. Maka dengan demikian, Kerajaan adalah didesak untuk mencari jalan agar ITM Cawangan Sarawak menjadi sebuah kampus cawangan yang lengkap dan sempurna. Kampus yang ada sekarang ini hanya dapat melayan lebih kurang 500 pelajar sahaja. Tiap-tiap tahun lebih kurang 2,000 permohonan diterima untuk tempat yang tersedia bagi pengambilan baru. Daripada angka ini, hanya 10% sahaja yang dapat diterima. Kebanyakan daripada mereka yang tidak dapat diterima terus terbiar tanpa latihan dalam apa-apa bidang sekalipun.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Satu minit lagi Yang Berhormat.

Tuan Edmund Langgu anak Saga: Okay, Tuan Yang di-Pertua, untuk negeri yang masih baru membangun seperti negeri Sarawak, kita sangat-sangatlah memerlukan apa sahaja latihan tenaga manusia yang dapat kita peroleh. Inilah sebabnya mengapa ITM Cawangan Sarawak perlu diperkembangkan lagi sekurang-kurangnya ada dua masalah yang mesti diselesaikan sebelum perkembangan boleh dijalankan. Pertama, soal kedudukan tempat.

Saya difahamkan bahawa Kerajaan Sarawak telah memperuntukkan satu tapak tetap bagi kampus ini di kawasan Pantai Bako. Sebagai tambahan, ada juga tapak sementara di Semeriang, berdekatan dengan Kuching. Maknanya, berkenaan dengan tempat, tidak ada masalah atau halangan. Satu lagi masalah yang lebih pokok ialah peruntukan kewangan.....

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Masa sudah cukup. Minta maaf. Jemput Yang Berhormat dari Ulu Nerus.

5.26 ptg.

Tuan Mamat Ghazali bin Abdul Rahman (Ulu Nerus): Tuan Yang di-Pertua, dalam membahas dan menyokong usul meluluskan Laporan Kajian Semula RME ini suka saya menyentuh beberapa perkara pokok. Pada pandangan saya tidak syak lagi bahawa Kerajaan telah berjaya mencapai kejayaan-kejayaan besar dalam pelaksanaan program-program dan matlamat-matlamat asal RME dan DEB dalam tempoh tiga tahun yang lalu.

Pencapaian perbelanjaan pembangunan sektor awam sebanyak \$40.4 billion atau 94.4% daripada peruntukan asal RME dalam tempoh 1981-83 membuktikan keupayaan pelaksanaan sektor awam yang berkesan dan meyakinkan. Dengan hal yang demikian itu tambahan peruntukan sebanyak \$15.84 billion lagi menjadikan peruntukan pembangunan RME yang dipinda sebanyak \$59.6 billion adalah justifiable dan saya pasti akan dapat dijayakan. Tambahan peruntukan bagi program RME ini adalah bersesuaian dengan prinsip bahawa pembangunan adalah satu proses yang berterusan yang memakan belanja, masa dan tenaga dan membuktikan juga bahawa sekiranya keupayaan, kewangan dan jentera pelaksanaan dapat ditingkatkan, pembangunan akan turut dapat ditingkatkan.

Dengan hal yang demikian itu hasrat dan matlamat Kerajaan hendak mempertingkatkan kecekapan dan produktiviti jentera Kerajaan serta mencapai pertumbuhan ekonomi negara yang lebih pesat dapatlah dipandang sebagai satu matlamat untuk mempertingkatkan lagi pembangunan negara itu sendiri dan ini adalah kritikal. Persoalan-persoalan yang patut difikirkan oleh seluruh jentera awam dengan itu ialah sama ada kita sebenarnya telah mengoptimalkan dan memaksimakan keupayaan yang ada pada kita bagi mengendali dan mencapai matlamat-matlamat negara dan bagaimanakah kita akan dapat mencapai, mengerak jentera awam ke paras yang optima sekurang-kurangnya.

Di dalam penggunaan punca-punca (resources), kita berdepan dengan persoalan penggunaannya yang berkesan yang mendatangkan hasil semaksima mungkin dan penyampaian (accessibility) kepada pelbagai kumpulan sasaran yang terdiri daripada rakyat jelata. Saya berpendapat kedua-dua aspek ini akan dapat diterima sebagai cabaran oleh jentera-jentera awam di masa-masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita perlukan ialah satu jentera awam yang lebih cekap dan bertanggungjawab. Kita mungkin menghadapi beberapa shortfalls di dalam pelaksanaan program-program dan matlamat-matlamat kita. Setengah-setengah perbelanjaan kita mungkin kurang berkesan dan mendatangkan hasil-hasil maksima, beberapa pembaziran perbelanjaan mungkin berlaku di dalam projek-projek gagal dan projek-projek yang tidak mencapai maksud dan tidak dapat dinikmati oleh rakyat, projek-projek yang bercanggah dan kontra DEB dan lain-lain, tetapi kita janganlah cuba memberikan alasan-alasan atau memberi sebab-sebab yang berbentuk "hindsight" untuk menutup kelemahan-kelemahan kita.

Kita juga tidak mahu kepada pembentukan jentera-jentera dan agensi-agensi Kerajaan yang ditubuhkan sebagai jentera pelaksana dasar-dasar Kerajaan yang sebenarnya tidak atau kurang mementing, mengutamakan atau menitikberatkan aspek-aspek atau matlamat-matlamat dan objektif-objektif Kerajaan seperti Dasar Ekonomi Baru di dalam perancangan belanjawan dan operasi-operasi mereka.

Kita patutlah menghindari dari timbulnya lagi soalan dan persoalan-persoalan begini: misalnya; apakah yang lebih diutamakan oleh agensi, dalam merangka rancangan-rancangan mereka. Kepentingan rakyat atau kepentingan organisasi mereka sendiri? Apakah yang dibina oleh mereka, corporate mereka sendiri atau masyarakat dan rakyat? Kita patutlah menghapuskan paradox bahawa agensi-agensi ini yang ditubuhkan untuk mencapai DEB misalnya, adalah lebih cenderung untuk memilih dan mengutamakan viability ekonomi projek-projek mereka daripada viability DEB.

Kita sebenarnya tidak hendak menghasilkan corporate Kerajaan yang jutawan dan hartawan tetapi rakyat yang lebih berjaga, oleh kerana matlamat dan yang hendak kita pertingkatkan ialah manusia dan bukan badan-badan atau institusi-institusi. Yang kita mahukan ialah kejayaan dan kebahagiaan manusia. Apakah erti kekayaan yang tidak dimiliki dan memberikan kebahagiaan secara langsung kepada manusia.

Tuan Yang di-Pertua, di samping mengalu-alukan kejayaan-kejayaan kita di dalam Rancangan Malaysia Keempat saya meraka agak bimbang terhadap peningkatan kadar kemiskinan di negara ini dan prestasi kita yang agak kurang baik di dalam program perumahan terutama program rumah kos rendah dan khusus pula program rumah kos rendah oleh sektor swasta.

Saya walau bagaimanapun tidaklah bersetuju bahawa peningkatan kadar kemiskinan di negara ini sebanyak lebih kurang 3% dalam tempoh 3 tahun ini sebagai kegagalan Kerajaan mencapai DEB sebagaimana mengikut sudut pandangan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka semalam.

Sebagaimana yang telah saya katakan pembangunan ialah satu proses yang berterusan yang memerlukan masa dan perbelanjaan dan tenaga. Kenaikan kadar kemiskinan sebanyak lebih kurang 3% dalam tempoh kebelakangan diharapkan adalah satu fenomena sementara yang terjejas kerana keadaan ekonomi negara yang terjejas dan di jejaskan oleh keadaan-keadaan dan faktor-faktor luaran.

Pencapaian matlamat jangka panjang tidak boleh diukur daripada prestasi satu tempoh masa pendek dua tiga tahun yang lepas oleh kerana kejayaan atau kegagalan kita hanya boleh diukur di akhir tempoh masa yang dimatlamatkan. Pada akhir tempoh masa yang dimatlamatkan prestasi akhir kita adalah kedudukan secara terkumpul atau, dengan izin, (accumulated) seluruh tempoh masa itu. Oleh itu adalah terlalu awal dan tidak tepat menganggap matlamat membasmi kemiskinan negara telah gagal semata-mata berdasarkan kedudukan dua tiga tahun yang lepas.

Saya menyakini bahawa kita mempunyai seluruh potensi dan keupayaan serta kekayaan untuk mencapai pembasmian kemiskinan di negara ini sebagaimana yang dimatlamatkan pada akhir tempoh Rancangan Malaysia Keempat nanti.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat untuk benar-benar memastikan pencapaian matlamat ini strategi-strategi pendekatan, program-program dan perancangan-perancangan belanjawan

yang baru yang memberikan penekanan kepada matlamat ini perlulah dijaga dan dikawal sungguh-sungguh dan dipertingkatkan. Bagi tujuan ini saya mencadangkan supaya peruntukan-peruntukan di bawah belanjawan akan datang hendaklah lebih berorientasikan mencapai matlamat ini supaya nisbah peruntukan untuk mencapai matlamat membasmi kemiskinan ditingkatkan lagi.

Program-program dan projek-projek yang dikemukakan untuk mendapat peruntukan di bawah belanjawan-belanjawan tahunan hendaklah mempunyai matlamat dan kesan pembasmian kemiskinan dan pencapaian Dasar Ekonomi Baru yang tinggi dan perlulah diberikan keutamaan yang tinggi pula.

Projek-projek agensi yang berobjektif komersial patutlah mendapat pinjaman daripada punca-punca komersial dan tidak bertanding dengan hebatnya dengan projek-projek sosio-ekonomi bagi mendapatkan punca-punca kewangan Kerajaan yang terhad. Saya adalah mencadangkan dasar ini sebagai dasar sampingan kepada dasar penswastaaan Kerajaan yang begitu baik sekarang.

Di samping itu jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan patut juga mengutamakan orientasi penempatan projek-projek dan kegiatan mereka dengan lebih besar-besaran di kawasan-kawasan luar bandar dan kawasan-kawasan miskin sebagai usaha membantu membasmi kemiskinan di negara ini.

Agensi-agensi Kerajaan sepatutnya memainkan peranan sebagai pelopor kepada kemajuan-kemajuan ekonomi kawasan-kawasan mundur di negara ini dan janganlah bersikap seperti swasta di dalam perkara ini.

Saya tidaklah menganjurkan supaya agensi-agensi Kerajaan mengorbankan

kepentingan-kepentingan untuk mengukuh dan memperkembangkan diri mereka kerana kita bukannya mahu mereka mengorbankan viability projek semata-mata untuk memainkan sosio-ekonomi tetapi apa yang saya anjurkan ialah supaya mereka bijak-bijaklah menimbangkan kedua-dua pertimbangan ini. Tetapi jangan terlalu mengutamakan pertimbangan viability sehingga melupakan atau kurang mementingkan pertimbangan-pertimbangan sosio-ekonomi. Ini adalah sesuai dengan arah baru yang hendak diberikan oleh Kerajaan di dalam usaha-usaha pembangunan luar bandar sebagaimana yang digariskan di dalam Laporan Kajian Semula Rancangan Malaysia Keempat.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan program perumahan terutamanya perumahan awam dan perumahan kos rendah, saya tidaklah dapat meyakini, dukacitanya, bahawa matlamat program ini akan dapat dicapai.

Ini adalah jelas di mana daripada jumlah 923,000 unit rumah-rumah berbagai kategori yang telah dimatlamatkan hanya 199,000 unit sahaja yang telah dapat disiapkan dan 79,000 unit lagi dalam proses pembinaan. Bagi program perumahan awam hanya 91,000 unit atau 23% sahaja daripada jumlah 398,000 unit yang dimatlamatkan yang telah disiapkan. Bagi program rumah awam kos rendah pula hanya 37,000 unit dapat disiapkan daripada 176,000 unit yang dimatlamatkan. Sementara pencapaian matlamat rumah kos rendah swasta pula hanya 11,000 unit daripada matlamat 90,000 unit yang disiapkan.

Angka-angka yang ditunjukkan ini tentulah membimbangkan kita dan kita sebenarnya bertanya di manakah sebenarnya terletak punca-punca masalah ini. Adakah ini masalah perancangan di mana matlamat yang ditetapkan adalah terlalu optimis

ataupun kurang keupayaan jentera perumahan awam dan swasta ataupun sebenarnya kurang minat sektor swasta di dalam hal perumahan kos rendah swasta?

Melihat dan mengkaji prestasi-prestasi kita di masa yang lalu di mana kita telah mengalami shortfall yang besar juga di dalam Rancangan Malaysia Ketiga tetapi kita masih meningkatkan matlamat dalam Rancangan Malaysia Keempat yang agak tinggi, saya berpendapat haruslah matlamat perumahan dalam Rancangan Malaysia Keempat itu sendiri adalah agak tinggi, lebih tinggi daripada keupayaan yang mungkin dijangkakan.

Di sini patut sangatlah dibezakan di antara keperluan, the need, dengan izin, dengan keupayaan oleh kerana yang akan menjadi matlamat ialah perimbangan di antara keperluan dan keupayaan untuk menjayakannya.

Dengan hal yang demikian itu Kementerian-kementerian dan agensi-agensi Kerajaan patutlah meneliti benar-benar program-program dan matlamat-matlamat mereka supaya matlamat-matlamat yang ditetapkan adalah benar-benar realistik dan tidak terlalu tinggi.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, di dalam hal shortfall dalam program perumahan awam ini saya berpendapat prestasi yang lebih baik mungkin dicapai sekiranya kita menggunakan strategi yang lebih berkesan dan mungkin lebih conducive.

Saya berpendapat untuk meningkatkan lagi prestasi program perumahan awam di negara ini ialah melalui pembentukan Bank Tanah dan commitment tanah secara lebih besar-besaran untuk projek-projek perumahan. Projek-projek perumahan juga perlu dirancang secara besar-besaran dan tidak lagi secara kecil-kecilan, secara *ad-hoc* dan bertaburan sebagaimana terdapat keadaannya sekarang.

Dengan cara ini saya yakin kita akan lebih baik mengoptimalkan penggunaan tenaga, masa dan belanja untuk merancang dan melaksanakan projek-projek perumahan ini di samping memastikan lebih banyak lagi perumahan-perumahan awam akan dapat dilaksanakan. Pencapaian yang rendah program rumah awam kos rendah swasta, pada pandangan saya adalah gambaran terhadap sambutan sektor tersebut terhadap program ini. Sambutan yang tidak menggalakkan ini pula pada pandangan saya menggambarkan kurang untung dan kurang lucrativanya pelaburan swasta dalam bidang ini, oleh kerana sebagai sektor swasta matlamat mereka adalah untuk menjamin pulangan atas modal yang memuaskan di atas pelaburan mereka. Pulangan atas pelaburan ini hendaklah commensurate, dengan izin, dengan risiko-risiko yang dihadapi oleh mereka. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat Kerajaan patutlah mengkaji semula pendekatan dan dasar-dasar kita tentang perumahan kos rendah sektor swasta ini.

Saya mengesyorkan supaya Kerajaan mewujudkan suatu skim galakan yang conducive untuk menggalakkan penyer-taan sektor swasta dalam program rumah kos rendah ini suatu skim galakan pelaburan dalam rumah kos rendah bagi swasta sebagaimana yang digunakan mengikut prinsip bagi galakan pelaburan dalam industri patut ditimbang, yang bertujuan di antara lain memberikan potongan-potongan cukai dan galakan-galakan fiscal.

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Yang Berhormat dari Matang.

5.42 ptg.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid (Matang):
Bismillahir-rahmannir-rahim.

Saya berterima kasih di atas kesudian, Tuan Yang di-Pertua, memberi peluang kepada saya untuk berucap dan membahaskan mengenai Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada hari Khamis yang lalu bersamaan 29-3-84.

Saya mengucapkan syabas dan berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang begitu berani, gigih dan tegas untuk membentangkan Usul mengenai Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan ekonomi negara dan dunia yang baru pulih dari demam kemelesetan ini, kita sedar dan harus sedar bahawa banyak daripada projek-projek pembangunan yang telah diusahakan oleh pemerintah terpaksa diperlahankan dan ada setengah-setengahnya terpaksa ditangguhkan. Ini demi kebaikan dan keutuhan Kerajaan dan rakyat di negara ini. Walau bagaimanapun, saya berharap dan menyeru kepada pemerintah di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya projek-projek di luar-luar bandar dapat dikekalkan, dan diteruskan seperti jalan-jalan raya di luar-luar bandar, paip air dan juga electricity yang mana masih terlalu banyak sekali rakyat di luar bandar yang telah dan akan memberi sokongan kepada Kerajaan berhubung dengan masalah dasar-dasar yang telah dan akan dipraktikkan oleh Kerajaan Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat di luar bandar ini, terutamanya rakyat bumiputera, merekalah yang benar-benar memberi sokongan dan juga merekalah yang mendokong Kerajaan sejak dari mula-mula negara kita mencapai kemerdekaan sehingga ke hari ini dan hari-hari yang akan datang. Jadi

mengapakah pula harus kita mengkaji berhubung dengan masalah-masalah pembangunan kepada mereka ini, mengenai ekonomi dan pendapatan penduduk-penduduk di luar bandar sehingga ke hari ini masih lagi di tahap yang tidak memuaskan. Saya berkata demikian oleh kerana kebanyakan penduduk-penduduk di luar bandar yakni 90% daripada penduduk-penduduk luar bandar adalah terdiri daripada kaum tani, mereka ini mengharapkan punca pendapatan mereka daripada hasil pertanian seperti getah, padi, pisang dan lain-lain lagi, yang mana tanah-tanah mereka itu pula adalah hasil daripada kepunyaan datuk nenek mereka yang turun-ternurun dan dari harta pesaka datuk nenek mereka ini akan pupus apabila dibahagi-bahagikan kepada anak cucu yang begitu ramai. Apakah akan terjadi kepada anak cucu atau generasi yang akan datang apabila tanah-tanah harta pesaka ini dibahagi-bahagikan kelak.

Di sini, Tuan Yang di-Pertua, selain daripada Kerajaan mengadakan Dasar Pertanian Negara, saya ingin mencadangkan agar Kerajaan membuat satu kajian secara meneliti dan menyeluruh sama ada sesuai atau tidak supaya kita adakan pula satu dasar iaitu dasar Refomasi Tanah Negara. Tujuan saya berkata refomasi ini kita utamakan kepada penduduk-penduduk di luar bandar sahaja, tetapi apabila saya sebut refomasi ini nanti akan timbul istilah mengatakan bahawa kita membawa fahaman sosialis, tetapi sebenarnya tidak. Apa yang kita kaji, apa yang kita lihat, apa yang pihak Kerajaan buat, kita jangan berfikirkan masalah sesuatu, misal kita hendak buat refomasi ini, kita kata komunisme ataupun sosialisme, tetapi sebaliknya ada setengah-setengah itu cara-cara boleh diterima oleh Kerajaan. Jadi saya cadangkan supaya diadakan dasar-dasar ini bertujuan supaya semua lapisan rakyat, terutamanya orang-orang bumiputera diberi sebidang tanah untuk

tujuan pertanian atau tanah untuk tapak rumah terutamanya kepada penduduk-penduduk di luar bandar dan di segi pemberian tanah ini pula hendaklah diberi dengan bersyarat. Apabila diberi tanah-tanah kepada mereka yang benar-benar perlu hendaklah diusahakan dengan syarat-syarat tertentu, yang disediakan oleh pemerintah supaya tanah-tanah yang diberikan nanti tidak diselewengkan atau ditukarmilik kepada orang lain. Juga di segi pemberian tanah ini hendaklah dihadkan keluasannya di antara 5 ke 10 ekar sahaja dan diselaraskan di seluruh negeri-negeri dalam negara ini. Memandangkan tanah adalah di bawah pentadbiran Kerajaan-kerajaan Negeri dan dengan kerjasama di bawah Kanun Tanah Negara ini sebagai penasihat kepada Kerajaan-kerajaan Negeri berhubung dengan masalah Dasar Refomasi Tanah tadi.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung kepada Dasar Pertanian Negara, saya mengharapkan dan menyeru kepada Kerajaan agar kaum tani terutamanya petani-petani bumiputera diberi bimbingan dan tunjuk ajar yang secukupnya agar mereka dapat menjadi petani-petani yang benar-benar boleh mengeluarkan hasil yang lumayan. Misalnya, di segi nelayan mereka hendaklah dilatih dan diberi tunjuk ajar serta diberi bantuan pinjaman untuk membeli alat-alat seperti bot dan pukot yang besar untuk ke laut dalam atau deep sea, dengan izin, seperti sekarang ini Kerajaan menyatakan bahawa Kerajaan akan menolong terutamanya kepada Kementerian Pertanian, menolong nelayan-nelayan bumiputera di segi lesen-lesen pukot tunda dan juga pukot jerut serta kemudahan pinjaman bank, tetapi di segi praktiknya tidak. Saya menyatakan demikian kerana di kawasan saya misalnya iaitu di kawasan Parlimen Matang ramai daripada nelayan-nelayan bumiputera yang memohon lesen-lesen pukot tunda dan pukot jerut, tetapi semuanya ditolak

dengan alasan quota lesen pukut tunda dan jerut ditangguhkan kerana di negeri Perak kononnya lesen-lesen pukut tunda dan jerut melebihi.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, beribu-beribu lesen pukut tunda dan jerut yang ada di Negeri Perak ini adalah kepunyaan orang-orang Tionghua, tak ada kepunyaan orang-orang bumiputera. Jadi di manakah letaknya dasar Kementerian ini yang melaung-laungkan untuk menolong nelayan-nelayan, khasnya nelayan-nelayan bumiputera di Pantai Barat Semenanjung, khasnya di kawasan perairan Parlimen Matang. Saya berharap Kementerian Pertanian dapat memberi kerjasama berhubung dengan masalah nelayan-nelayan bumiputera di tempat saya itu. Bagaimana nelayan-nelayan hendak buat pinjaman bank, seperti Bank Pertanian misalnya jika hendak memohon lesen pun tak dapat. Jadi saya berharap benar-benar Kementerian Pertanian memberi kerjasama yang sewajarnya kepada mereka yang benar-benar perlu bantuan seperti yang saya sarankan tadi.

Juga sebagaimana kita sedia maklum bahawa ramai juga di kalangan nelayan-nelayan di Pantai Barat yang begitu daif, yakni purata pendapatan mereka di antara \$100 ke \$150 sebulan sehingga kebanyakan mereka tidak mampu dan tidak sanggup untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah menengah walaupun Kementerian Pelajaran ada menyediakan buku-buku teks untuk diberi pinjaman, tetapi mereka tidak sanggup kerana keramaian anak dan harga tambang bas sekolah yang meningkat naik yang mana tambang bas sekolah pada satu ketika, misalnya dari Kuala Sepetang, dahulu dipanggil Port Weld, ke Taiping bayaran tambang bulanan pada satu ketika dahulu, iaitu lebih kurang setahun yang sudah \$12 ke \$15, tetapi sekarang sudah naik kepada \$25 ke \$30 sebulan bagi seorang penuntut. Jadi bagaimana nelayan-nelayan akan dapat

menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah menengah. Oleh itu, saya menyeru pihak Kerajaan membuat satu kajian dan penelitian secara menyeluruh berhubung dengan masalah pendapatan nelayan-nelayan dan petani-petani di luar-luar bandar ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik hati dengan rancangan Kerajaan dalam membasmikan kemiskinan di kalangan petani. Memang telah menjadi pengetahuan umum bahawa petanilah golongan yang paling miskin jika dibandingkan dengan lain-lain sektor. Adalah amat dikesali bahawa merekalah yang memberi makan kepada sejumlah besar penduduk tetapi kehidupan mereka daif, telah berabad-abad lamanya keadaan mereka begini. Ini bukanlah kerana takdir dan nasib tanpa sesuatu pembaharuan yang sepatutnya datang dari Kerajaan dan juga dari diri mereka sendiri.

Rancangan persawahan berkelompok atau secara berkoperasi adalah salah satu cubaan dari pihak Kerajaan untuk membantu mereka menaikkan taraf hidup mereka. Namun begitu, kita jangan lupa bahawa untuk menghapuskan kemiskinan di kalangan petani kita perlulah menanamkan sikap yang diajar oleh Al-Quran yang bermaksud: Tuhan tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum itu melainkan kaum itu sendiri mengubah nasibnya. Dalam hubungan ini kita perlu mengkaji masalah yang kita hadapi. Kita takkan boleh memberi bantuan sepanjang masa tanpa sebarang titik peluh dan usaha yang gigih dari mereka. Yang kita boleh adakan cuma kemudahan-kemudahan asas seperti tali air, bantuan racun serangga, baja dan jalan menuju ke kawasan persawahan.

Dalam perkara memberi bantuan tali air, suka saya menyebut beberapa masalah perairan oleh petani. Lazimnya tali air dibina merintang di tengah-tengah kawasan sawah, oleh itu petani-petani yang sawahnya terletak di sebelah

tepi atau di pinggir tidak akan dapat mengairkan sawah mereka kerana biasanya dataran sawah di sebelah tepi adalah lebih tinggi dan air tidak boleh sampai dan sawah tidak dapat ditanam. Satu perkara lagi ialah musim hujan yang tidak tentu. Ini akan mengakibatkan musim menanam yang terpaksa dialihkan sesuai dengan musim hujan. Jika penanaman dibuat di luar musim hujan, padi akan "sambang" ataupun kata orang "kosong sahaja" atau tidak berisi. Oleh itu kajian yang lebih mendalam adalah perlu dibuat untuk membantu petani-petani.

Dalam hubungan ini, Pusat Penyelidikan Padi perlu menggerakkan langkah mengubah haluan penyelidikannya, bukan sahaja kepada memperbaiki mutu padi tetapi mencari jalan agar dapat dikaji jenis yang baru yang boleh mendatangkan hasil yang lebih tanpa memerlukan air yang banyak dan boleh tahan dengan serangan penyakit dan serangga.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Seminit lagi Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Sedikit lagi.

Dalam bidang penyelidikan ini suka saya menyentuh fungsi atau peranan beberapa buah institusi penyelidikan yang mana tujuan asal penubuhannya tidak lagi sejajar, iaitu misalnya Pusat Penyelidikan Getah di Sungai Buluh yang ditubuhkan untuk mengkaji pengeluaran getah, cara menoreh yang betul dan berbagai lagi, tetapi kajian mengenai mempelbagaikan kegunaan getah tidak pernah dibuat. Jika penggunaan getah asli dapat dipelbagaikan selain daripada yang kita ketahui hari ini, saya percaya harga getah akan melambung tinggi dan dengan demikian akan menaikkan taraf hidup penoreh getah. Demikian juga fungsi-fungsi lain, pusat penyelidikan yang patut diubahsuai untuk mencari jalan supaya yang mereka selidiki akan

mendatangkan faedah untuk meninggikan taraf hidup rakyat dan bukan untuk mencari nama atau bermegah-megah dengan hasil penyelidikannya.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada menyebut iaitu 50% daripada keluaran negara adalah daripada eksport. Saya rasa peratusan ini amatlah tinggi, kita terlampau bergantung kepada eksport untuk barangan elektronik. Ini mendatangkan risiko yang besar sekiranya nilai eksport kita jatuh, terutama pada masa ekonomi dunia merosot.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Masa sudah cukup Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Itulah sebabnya kesan kemerosotan ekonomi amat dirasai oleh rakyat Malaysia—sedikit lagi, Tuan Yang di-Pertua, tetapi baik juga rakyat kita memahami keadaan yang sebenar walaupun mereka terpaksa berjimat dan berdikit-dikit, beberapa rancangan pembangunan terpaksa ditangguhkan kerana kekurangan peruntukan.

Lagi satu faktor yang harus difikirkan ialah penangguhan projek pembangunan. Ini akan melibatkan Kerajaan perbelanjaan yang lebih dengan kadar kenaikan kos bahan-bahan utama dan juga nilai tenaga manusia. Oleh itu, saya berharap Kerajaan akan terus melaksanakan projek-projek yang tergendala ini sebaik sahaja keadaan kewangan mengizinkan untuk mengelakkan tambahan belanja pembangunan.

Maka dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, akhir kata saya menyokong ucapan yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berhubung dengan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat pada tanggal 29-3-1984. Sekian, wabillahi taufik, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Ahli Yang Berhormat dari Hilir Padas.

5.57 *ptg.*

Tuan Mohammed Yusof bin Haji Yakob (Hilir Padas): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun berdiri ingin menyertai perbahasan mengenai Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat. Pertamanya saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana telah dapat membentangkan satu strategi tindakan yang dinamik yang akan diambil di dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat ini.

Tuan Yang di-Pertua, izinkanlah saya menyentuh beberapa perkara. Pertamanya mengenai Dasar Ekonomi Baru yang tercatat di muka surat 84, paragraph 102.

Kita semua sedar bahawa sebilangan besar dari penduduk luar bandar adalah masih lagi hidup di bawah paras kemiskinan. Kita juga sedar bahawa Dasar Ekonomi Baru diperturunkan adalah demi membasmiikan kemiskinan ini selain dari menyusun semula masyarakat. Kita juga menyedari bahawasanya tempoh pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru ini berakhir pada tahun 1990, lebih kurang 6 tahun dari sekarang. Masanya sudah tiba sekarang supaya kita mengkaji, menyelidik dan menganalisa dengan seriusnya apakah Dasar Ekonomi Baru ini telah mencapai matlamat ke tahap yang kita harapkan. Kalau tidak, apakah kesilapan dan kegagalan kita dan apakah tindakan balas mengenai perkara ini.

Data dan statistik telah menunjukkan bahawa peratus kadar kemiskinan yang tinggi adalah dialami oleh kaum bumiputera dan mereka yang bermastautin di luar bandar ataupun di desa. Ternyata bahawa kedudukan mereka yang bermastautin di kota-kota dan bandar-bandar adalah lebih cerah dari

mereka di desa. Justeru itu, tidak ada semestinya keraguan ataupun penghalangan dari sesiapa pun atas daya usaha Kerajaan untuk meningkatkan pembangunan di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak bisa lari dari sejarah dan sejarah adalah warisan kita yang tetap tidak boleh diubah. Sejarah tanahair kita telah pun tercatat dan membuktikan bahawa sebelumnya lahir kemerdekaan, ternyata penduduk-penduduk khasnya di luar bandar adalah sengaja tidak diindah ataupun dipedulikan di dalam apa juga kegiatan pembangunan. Perkara ini telah berlanjutan sejak mula datangnya penjajah-penjajah yang dipelopori oleh Alfonso de Albuquerque dan kunci-kuncunya sehinggalah ke zaman pemerintahan orang-orang putih yang menamakan mereka "British".

Tidak payah kita menjadi penuntut sejarah untuk mengenali dan menyedari bahawa niat orang-orang imperialis ini adalah semata-mata untuk mengagayakan diri mereka dan negara mereka sendiri dengan mengorbankan kepentingan rakyat di negara ini.

Sebenarnya rakyat di luar bandar dan desa sudah lama tertinggal tanpa sebarang panduan untuk mengecap dan merasai kehidupan yang lebih sempurna dan sejahtera. Hanya sesudah lahir kemerdekaan barulah mereka yang dirundung malang ini dapat dinikmati sinaran dan cahaya pembangunan. Namun pun demikian hingga ke hari ini terdapat masih lagi ada kemiskinan di kalangan rakyat walaupun ianya jauh berkurangan. Harapan kita ialah supaya kemiskinan akan dibasmiikan sama sekali.

Di dalam hemat saya, Tuan Yang di-Pertua, pembasmian kemiskinan ini bukan sahaja tanggungjawab Kerajaan semata-mata tetapi yang penting ialah semua lapisan masyarakat haruslah terutamanya golongan yang lebih

mampu untuk berganding bahu dengan Kerajaan demi mengatasi masalah ini. Janganlah ada di antara mereka yang berkemampuan ini mempunyai sebarang keraguan atas daya usaha Kerajaan untuk meningkatkan taraf hidup rakyat di luar bandar dengan memperturunkan berbagai-bagai dasar dan juga melaksanakan berbagai-bagai pembangunan di luar bandar. Dalam pendapat saya Dasar Ekonomi Baru adalah satu dasar yang membela keadilan demi kepentingan semua golongan masyarakat di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, tidak ada manusia dalam dunia ini yang ingin hidup susah, yang ingin hidup ibarat pepatah kais pagi makan pagi dan kais petang makan petang. Saya menyedari bahawa ada juga kesusahan dan penderitaan itu ditempah ataupun adalah akibat dari sikap mereka yang tidak mahu bersusah payah ataupun tidak mahu berusaha gigih tetapi kita juga harus menyedari bahawa ada juga mereka yang berusaha tetapi oleh kerana keadaan sekeliling maka mereka tidak berkeupayaan untuk mengubah nasib dan hidup mereka dari dilanda derita. Di dalam keadaan serupa inilah saya merayu Kerajaan supaya terus melipatgandakan pembangunan di luar bandar demi memastikan bahawa kenikmatan yang diperolehi oleh negara ini dirasakan oleh mereka yang kurang bernasib baik ini. Saya juga merayu Kerajaan supaya Dasar Ekonomi Baru ini dilaksanakan terus selepas tahun 1990 sehingga ianya mencapai matlamat yang dikehendaki.

Tuan Yang di-Pertua, tidak siapa dapat menafikan bahawa bank-bank perniagaan adalah memainkan peranan penting ke arah mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru. Kejayaan seseorang peniaga bumiputera sedikit sebanyak bergantung kepada kemudahan-kemudahan kewangan yang disediakan oleh bank-bank yang ada di negara ini. Di dalam hubungan ini, saya merayu kepada semua bank-bank

perniagaan yang ada ini untuk memberi kemudahan, bantuan kepada kaum Bumiputera yang ingin meminta pinjaman dan bantuan dari bank-bank berkenaan dengan hati yang jujur dan tulus ikhlas. Saya juga merayu supaya Kerajaan mengambil tindakan yang tegas kepada sesiapa sahaja yang cuba menghalang dan tidak mahu bekerjasama untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, di muka surat 34 dan 35, perenggan 89 Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menegaskan bahawa konsep Bersih, Cekap dan Amanah akan menjadi panduan dalam pentadbiran untuk meninggikan tingkat kecekapan dan daya pengeluaran. Apa yang penting ialah slogan atau cogan kata tersebut haruslah dilaksanakan dengan setulus hati oleh semua lapisan masyarakat di negara ini. Kesungguhan Kerajaan untuk melaksanakan konsep ini telah terbukti dan dalam usaha membanteras kegiatan penyelewengan, Kerajaan melalui Biro Pencegah Rasuah telah memberkas beberapa orang kakitangan Kerajaan dan orang-orang politik dan seterusnya dihadapkan ke pengadilan.

Di dalam hubungan ini, saya ingin menarik perhatian di Dewan yang mulia ini bahawa mungkin ada orang salah anggap mengenai kes rasuah yang kian meningkat di Sabah. Perkara ini berlaku bukan oleh kerana banyak penyelewengan yang ada tetapi ialah disebabkan kesungguhan Kerajaan Parti BERJAYA yang sentiasa melaporkan kepada Biro Pencegah Rasuah mengenai sebarang kegiatan penyelewengan yang dilakukan oleh kakitangan Kerajaan mahupun orang-orang politik. Kerajaan Negeri Sabah sentiasa mengawasi segala kegiatan Jabatan-jabatan Kerajaan, badan-badan berkanun dan agensi-agensi Kerajaan demi memastikan supaya kewangan Kerajaan itu, kewangan dari rakyat dibelanjakan dengan sempurna, teratur dan memberi faedah sepenuhnya kepada rakyat.

Pengawasan yang sedemikian rupa adalah untuk menyedarkan kakitangan Kerajaan, orang-orang politik serta rakyat bahawa rasuah adalah musuh rakyat yang paling besar dan merbahaya.

Apa yang mengesalkan, Tuan Yang di-Pertua, ialah walaupun Kerajaan Parti BERJAYA telah bersungguh-sungguh di dalam usahanya membanters kegiatan rasuah ini, masih banyak lagi kes rasuah yang menunggu untuk dibicarakan. Ini adalah disebabkan kekurangan majistret di Sabah untuk mengadakan perbicaraan ini. Oleh hal yang demikian, saya merayu pihak Jabatan Peguam Negara melantik dan seterusnya menghantar banyak lagi majistret ke Sabah untuk berkhidmat di sana supaya backlog, kes-kes rasuah dan juga kes-kes lain dapat diselesaikan dengan seberapa segera demi kepentingan semua pihak yang terlibat.

Penambahan majistret ini sebenarnya telah pun dijanjikan tidak berapa lama dahulu tetapi hingga ke hari ini belum juga tiba. Saya merayu sekali lagi supaya pihak yang berkenaan mengambil tindakan yang tegas atas perkara ini. Barisan Nasional telah pun mendapat kemenangan yang gemilang semasa Pilihanraya Umum Parlimen baru-baru ini dengan tekad untuk mewujudkan satu Kerajaan yang Bersih, Cekap dan Amanah.

Walau bagaimanapun, hasrat yang suci dan murni ini mungkin tidak akan terbukti sepenuhnya jika Kerajaan gagal untuk membenters rasuah. Demi membuktikan kesungguhan Kerajaan di dalam memerangi rasuah, Kerajaan haruslah membicarakan kes-kes rasuah yang ada dengan cepatnya. Ini adalah memandang bahawa jika kes-kes ini terpaksa menunggu berbulan-bulan ataupun bertahun-tahun lamanya, saya khuatiri pandangan rakyat terhadap keutuhan dan kewibawaan sistem kehakiman kita akan terugat. Di dalam

semua kes rasuah termasuk appeal cases, dengan izin, haruslah dibicarakan dengan cepatnya dengan harapan supaya hukuman yang dijatuhkan akan menyedarkan rakyat bahawa perbuatan rasuah adalah satu perbuatan yang sangat hina dan merugikan kepada rakyat dan negara. Jika kelambatan perbicaraan ke atas kes-kes rasuah ini berlarutan, kita terpaksa menerima situasi atau keadaan di mana mereka yang telah didakwa masih berkeliaran tanpa menerima sebarang akibat dari perbuatan penyelewengan yang mereka lakukan. Kita harus mengakui bahawa seseorang itu tidak bersalah sehingga dia didapati bersalah dan dijatuhkan hukuman.

Tuan Yang di-Pertua, memandang bahawa rasuah adalah satu bahaya dan gejala besar yang akan memusnahkan kewibawaan dan keutuhan negara, saya mencadangkan supaya satu hukuman dan penalti yang lebih berat dikenakan kepada mereka yang didapati bersalah. Tambahan daripada ini saya mencadangkan supaya semua yang dihukum menyerahkan kembali semua wang dan apa juga kebendaan yang diperolehi kepada pihak yang benar. Saya mencadangkan sedemikian dengan harapan untuk menyedarkan para pesalah dan rakyat jelata bahawa perbuatan rasuah adalah satu perbuatan yang mesti dicegah dan dihapuskan. Harapan saya ialah semoga konsep Bersih, Cekap dan Amanah ini dapat kita terus kekalkan dan pertahankan.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang saya ingin sentuh ialah mengenai pengangkutan dan perhubungan yang ada tercatat di muka surat 347. Saya sangat bersetuju dengan saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat ini bahawa kemudahan-kemudahan pengangkutan dan perhubungan memainkan peranan penting dalam pembangunan sosioekonomi negara. Kemudahan-kemudahan ini menjadi asas dan

memudahkan proses pembangunan sektor-sektor utama dalam wilayah-wilayah yang kurang maju.

Di dalam hubungan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyuarakan rintihan dari rakyat Sabah terutamanya yang berada di luar bandar yang sangat dahagakan perhubungan yang lebih sempurna dan selesa. Tidak siapa dapat menafikan bahawa perhubungan dan infrastruktur adalah penting di dalam kehidupan kita seharian kerana ianya merupakan nadi penggerak pembangunan. Tanah yang luas terbentang dan hutan belantara yang subur tidak akan dapat diusahakan sepenuhnya tanpa infrastruktur khasnya jalan raya yang menghubungkan kawasan-kawasan yang tersebut dengan bandar-bandar ataupun pekan-pekan yang ada. Oleh yang demikian, saya merayu sekali lagi kerana saya telah pun merayu beberapa kali di Dewan yang mulia ini supaya pihak Kementerian Kerja Raya memperbaiki dan mengaspalkan jalan raya-jalan raya seperti berikut iaitu:

- (1) Jalan raya Beauford/Sepitang
- (2) Jalan raya Selupit/Sandakan
- (3) Jalan raya Sandakan/Lahat Datu
- (4) Jalan raya Lahat Datu/Tawau

Saya tidaklah ingin untuk menceritakan berapa panjang mengenai dengan latar belakang jalan raya-jalan raya yang saya sebutkan tadi, mencukupi apakala saya katakan bahawa di dalam beberapa tahun ini jalan raya-jalan raya tersebut adalah di dalam keadaan yang buruk dan menyedihkan dengan gambaran bahawa si pengguna akan terasa sangat teraniaya dengan keadaannya. Tambahan dari kesengsaraan pengguna-pengguna itu yang paling teruk yang dirasakan ialah oleh kenderaan-kenderaan itu sendiri di mana alat-alatnya sentiasa bertukar ganti yang mana menyebabkan si pengguna terpaksa membaikinya. Kebanyakan daripada mereka ini adalah golongan berpendapatan rendah. Kita

telah saksikan bahawa sebilangan besar penduduk-penduduk luar bandar adalah mengalami kemiskinan dan Kerajaan bertekad untuk membasmi kemiskinan ini.

Di dalam hemat saya, Tuan Yang di-Pertua, pembasmian kemiskinan bukan sahaja berakhir apakala taraf penduduk luar bandar dapat dipertingkatkan dan mengatasi paras kemiskinan tetapi yang tidak kurang pentingnya di dalam hal ini ialah penduduk luar bandar berhak untuk merasai kenikmatan seperti apa yang diperolehi di bandar-bandar. Di dalam konteks ini saya kaitkan mengenai dengan soal jalan raya utama ataupun highway yang saya sebutkan tadi seharusnya setimpal dengan jalan raya-jalan raya yang terdapat di bandar-bandar ataupun di pekan-pekan. Justeru itu saya merayu kepada Kerajaan supaya memberi pertimbangan yang serius ke atas jalan raya-jalan raya terutama di Sabah yang saya sebutkan tadi. Saya juga merayu Kerajaan supaya menambahkan kadar peruntukan kepada negeri Sabah mengenai dengan kerja-kerja pembaikan jalan raya-jalan raya ataupun highway yang di bawah tanggungan Kerajaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) kerana telah bercadang untuk menurunkan kadar tambang penerbangan dari Semenanjung Malaysia ke Sabah dan Sarawak. Ternyata bahawa tindakan yang sedemikian rupa adalah dapat merapatkan lagi perhubungan di antara kedua-dua wilayah dan merupakan satu langkah positif ke arah mencapai integrasi nasional dengan lebih berkesan lagi. Adalah diharapkan semoga banyak lagi rakyat terutama dari daerah luar bandar di Semenanjung akan dapat berkunjung ke Sabah dan Sarawak dengan tujuan supaya apa juga jurang perbezaan yang ada di antara kita semua

akan dapat di atas. Kita harus mengikiskan apa juga semangat kedaerahan yang tersemat di jiwa sanubari kita demi mencapai integrasi nasional yang tulin dan bermakna.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong sepenuhnya segala pandangan yang disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

6.10 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Yang di-Pertua, Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat telah memerhati bahawa semasa 10 tahun yang lalu kemajuan yang telah dibuat dalam menghapuskan kemiskinan dan menyusun semula masyarakat di bawah Dasar Ekonomi Baru telah memuaskan.

Walau bagaimanapun setelah memerhati rekod dan prestasi Kerajaan dalam tempoh 10 tahun saya mesti menyatakan di sini bahawa rancangan serampang dua mata Dasar Ekonomi Baru tidak ditegaskan dengan rata dan saksama. Adalah nyata bagi saya dan rakyat Malaysia yang lain bahawa penegasan yang lebih besar setakat ini yang telah diberi oleh Kerajaan kepada serampang yang kedua Dasar Ekonomi Baru iaitu penyusunan semula masyarakat bagi menghapuskan pengenalan pasti kaum mengikuti fungsi-fungsi ekonomi daripada serampang yang pertama iaitu pembasmian kemiskinan tidak mengira kaum. Adalah pada pandangan saya bahawa serampang yang satu lagi Dasar Ekonomi Baru iaitu pembasmian kemiskinan tanpa mengira kaum tidak ditegaskan dengan secukupnya.

Apa yang telah disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di sini ialah mengenai kemiskinan di luar bandar dan di sini suka saya mengambil peluang untuk berbincang sedikit dari segi pandangan saya terhadap pembasmian ataupun masalah kemiskinan dalam bandar. Mengenai kemiskinan bandar ianya tidak boleh dinafikan bahawa kemiskinan bandar semakin bertambah disebabkan oleh penghijrahan luar bandar ke bandar dan ini merupakan tumpuan di Wilayah Persekutuan dan kawasan sekitar Lembah Kelang.

Apabila memperkatakan penghijrahan luar bandar ke bandar, masalah kemiskinan bandar mestilah dilihat dari perspektif yang sebenar. Ianya tidak boleh dilihat sebagai suatu masalah orang Cina sahaja tetapi juga sebagai masalah pelbagai kaum kerana mereka yang terlibat dalam penghijrahan luar bandar ke bandar itu kebanyakannya orang Melayu.

Pertambahan tetap penduduk Melayu dalam kawasan-kawasan bandar menerusi penghijrahan luar bandar ke bandar diketahui menerusi angka peratusan yang berikut:

Pada tahun 1947 penduduk Melayu dalam kawasan bandar ialah 19%, Cina 63%, India 14.7% dan lain-lain kaum 3.2%.

Pada tahun 1957 penduduk Melayu dalam kawasan bandar bertambah sebanyak 21%, orang Cina jatuh kepada 62.6% dari India pula jatuh kepada 12.8% dengan bakinya dari lain-lain kaum.

Pada tahun 1970 penduduk Melayu di dalam bandar bertambah selanjutnya menjadi 27%, Orang Cina dan India masing-masing jatuh menjadi 58.4% dan 12.7% sahaja. Dengan bakinya dari lain-lain kaum.

Pada tahun 1980 pula penduduk Melayu bertambah selanjutnya menjadi 37.9%, Orang Cina jatuh

menjadi 50.3% dan India jatuh menjadi 11% dengan bakinya dari lain-lain kaum.

Apa juga perbincangan mengenai masalah kemiskinan bandar ianya mestilah meliputi setinggan dan bukan setinggan atau penduduk-penduduk yang mundur.

Sebab berlakunya kemiskinan bandar ialah berpunca dari daya pengeluaran rendah, kerja-kerja berpendapatan rendah, saiz keluarga yang besar, pengangguran dan kurang pelajaran. Kita ambil sahaja sebagai contoh masalah setinggan di Kuala Lumpur yang mewakili lebih kurang suku penduduk Bandaraya. Setinggan Kuala Lumpur adalah mencerminkan susunan masyarakat majmuk di negara ini.

Dalam tahun 1978 pembahagian kaum ialah 52% untuk orang Cina, orang Melayu sebanyak 33% dan orang India dan lain-lain kaum adalah 15%. Dalam tahun 1968 pembahagiannya ialah orang Cina 68%, orang Melayu 21% dan orang India 11%.

Perkembangan masyarakat setinggan Melayu ialah disebabkan oleh kesan pemodenan dan Dasar Ekonomi Baru. Kedua-dua faktor ini telah mencerahkan harapan orang Melayu dan meluaskan peluang-peluang untuk mereka. Penghijrahan orang Melayu ke kawasan Lembah Kelang sepanjang tempoh beberapa tahun kebelakangan ini telah bertambah dengan pesatnya.

Sebilangan besar setinggan yang berada dalam kemiskinan yang ditakrifkan menerusi paras pendapatan isi rumah sebanyak \$400 sebulan menurut laporan bandaraya pada tahun 1981. Ini mengandungi 44% daripada jumlah penduduk setinggan yang mana 64% daripadanya ialah orang Melayu, 59% ialah orang India dan 23% orang Cina.

Adalah wajar untuk diketahui apakah bentuk bantuan diberikan kepada mereka walaupun pihak berkuasa tempatan telah membuat peruntukan untuk mempertingkatkan kawasan-kawasan setinggan ke taraf hidup yang lebih baik yang ada sekarang dari semasa ke semasa. Tetapi saya masih belum nampak satu dasar yang tegas dan satu program yang jelas untuk mengatasi masalah kemiskinan bandar.

Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat tidak menggariskan apa juga program tindakan untuk mengatasi kemiskinan bandar yang tidak sahaja meliputi setinggan tetapi juga bukan setinggan.

Memandangkan kepada perkara di atas saya suka mencadangkan bahawa seharusnya ada satu program kegiatan yang lengkap dan projek-projek untuk mengatasi masalah kemiskinan bandar pada tempoh yang digariskan dikatakan dalam tempoh empat atau lima tahun yang akan datang.

Satu pasukan petugas hendaklah ditubuhkan di Jabatan Perdana Menteri untuk merumuskan dan melaksanakan satu dasar yang lengkap dan terperinci untuk mengatasi kemiskinan bandar dan ke arah objektif ini. Ianya juga menjadi tanggungjawab pasukan ini untuk mendapatkan peruntukan kewangan yang secukupnya bagi melaksanakan berbagai projek yang berhubungan dengan menghapuskan kemiskinan.

Itu adalah menjadi pandangan saya bahawa sebarang bentuk soal untuk membasmi kemiskinan bandar hendaklah mengandungi yang pertama peruntukan perumahan harga rendah yang cukup untuk menempatkan orang-orang miskin dalam bandar pada harga yang mereka mampu sebagai satu cara berkesan mengurangkan masalah setinggan.

Yang kedua latihan semula dan menggrekkan kemahiran buruh orang-orang miskin dalam bandar bagi membantu mereka menyesuaikan diri mereka untuk menceburi tenaga buruh dan mencari pekerjaan.

Yang ketiga mewujudkan perusahaan kecil yang membolehkan orang-orang miskin dalam bandar dari kalangan berbagai bangsa supaya bergerak bersama atas asas pelbagai bangsa yang tulin. Atau sekiranya ini tidak boleh hendaklah secara bebas.

Yang keempat memperuntukkan lebih banyak peluang-peluang menjaja dan peniaga kecil dalam bentuk tapak yang sesuai bagi mereka yang hendak sendiri sebagai penjaja dan peniaga kecil.

Yang kelima membaiki qualiti hidup orang-orang miskin dalam bandar amnya dengan menentukan bahawa keperluan-keperluan asas mereka untuk pelajaran, pakaian dan tempat berteduh mestilah diadakan.

Tuan Yang di-Pertua, semasa membentangkan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berucap perlunya rakyat Malaysia berdikari dan menyertai secara aktif dan sepenuhnya dalam pembangunan dan pembinaan negara. Sektor swasta telah diminta memainkan peranan memimpin untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi menurut konsep penswastaan.

Secara ringkas konsep penswastaan bermakna bahawa Kerajaan akan membenarkan sektor swasta memainkan satu peranan yang mengembangkan sama ada sebahagian atau sepenuhnya dalam soal pemilikan dan pengurusan corporate syarikat awam yang ada sekarang. Dengan galakan penswastaan Kerajaan hendaklah juga dengan lagi mengadakan peraturan dan campur tangan berlebihan dalam sistem pasaran

yang mana di dalamnya syarikat-syarikat swasta berkembang subur serta mengalami perubahan yang innovative dan daya pengeluaran dan keupayaan mendapat keuntungan adalah perkara biasa dalam menubuhkan kejayaan pelaburan.

Saya mensifatkan sebagai sebahagian proses deregulation dengan izin, dalam Bahasa Inggeris. Ini bermakna mengurangkan gangguan dan peranan campur tangan Kerajaan yang bererti membiarkan kuasa-kuasa pasaran menentukan sendiri secara terbaik untuk mengeluarkan, mengguna dan melabur demi kepentingan negara kita sebaiknya.

Saya rasa adalah penting bagi saya menyatakan di sini bahawa penswastaan tidak bermakna mengaut secara besar-besaran syarikat Kerajaan yang ada sekarang untuk menikmati faedahnya orang syarikat-syarikat besar.

Proses penswastaan hendaklah memberi faedah kepada setiap sektor ekonomi dan setiap peringkat kedudukan ekonomi, pembuat komponen kecil, pemborong kecil, pemberi khidmat secara kecil-kecilan, setiap orang dan syarikat mempunyai satu peranan dan bahagian mereka di dalam proses penswastaan.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, kejayaan Rancangan Malaysia Keempat adalah penting bagi kejayaan Malaysia sebagai sebuah negara berbagai kaum. Kejayaan Rancangan Malaysia Keempat akan dihakimkan tidak sahaja oleh apa yang boleh dicapai untuk mewujudkan satu kehidupan yang baik untuk semua rakyat Malaysia, tetapi juga menerusi apa yang boleh disumbangkan untuk mewujudkan satu negara dan rakyat Malaysia yang bersatu padu.

Kayu untuk mengukur kejayaan Rancangan Malaysia Keempat ialah sama ada ianya boleh menggalakkan dan melibatkan tenaga, kebolehan dan

punca-punca semua rakyat Malaysia tidak kira kaum kepada tugas bersama untuk membina negara Malaysia yang bersatupadu, aman, makmur dan saksama. Rancangan Malaysia Keempat adalah juga menjadi satu pelan perpaduan (reconciliation plan) untuk memberi tempat kepada setiap rakyat Malaysia tanpa mengira kaum di bawah sinar matahari di bumi Malaysia sesuai dengan sumbangan mereka kepada negara ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar.

6.12 ptg.

Datuk Edwin anak Tangkun (Batang Lupar): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat (1981-1985) yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad, pada 29hb. Mac, 1984.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Kajian Separuh Penggal ini bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menerangkan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa kajian Kerajaan kita akan mengambil berat atas pembahagian peruntukan kepada satu-satu negeri di seluruh negara di mana satu negeri itu didapati sangat jauh mundur.

Rakyat di negeri Sarawak telah mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan kerana Kerajaan kita sentiasa ingin mengurangkan kemiskinan rakyat, khasnya kepada petani-petani. Memanglah rakyat di seluruh negara menerima baik mengenai corak arahan pembaharuan-pembaharuan yang dicita-citakan dan akan dapat memberi satu asas dan panduan yang lebih kukuh dan berkesan untuk menghadapi cabaran-cabaran ini di dalam masa tempoh Rancangan Malaysia Lima Tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya, kandungan Kajian Rancangan Malaysia Keempat ini, saya berasa kurang menyenangkan kerana saya berpendapat bahawa pembahagian mengikut dasar Kerajaan tidak seimbang. Kalaulah kita baca dengan teliti di Kertas Perintah 13 Tahun 1984, dalam Kertas itu adalah bukti yang penuh menerangkan bahawa kadar kemiskinan mengikut keturunan kaum dalam tahun 1979-1982, kadar kemiskinan itu termasuklah kawasan bandar dan kawasan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut laporan Kerajaan bahawa kadar kemiskinan di negeri Sarawak di kawasan bandar dan kawasan luar bandar telah berbeza di kalangan isi rumah iaitu dalam tahun 1979-1982. Juga kadar kemiskinan di kalangan kaum mengikut keturunan kaum. Cina di negeri Sarawak adalah paling rendah iaitu 85% berbanding dengan keseluruhannya dengan kaum Bumiputera di Sarawak iaitu bumiputera 91% daripada jumlah isi rumah miskin.

Keadaan kemiskinan bagi penanaman-penanam padi di negeri Sarawak dalam tempoh 1981-1983, kadar kemiskinan mengikut keturunan kaum dan peratusannya di kalangan isi rumah miskin Sarawak mengikut Laporan Kertas Perintah 13 Tahun 1984 di muka surat 97 adalah seperti berikut:

<i>Kaum/Keturunan</i>	<i>1979</i>	<i>1982</i>
Melayu	21.19%	13.2%
Iban	48.7%	49.5%
Bedayuh	64.9%	25.5%
Melanau	18.2%	11.4%

Dan keturunan kaum Cina yang paling rendah sekali. Ini oleh kerana kaum Cina akan semua tinggal di kawasan bandar. Mengikut Laporan Kertas Perintah 13 Tahun 1982 bahawa kaum petani Iban paling tinggi sekali peratusannya lebih kemiskinannya. Ini telah nyata sekali bahawa keturunan kaum Iban sangat lebih tinggi sekali

ketinggalan di semua bidang mengikut penduduk-penduduk di kawasan kaum Iban yang lebih besar.

Kita dapati bahawa Ahli Dewan Undangan Negeri dan Ahli Dewan Rakyat juga keturunan kaum Iban memang lebih besar di Dewan Undangan Negeri dan juga di Dewan yang mulia ini. Maka ini sudah pasti bahawa pembahagian peruntukan kepada kaum Iban tidak seimbang, kalaulah mengikut Laporan Kertas Perintah No. 13 ini dalam Tahun 1984.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana agihan kepada kaum Iban ini tidak seimbang, maka saya di sini merayu kepada Kerajaan Pusat supaya menuhkan satu Jawatankuasa Khas untuk menyiasat pembahagian peruntukan mengikut keturunan dan badan-badan itu termasuk badan bebas untuk menentukan pembahagian mengikut keturunan dan kemudian pembasmian kemiskinan ini akan dapat seimbang di antara kawasan bandar dan kawasan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua sedia maklum bahawa di bandar pembangunan memang sedia ada yang telah dilaksanakan dari masa ke semasa. Kemudahan-kemudahan kesihatan telah diperbaiki dan diperluaskan, jalan-jalan bertambah, sekolah-sekolah baru ditambah, bekalan air dan bekalan elektrik juga memang perlu diperbesar dari semasa ke semasa mengikut bertambah besarnya penduduk-penduduk di bandar di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya dalam Dewan yang mulia ini, cara manakah Kerajaan kita akan dapat meneruskan pembasmian kemiskinan rakyat yang tinggal di kawasan luar bandar di mana kawasan itu tidak ada jalan raya, bahkan mereka itu telah memohon kepada Kerajaan supaya

akan dapat menimbangkan permohonan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya boleh menerangkan satu contoh iaitu di kawasan saya, semasa pilihanraya yang lepas bahawa saya telah melawat kawasan saya (Batang Lupar P. 138) Bahagian Kedua, Sarawak. Dan saya telah menerima banyak syor-syor dari orang ramai mengenai rancangan luar bandar di mana setengah rancangan itu telah didapati tersusun di dalam Rancangan Malaysia Kedua dan Ketiga, tetapi sehingga hari ini projek itu belum lagi dapat dilaksanakan. Oleh yang demikian, timbullah kritik-kritik rakyat di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya pun terperanjat apabila saya menerima syor-syor itu dari orang ramai dan saya sendiri telah menyiasat perkara tersebut ke Pejabat Pegawai Daerah untuk menentukan benar atau tidak. Saya telah diberitahu oleh pihak yang bertanggungjawab dan juga saya telah diberikan satu program rancangan di mana rancangan itu didapati ada setengah projek yang di dalam program itu telah siap dan selain dari itu projek berkenaan seperti projek jalan luar bandar sedang diproses. Maka oleh sebab itu, saya di sini merayu sekali lagi kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan iaitu Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar serta Menteri Kerjaraya supaya dapat mengambil tindakan yang tegas supaya semua projek yang telah disusun di dalam Rancangan Malaysia Kedua dan Ketiga itu tidak terbiar. Saya minta program-program rancangan luar bandar di Sarawak perlu disiasat dengan lebih mendalam kerana saya berasa bimbang kalaulah rancangan pembangunan luar bandar ini tidak diambil perhatian yang berat oleh Menteri yang bertanggungjawab, maka saya khawatir mereka itu amat mudah dipengaruhi oleh anasir komunis. Walaupun anasir komunis di negeri Sarawak setakat ini akan dapat

dikawal tetapi terdapat di kawasan pendalaman masih ada pengaruh anasir komunis itu, walaupun tidak banyak.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, bahawa Kerajaan kita perlulah ambil tindakan yang serius di mana projek-projek itu sangat perlu kepada penduduk-penduduk di kawasan luar bandar kerana sebelum hari hujan kita mestilah sediakan payung.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua sedia maklum bahawa di negeri Sarawak masih banyak tanah didapati subur tetapi telah terbiar. Ini menyebabkan bahawa kajian yang serius tidak diambil

oleh Kerajaan. Maka oleh sebab itu rancangan pembangunan di kawasan luar bandar telah masih ketinggalan.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Ahli Yang Berhormat ada 6 minit lagi, besok boleh sambung 6 minit lagi.

Mesyuarat ditangguhkan sekarang, Dewan akan bersidang semula esok, hari Rabu, 4hb April 1984, pada jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada jam 6.30 petang.